


Jilid II
Bil. 14



Hari Jumaat
25hb Mac, 1988

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2397]

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA:

Pelanggaran Hak dan Kebebasan Ahli Parlimen [Ruangan 2461]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba [Ruangan 2463]

Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Insurans dan Takaful (Pindaan)
[Ruangan 2486]

Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan)
[Ruangan 2505]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 2516]

Akta Kastam 1967:

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1987 [Ruangan 2532]

Perintah Duti Kastam (Perintah Duti Kastam 1988) (Pindaan) 1987
[Ruangan 2533]

KANDUNGANNYA—(samb.)

**Perintah Duti Kastam (Perintah Duti Kastam 1988)
(Pindaan) (No. 2) 1987**

Perintah Duti Kastam 1988

Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1988

Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1988

[Ruangan 2533]

Akta Eksais 1976:

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 11) 1987

Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1988

[Ruangan 2535]

Akta Cukai Jualan 1972:

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar Cukai) 1988 [Ruangan 2537]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

„ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

„ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

„ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

Yang Berhormat DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
 „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
 „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
 „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
 „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
 „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
 „ DR V. DAVID (Puchong).
 „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
 „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
 „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
 „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
 „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
 „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
 „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
 „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
 „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
 „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGGGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
 „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
 „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
 „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
 „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
 „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
 „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).

Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).

- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).

- Yang Berhormat DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S. & A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

Yang Berhormat TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasar Puteh).

- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 25hb Mac, 1988

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

*(Timbalan Yang di-Pertua mem-
pengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PUSAT GIAT MARA

1. Tuan Mohamad Subky bin Haji Abdul Raof minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bahawa memandangkan golongan belia yang menganggur begitu ramai jumlahnya sekarang ini, adakah pihak MARA bercadang iaitu satu Pusat Giat MARA di kawasan Balik Pulau perlu diadakan, jika ada di mana dan jika tiada mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini pihak MARA belum ada mempunyai perancangan untuk menubuhkan Pusat Giat di kawasan Balik Pulau. Ini ialah kerana pada masa ini sebuah Pusat Giat MARA telah beroperasi di Pulau Pinang iaitu di kawasan Machang Bubuk, manakala perancangan telah dibuat bagi menubuhkan Pusat Giat MARA di Bayan Lepas iaitu dalam Daerah Barat Daya dan sebuah lagi di Bukit Panchor, Pulau Pinang.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Terima Kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen, setakat ini berapakah jumlah Pusat Giat MARA di seluruh negara dan apakah pelajaran yang diwujudkan dalam Pusat Giat MARA ini.

Kedua, setahu saya Pusat Giat MARA ini selalu merujuk kepada bangunan-bangunan yang lama untuk diubahsuai bagi mewujudkan Pusat Giat MARA. Soalannya, tidakkah ada satu peruntukan khusus daripada MARA sendiri bagi mewujudkan satu bangunan yang baru sesuai dengan peranan yang dimainkan oleh Pusat Giat MARA itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, sehingga hari ini kita mempunyai 11 buah Pusat Giat MARA di seluruh negara. Pelajaran-pelajaran yang diberi ialah untuk membina kemahiran pelatih-pelatih yang diambil seperti kimpalan, menurap bata, pertukangan, mekanik motor dan sebagainya. Berkenaan dengan sama ada mempunyai peruntukan ataupun tidak, sebenarnya kita menggunakan bangunan lama kerana kita hendak mengadakan pusat itu dengan seberapa segera. Jadi, kalau kita hendak membina bangunan-bangunan baru ia akan memakan masa lama dan sebenarnya boleh diperolehi bangunan-bangunan yang boleh diubahsuai untuk kita jadikan Pusat Giat MARA.

Tuan Mohamed bin Isa: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Sekejap tadi kita telah mendengar jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen

bahawasanya Pusat Giat MARA di seluruh negara kita ini ada 11. Soalannya, saya ingin tahu apakah syarat-syarat bagi penuntut atau pelajar yang akan memasuki Pusat Giat MARA.

Kedua, adakah penuntut-penuntut yang berkelulusan ataupun yang lulus dari Pusat Giat MARA ini diberi kesempatan untuk bekerja sama ada dengan Kerajaan terutama sekali, ataupun pihak swasta. Terima kasih.

Tuan Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan Yang Berhormat yang pertama, syarat-syarat kemasukan untuk memasuki Pusat Giat MARA, sebenarnya kita tidak ada syarat-syarat yang tertentu, kerana selagi mereka boleh membaca dan menulis dan mereka lebih daripada 17 tahun umurnya, boleh memohon untuk memasuki Pusat Giat MARA ini.

Bagi soalan kedua, sebenarnya, kita melatih pelatih-pelatih tempatan yang guna tenaga mereka diperlukan untuk kegiatan-kegiatan ekonomi di dalam masyarakat tempatan. Kita tidaklah menggalakkan mereka ini mencari kerja dengan Kerajaan kerana kita mahu mereka menjadi pelatih-pelatih yang boleh mencari pekerjaan dengan swasta ataupun bekerja sendiri.

PENCEMARAN AIR/UDARA/ BUNYI

2. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mencegah atau mengatasi masalah:

- (a) pencemaran air;
- (b) pencemaran udara; dan
- (c) pencemaran bunyi.

Sila nyatakan kejayaan dan masalah-masalah yang dihadapi setakat ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat sebenarnya menyentuh satu bidang kerja yang agak luas dan merangkumi hampir semua bidang kerja Jabatan Alam Sekitar. Secara ringkas, Kerajaan telah melaksanakan beberapa langkah seperti berikut:

- (a) Bagi mengawal pencemaran air 3 peraturan telah digubalkan dan dilaksanakan:
 - (i) Peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling premis yang ditetapkan—Minyak Kelapa Sawit Mentah 1977—bagi mengatasi masalah pencemaran yang disebabkan oleh kilang-kilang kelapa sawit.
 - (ii) Peraturan-peraturan kualiti alam sekeliling premis yang ditetapkan—Getah Asli Mentah 1978—bagi mengatasi pencemaran dari kilang getah; dan
 - (iii) Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling Tumpahan dan Effluent Industry 1979 bagi mengawal masalah pencemaran dari kilang-kilang lain.
- (b) Bagi mengawal pencemaran udara dari kilang-kilang, peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978 telah digubal dan dikuatkuasakan. Bagi mengawal masalah pencemaran yang berpunca daripada kenderaan-kenderaan bermotor, Jabatan Alam Sekitar juga telah menguatkuasakan Kaedah-kaedah Kereta Bermotor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977.
- (c) Bagi mencegah pencemaran bunyi bising, pemasangan alat-alat dan jentera baru dalam kilang yang boleh menyebabkan

bunyi bising dikawal melalui peruntukan yang ada di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Untuk kawalan bunyi bising dari kenderaan bermotor, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Bunyi Bising Kenderaan) 1987 telah digubal dan dilaksanakan.

Memandangkan kawalan pencemaran memerlukan kerjasama semua lapisan masyarakat, maka langkah-langkah bukan perundangan juga telah diambil:

- (1) Meningkatkan perhubungan antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri dengan menggalakan penubuhan Jawatankuasa Bertindak Alam Sekitar di peringkat Negeri bagi menyelaras urusan hal ehwal alam sekitar.
- (2) menyediakan garis panduan amalan baik pengurusan alam sekitar bagi panduan dan nasihat agensi-agensi pembangunan.
- (3) Mengadakan aktiviti-aktiviti kesedaran alam sekitar untuk memperluaskan pengetahuan orang ramai dan mengadakan kurikulum pendidikan alam sekitar di sekolah.

Dengan pelaksanaan langkah-langkah dan strategi-strategi tersebut di atas, Kerajaan telah berjaya mengawal pelepasan air kotor dari kilang-kilang kelapa sawit dan kilang getah. Pelepasan efluen dari kilang lain juga semakin bertambah baik. Dengan demikian, kualiti air sungai yang tercemar di hulu pun semakin jadi bersih.

Berhubung dengan ini juga, semua kilang baru telah memasang alat-alat kawalan pencemaran udara manakala pelepasan asap hitam dan amalan pembakaran terbuka adalah terkawal.

Dalam hal ini juga, rekod menunjukkan pada memastikan had asap kenderaan pada setakat ini telah sampai 85% berbanding dengan hanya 50% pada tahun 1979.

Berhubung dengan masalah yang masih dihadapi, Kerajaan masih menghadapi pencemaran yang berpunca dari kerja-kerja tanah, penebangan pokok dan kekurangan loji takungan tumpahan. Ini memerlukan perhatian berat dan kerjasama semua pihak berkenaan.

Dalam hal ini juga adalah didapati bahawa secara am orang ramai masih tidak memahami kepentingan perlindungan alam sekitar dan tidak memberi perhatian berat ke atas kebersihan persekitaran mereka. Semua rakyat dan pengusaha adalah digesa supaya memberi sokongan penuh kepada Kerajaan untuk bersama-sama mengekal dan meninggikan kualiti alam sekeliling kita.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyatakan bahawa pihak Kementerian telah menggubal tiga Peraturan Kualiti Alam Sekeliling, tetapi ketiga-tiga Peraturan itu adalah meliputi kelapa sawit, getah asli dan juga kilang-kilang yang lain. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk menggubal satu peraturan alam sekeliling yang mengawal dari segi binatang seperti babi, anjing dan seumpamanya kerana pencemaran air dan udara darinya juga mengeluarkan bau, rasa dan warna yang berubah seperti di Sungai Tiram Batu Maung di Pulau Pinang di mana bau, rasa dan warna yang tercemar. Jadi, soalannya adakah Kementerian akan menambahkan satu peraturan yang baru? Kalau tidak, apakah usaha-usaha sementara atau jangka panjang bagi memastikan pencemaran bau, rasa dan warna juga turut diambil kira?

Soalan yang kedua, adakah terdapat kes-kes pekak, tuli ataupun seumpamanya akibat pencemaran bunyi? Kalau ada, apakah tindakan selanjutnya? Terima kasih.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, mengenai peruntukan-peruntukan mengawal binatang seperti babi, ini adalah terpulang kepada Kerajaan-kerajaan Tempatan dan juga dalam pengetahuan saya ada peruntukan-peruntukan berkenaan untuk mengawal perkara itu. Tetapi mengenai pengawalan bau, ini adalah satu masalah yang masakini belum ada lagi teknologi yang sesuai untuk mengatasi masalah bau ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Mengenai yang pekak tuli tadi.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Mengenai pencemaran bunyi bising, ini adalah sedang dikaji mengenai kesan kepada manusia.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri mengenai masalah pencemaran air dan di sini saya hendak mendapat tahu apakah langkah-langkah lanjutan yang telah diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi masalah pencemaran air di Sungai Kelang yang merupakan salah satu sungai yang amat tercemar di ibukota ini?

Yang kedua ialah mengenai pencemaran bunyi. Saya hendak bertanya bersabit dengan kempen yang dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan baru-baru ini mengenai tindakan yang diambil terhadap kenderaan-kenderaan bermotor yang berbunyi bising. Saya hendak bertanya, apakah keberkesanan kempen itu?

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, mengenai

pencemaran di Sungai Kelang, satu Pasukan Pertugas Pembersihan Sungai Kelang ditubuhkan untuk menyelaraskan usaha-usaha pembersihan Sungai Kelang. Pasukan ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Kemajuan yang telah dicapai ialah:

- (1) 23 tapak-tapak kerja-kerja tanah telah disediakan dalam usaha mengawasi kelodakan air;
- (2) memasang perangkap sampah "boom" untuk memerangkap sampah-sarap;
- (3) beberapa tapak pelupusan sampah-sarap telah dikenalpasti dan akan dikaji kesesuaiannya;
- (4) pengendalian tapak untuk pelupusan sisa-sisa toxid di Kuala Langat; dan
- (5) kajian teknikal sistem pembentungan najis sedang dilaksanakan.

Mengenai operasi pengawai bising bermotor, setakat ini operasinya boleh dianggap memuaskan.

KOMPUTER DI SEKOLAH-SEKOLAH

3. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) sama ada sekolah-sekolah boleh memilih membeli komputer-komputer jenis yang lain selain daripada jenis N.E.C. Jika ada pilihan mengapakah sekolah-sekolah telah diarahkan untuk membeli komputer berjenis N.E.C.; dan
- (b) adakah komputer N.E.C. telah digunakan di sekolah-sekolah adalah jenis yang terbaru dan termoden.

Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan tidak pernah mengeluarkan arahan untuk meminta sekolah-sekolah membeli komputer N.E.C. sahaja, atau membeli mana-mana jenama komputer.
- (b) keberkesanan pendidikan komputer tidak bergantung kepada model dan jenama komputer. Walau bagaimanapun, Kementerian telah mendapatkan kerjasama Jabatan-jabatan Kerajaan lain yang termasuk pihak MIMOS untuk memastikan penggunaan komputer yang paling berkesan.

Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri oleh kerana zaman kini boleh dikatakan zaman komputer, adakah Kementerian bercadang hendak membekalkan sekurang-kurangnya satu komputer kepada sebuah sekolah di seluruh Malaysia?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan gesaan Ahli Yang Berhormat supaya komputer dibekalkan kepada semua sekolah, malahan Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan telahpun mengesyorkan agar Kerajaan memperkenalkan matapelajaran Pendidikan Komputer atau Pengenalan Komputer bagi semua Sekolah Menengah dengan segera. Ini memandangkan bahawa kemajuan yang telah dicapai oleh beberapa buah negara yang sedang membangun di bidang pendidikan komputer agak memuaskan. Walau bagaimanapun, masalah ini sedang diteliti oleh semua Jabatan dan agensi yang berkenaan kerana kos dan pembiayaannya agak tinggi.

Kementerian telah mengambil langkah sekarang untuk mengadakan perundingan, dan memohon agar pihak MIMOS mengadakan dan menjalankan penyelidikan bagi mengurangkan secara substantial, dengan izin, kos pembiayaan komputer untuk digunakan oleh sekolah-sekolah.

Tuan Ting Chek Ming: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa dalam negeri Perak di mana terdapat banyak sekolah bila mereka mahu membeli komputer. Tetapi sebelum membeli komputer mereka hendak mendapat kelulusan daripada Jabatan Pendidikan Negeri, di mana Jabatan Pendidikan Negeri mengarah atau mengesyorkan kepada mereka supaya membeli komputer N.E.C. Jika sedar bolehkah beliau beritahu apakah tindakan yang akan diambil.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, sekadar pengetahuan Kementerian, tuduhan itu didapati tidak benar. Walau bagaimanapun, memandangkan Ahli Yang Berhormat telah mengemukakan perkara tersebut dan menyebut Jabatan Pendidikan Negeri Perak secara spesifik, saya akan memastikan bahawa kajian diambil kerana Kementerian tidak pernah mengeluarkan arahan, bahkan tidak bersetuju sekiranya mana-mana jenama komputer diberikan sebagai syarat untuk digunakan di sekolah-sekolah. Sekiranya tuduhan ini benar, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

BERITA DI TV MALAYSIA

4. Tuan Maidom bin Pansai minta Menteri Penerangan menyatakan berkaitan dengan rancangan siaran berita menerusi TV Malaysia dalam mana di samping Berita Nasional yang disiarkan oleh TV Malaysia, terdapat juga rancangan yang dipanggil "Berita Wilayah" yang mana nampaknya

hanya meliputi siaran berita daripada Wilayah Semenanjung Malaysia sahaja. Oleh yang demikian, adakah Kerajaan boleh mempertimbangkan pengwujudan kembali rancangan "Berita Daerah" yang meliputi negeri Sabah dan Sarawak seperti yang pernah diwujudkan di suatu masa dulu menerusi apa yang dipanggil "Rancangan Rangkaian Ketiga". Saya rasa ini adalah amat mustahak yang bukan saja dilihat dari sudut keadilan tapi memandangkan berita-berita daripada Sabah dan Sarawak adalah amat kurang sekali yang disiarkan menerusi rancangan Berita Nasional di TV Malaysia.

Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Railey bin Jaffrey): Tuan Yang di-Pertua, TV Malaysia sekarang ini menyiarkan tiga jenis Berita di samping liputan-liputan lain yang dibuat. Berita-berita tersebut ialah "Berita Wilayah", "Berita Nasional" dan "Berita Antarabangsa" iaitu yang diberi tajuk "Dunia Jam 10.00". Semua liputan-liputan Berita ini khususnya Berita di peringkat Wilayah dan Nasional adalah berasaskan kepada kepentingan peristiwa-peristiwa yang berlaku ditinjau dari segi kepentingan nasional dan rakyat seluruh negara.

Berhubung dengan Berita Wilayah semua negeri-negeri dalam Persekutuan adalah mendapat peluang yang sama untuk mendapat liputan berasaskan kepada kepentingan peristiwa-peristiwa yang berlaku atau dengan izin, "News worthiness". Oleh itu tidaklah benar dikatakan bahawa berita-berita daripada Sabah dan Sarawak amat kurang sekali disiarkan, kerana sebarang berita penting tetap akan disiarkan sama ada melalui Berita Wilayah atau berita Nasional mengikut kesesuaian perkara yang terlibat.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang dihadapi

oleh semua rakyat Malaysia di dalam proses menganjurkan integrasi nasional ialah kekurangan fahaman terhadap negara kita sendiri. Contohnya pemberita-pemberita dan Ahli-ahli Yang Berhormat pun pernah bertanya saya, "Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching, bila mahu balik ke Sabah?" Mereka tidak tahu bahawa Kuching bukan terletak bukan di Sabah tetapi di Sarawak. Maka jelaslah liputan kurang ke atas peristiwa-peristiwa di Sabah dan Sarawak dan ke arah tujuan ini, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu jaminan bahawa rencana khas akan diberi kepada liputan tentang peristiwa-peristiwa dan berita-berita di negeri Sabah dan Sarawak oleh kerana kepentingan Sarawak dan Sabah pun kepentingan kebangsaan juga.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jika kita rakyat Malaysia selepas 30 tahun merdeka tidak tahu di mana letaknya bandar Kuching dan Kota Kinabalu, saya rasa TV Malaysia tidak dapat menjawab soalan ini, sebab sejauh mana yang saya ketahui kita di TV Malaysia sentiasa membuat rancangan-rancangan khas sama ada untuk memperkenalkan negeri-negeri dalam Malaysia sesama untuk pengetahuan rakyat Malaysia, mahupun untuk pengetahuan rakyat di luar negeri. Jadi soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, saya rasa ini soal pengetahuan ilmu alam, bukan RTM.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya tidak mendengar ataupun tidak mendapat tahu bahawa beliau menyebut mengenai rancangan Rangkaian Ketiga yang saya kemukakan dalam soalan asal tadi. Pada satu masa dahulu peristiwa-peristiwa yang terjadi di negeri Sabah mahupun di

Sarawak diberi liputan sepenuhnya menerusi rancangan Rangkaian Ketiga ini, lebih kurang dalam tahun 70an dahulu, tetapi sekarang rancangan tersebut sudah tidak ada lagi. Pertanyaan saya di sini ialah tidakkah Kerajaan mempertimbangkan pengwujudan kembali supaya peristiwa-peristiwa mahupun kegiatan-kegiatan yang mana Sabah dan Sarawak tidaklah ketinggalan atau tidak sunyi daripada kegiatan-kegiatan supaya ianya dapat disiarkan menerusi rancangan Rangkaian Ketiga itu.

Tuan Railey bin Jaffrey: Tuan Yang di-Pertua, Rangkaian Ketiga yang telah disiarkan daripada Negeri Sabah meliputi Sabah dan Sarawak, telah diambil alih dan dipusatkan di Angkasapuri Kuala Lumpur, bertujuan semata-mata supaya rakyat Malaysia menerima berita yang dipusatkan dari Kuala Lumpur ataupun dicentralised, dengan izin. Jadi soal mengembalikan atau mengadakan semula Rancangan Berita Daerah yang dipanggil rangkaian Ketiga pada masa sekarang ini tidaklah timbul.

GURU TERLATIH KEKURANGAN

5. **Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (i) bilangan kekurangan guru terlatih di sekolah-sekolah rendah dan menengah dalam negara mengikut pecahan jenis sekolah masing-masing bagi tipa-tiap tahun sejak 1980; dan
- (ii) purata nisbah guru dengan murid-murid dalam sebuah bilik mengikut pecahan jenis sekolah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat telah meminta jumlah kekurangan guru-guru terlatih dari tahun 1980 hingga 1987 mengikut semua jenis sekolah.

Saya memohon izin Tuan Yang di-Pertua untuk memaklumkan ini secara terperinci kepada Ahli Yang Berhormat secara bertulis kerana membacanya akan mengambil masa yang panjang. Saya akan hanya membaca kekurangan guru-guru terlatih untuk tahun 1987 sahaja.

Keseluruhan kekurangan guru terlatih bagi Sekolah Rendah — bukan kekurangan guru tetapi kekurangan guru terlatih ialah 15,926 orang dan bagi sekolah menengah 3,307 orang.

Mengikut jenis sekolah, kekurangan yang paling banyak ialah di sekolah kebangsaan termasuk sekolah rendah jenis kebangsaan 9,838; SRJK(C) 4.689; SRJK(T) 1.399.

Purata nisbah guru dengan murid dalam sebuah kelas mengikut pecahan jenis sekolah adalah seperti berikut:

Semenanjung Malaysia—1987

Sekolah Rendah:

SK dan SRK	1:22.59
SRJK(C)	1:24.55
SRJK(T)	1:16.82

Sekolah Menengah:

Akademik	1:21.29
S.M Teknik	1:9.64
S.M. Vokasional	1:5.48

Oleh kerana kekurangan guru terlatih ini amat dirasai maka jumlah guru yang dilatih di beberapa tahun kebelakangan ini telah ditingkatkan berlipatganda sama ada bagi guru-guru siswazah dan juga guru-guru yang harus dilatih di maktab-maktab perguruan di seluruh negara.

Tuan Chian Heng Kai: Oleh kerana masalah kekurangan guru terlatih merupakan satu masalah yang agak

lama, jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada Kerajaan buat perancangan sampai satu masa masalah kekurangan guru terlatih ini dapat diselesaikan. Jika ya, bila; dan jika tidak, mengapa?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, masalah guru terlatih tentu akan dihadapi memandangkan nisbah guru kepada di tiap-tiap kelas bagi pelajar-pelajar atau murid-murid akan bertambah. Dahulu kita membuat perkiraan bagi tiap kelas boleh didapati 50 murid. Sekarang jumlah ini kian berkurangan. Jadi, bila jumlah berkurangan, keperluan guru bertambah. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa calon guru yang diambil untuk dilatih di maktab perguruan di tambah berlipatganda. Namun kualiti atau mutu guru yang dipilih harus dipertahankan.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada satu ketika kita ambil guru-guru dengan kelayakan yang paling minima di peringkat SPM. Sekarang ini kita memerlukan sekurang-kurangnya kredit yang baik bagi matapelajaran tertentu di peringkat SPM dan sebaik-baiknya di peringkat STPM. Oleh yang demikian, untuk melatih itu tertakluk juga kepada calon-calon yang layak.

Saya ingin menjelaskan bahawa mengikut perancangan kita, masalah ini boleh diselesaikan, tidak secara menyeluruh tetapi secara umum, selewat-lewatnya dalam masa lima tahun. Pada hari ini ada juga guru yang dikatakan tidak terlatih tetapi cukup pengalaman. Sebab itu jumlah ini tidak harus menggemparkan atau mengelirukan kerana mengikut jumlah yang ada termasuk guru di Sabah dan Sarawak dan beberapa kawasan tertentu di Semenanjung adalah guru-guru yang mempunyai pengalaman mengajar 5, 10 atau 15

tahun tetapi tidak mendapat latihan formal sebagai guru memandangkan kelayakan mereka tidak cukup. Tetapi untuk mengatakan mereka ini guru yang lemah atau tidak terlatih, tidak tepat. Sebab itulah jumlah ini harus diteliti secara objektif agar tidak menimbulkan kekeliruan.

Tuan Mohamed bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Menteri berkenaan beri penjelasan bagaimanakah seriusnya kedudukan kekurangan guru di negara kita Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara jiran yang sedang membangun?

Tuan Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mempunyai angka yang tepat, tetapi dalam kajian yang dibuat oleh badan-badan seperti UNESCO dan juga penelitian umum yang dibuat oleh badan seperti SEMEO, Badan Organisasi Menteri-menteri Pendidikan Asia Tenggara, nyatalah bahawa prestasi kita dan juga program latihan serta kelayakan yang dikenakan bagi calon guru di Malaysia ini di antara yang terbaik. Mungkin kalau dibandingkan dari segi keseluruhan, Singapura mencatat kedudukan yang lebih baik memandangkan jumlah murid mereka jauh lebih kecil. Tetapi ini tidak bermakna kita harus berpuas hati kerana pada masa sekarang kita lebih banyak menekankan tentang mutu pendidikan, tidak semata-mata menyediakan infrastruktur atau prasarana pendidikan tetapi kita membahaskan soal mutu pendidikan, dan sekiranya mutu pendidikan ini mahu dipertahankan atau ditingkatkan maka kelayakan guru dan penyediaan guru-guru terlatih adalah terlalu kritikal.

HARGA BARANGAN UTAMA

6. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan strategi Kementerian

untuk terus menjamin kestabilan dan peningkatan harga getah, kelapa sawit, koko dan hasil kayu bagi tahun 1988/89 ini.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, harga barangan utama seperti getah, minyak kelapa sawit, koko dan juga kayu-kayan adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti penawaran dan permintaan dalam pasaran dunia dan kebanyakan daripada faktor-faktor ini adalah di luar kawalan kita. Di samping itu minyak kelapa sawit juga bersaing dengan 16 jenis lemak dan minyak di pasaran dunia.

Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha yang dijalankan sekarang ini bagi memperkukuhkan lagi pasaran barangan utama negara kita supaya harga komoditi adalah berpatutan dan lumayan atau stabil. Misalnya dalam komoditi getah, Malaysia adalah menjadi ahli dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa iaitu INRA dan menerusi operasi stok penimbal INRA telah berjaya menahan kejatuhan harga getah di paras yang lebih rendah beberapa tahun yang kebelakangan ini. Pada masa di mana harga getah telah menjadi kukuh jualan oleh pengurus stok penimbal telah mengekalkan pasaran getah asli untuk bersaing dengan getah tiruan.

Lain-lain usaha akan terus dijalankan ialah menghantar misi galakan pemasaran kepada negara-negara pengguna yang berpontensi untuk mencari pemasaran baru serta memperkukuhkan pasarnya yang sedia ada.

Kedua, meningkatkan khidmat nasihat teknikal ke negara-negara pengguna barangan utama Malaysia. Di dalam hal ini agensi-agensi Kerajaan serta Lembaga penyelidikan dan Pembangunan Getah Malaysia dan Institut Penyelidikan Kelapa Sawit telah menubuhkan pusat

khidmat nasihat teknikal di beberapa negara pengguna yang penting untuk melaksanakan khidmat tersebut.

Selain daripada itu, kita juga akan berusaha untuk mendapatkan negara-negara pengguna menghapuskan sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif bagi meluaskan penggunaan barangan utama kita. Juga usaha-usaha penyelidikan akan diteruskan seperti yang dilakukan oleh institusi-institusi penyelidikan seperti PORIM, FRIM dan RRIM untuk memperluaskan kegunaan akhir bagi penggunaan utama barangan berkenaan supaya permintaan akan dapat ditingkatkan.

Kita juga meningkatkan usaha untuk mengeksport barangan utama melalui pemberian kredit eksport iaitu "refinancing" supaya pengeksport dapat memberi kemudahan kredit kepada pengimport barangan utama berkenaan selama 180 hari dengan faedah yang lebih rendah.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan kelapa sawit. Sejauh manakah keberkesanan kempen anti penggunaan kelapa sawit yang dilakukan oleh Persatuan Kacang Soya ataupun American Soybean Association, dengan izin, terhadap penggunaan kelapa sawit kita ini dan selain daripada kempen-kempen penerangan dan usaha melobi Kerajaan Amerika Syarikat, adakah Kerajaan bercadang mengambil tindakan undang-undang terhadap persatuan tersebut iaitu ASA sepertimana yang pernah disuarakan oleh Menteri Kementerian berkenaan disatu ketika dahulu.

Yang kedua sejauh manakah keberkesanan syarikat perunding Amerika yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia bagi mengatasi masalah tersebut dan sama ada Yang Berhormat dapat memberitahu

Dewan ini berapakah kadar komisyen yang dibayar oleh Kerajaan kepada syarikat tersebut.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini beberapa kali tentang usaha-usaha yang dijalankan untuk memerangi kempen minyak kelapa sawit Amerika Syarikat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya boleh menegaskan sekali lagi bahawa kempen ini pada peringkat ini sekarang mulai kendur barangkali mereka telah puas hati dengan pencapaian mereka atau mereka mempunyai sebab-sebab lain untuk mengendurkan kempen mereka. Mungkin juga kerana kekesanan usaha-usaha yang telah kita jalankan di Amerika Syarikat seperti mengadakan seminar-seminar oleh POREM dan juga langkah-langkah kita untuk mengadakan kajian-kajian di beberapa institusi pengajian tinggi dan kajian di Amerika Syarikat untuk memastikan kebenaran dakwaan kita mengenai kebaikan minyak kelapa sawit.

Mengenai tindakan undang-undang yang suatu ketika dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama ke atas ASA, pada masa ini tidak ada sebarang langkah konkrit diambil untuk mengadakan tindakan undang-undang itu tetapi kita masih lagi mengkaji kemungkinan tindakan ini diadakan.

Mengenai bayaran kepada Syarikat Hill and Knowlton dan sama ada kita berpuas hati dengan tugas yang telah dijalankan, saya suka memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pihak Kementerian puas hati dengan usaha-usaha yang telah dijalankan oleh syarikat perunding Hill and Knowlton Amerika Syarikat untuk menolong kita membantu melawan kempen ASA.

Tentang bayaran yang dikenakan, kita tidak mengenakan komisyen

seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Batu Berendam tetapi kita membayar bayaran dari segi bayaran tetap. Jumlahnya akan saya beritahu kepada Yang Berhormat selepas ini.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, di dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kebanyakan cara-cara yang diambil untuk meningkatkan harga barang-barang ataupun komoditi-komoditi yang disebutkan tadi ialah melalui peningkatan secara pengeluaran di bidang teknologi tetapi pada pendapat saya dari segi teori satu daripada cara-cara meningkatkan harga ialah mengurangkan bekalan di dalam keadaan permintaan yang meningkat. Strategi ini telahpun dilakukan ke atas pengeluaran minyak petroleum oleh kumpulan OPEC.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah adakah pihak Kerajaan mempunyai ura-ura untuk menganuti strategi ini untuk mana-mana komoditi yang disebut tadi dengan kerjasama negara-negara pengeluar yang lain.

Dan yang kedua adakah usaha-usaha mempelbagaikan kegunaan minyak kelapa sawit seperti baru-baru ini di dalam pengeluaran Vitamin E daripada minyak sawit akan betul-betul menambahkan permintaan ke atas minyak sawit dan justeru itu meningkatkan harganya memandangkan bahawa permintaan Vitamin E di dalam pasaran dunia adalah rendah.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, kita memang sentiasa membuka pintu kita untuk bekerjasama dengan sebarang negara pengeluaran minyak sawit di dunia ini untuk memantapkan harga minyak sawit di dunia ini. Usaha-usaha kerjasama dan perundingan sentiasa berjalan dengan pihak pengeluar yang kedua terbesar di dunia iaitu negara Indonesia dan kita berharap suatu

masa nanti persefahaman seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat itu akan dapat dicapai.

Mengenai usaha mempelbagaikan penggunaan minyak kelapa sawit, pihak PORIM akan terus membuat kajian-kajian bagaimana minyak kelapa sawit dapat dipergunakan selain daripada untuk makan dan hasil daripada kajian-kajian ini sudah mulai jelas kelihatan. Satu daripadanya ialah seperti disebutkan tadi ialah mengeluarkan vitamin daripada minyak sawit dan yang lain-lain yang sedang menjalani ujian ialah menjadikan minyak diesel daripada minyak kelapa sawit.

Ini adalah satu atau dua perkara usaha-usaha yang sedang dijalankan oleh pihak PORIM dan banyak lagi kajian-kajian sedang dijalankan untuk mempelbagaikan penggunaan minyak kelapa sawit. Kita harap satu ketika nanti kita akan bukan sahaja dapat mencipta sesuatu barangan baru daripada minyak kelapa sawit tetapi juga mendapatkan teknologi yang sesuai dan mengeluarkan barang-barang yang dicipta itu dengan kadar yang ekonomik.

SYARIKAT MSE—KERUGIAN

7. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan kedudukan dan prestasi Syarikat Malaysia Shipyard and Engineering Bhd (MSE) sejak tahun 1985. Adakah Kementerian berpuashati di atas prestasinya. Apakah rancangan-rancangan Kementerian untuk mempertingkatkan lagi kemajuan di samping itu apakah rancangan syarikat yang sedia ada untuk melibatkan pengusaha-pengusaha bumiputera di dalam kegiatan-kegiatannya.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, sejak

tahun 1985, prestasi MSE telah bertambah buruk berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya akibat dari keadaan ekonomi dan perniagaan perkapalan yang tidak menggalakkan. Dalam tahun 1985, MSE telah mengalami kerugian bersih sebanyak \$24.3 juta dan kerugian ini meningkat kepada \$33.9 juta dalam tahun 1986.

Walau bagaimanapun MSE telah berupaya mengurangkan kerugiannya dalam tahun 1987, iaitu kepada \$23 juta iaitu berkurangan sebanyak \$10.9 juta. Peningkatan kerugian pada tiap-tiap tahun ialah disebabkan pertambahan kepada bayaran faedah modal Yen yang ditanggung oleh pihak syarikat.

Walau bagaimanapun, dijangkakan bagi tahun 1988 MSE akan mencapai keuntungan.

Kementerian berpendapat bahawa prestasi yang telah ditunjukkan oleh MSE setakat ini boleh diperbaiki lagi. Usaha-usaha sedang diambil untuk membaiki kelemahan-kelemahan MSE dan seterusnya memperkemaskan perjalanannya. Di antara langkah-langkah yang diambil untuk mempertingkatkan lagi kemajuan MSE ialah kajian untuk memperkukuhkan struktur dan kedudukan kewangannya termasuklah cara-cara untuk meningkatkan produktiviti dan menjimatkan perbelanjaan. Selain dari itu, usaha-usaha untuk meningkatkan lagi perolehan kerja-kerja di pasaran tempatan dan juga luar negeri sedang giat dijalankan.

Di antara rancangan-rancangan dan program-program untuk menggalakkan penglibatan pengusaha-pengusaha bumiputera dalam kegiatan-kegiatan MSE adalah seperti berikut:

- (a) MSE akan bekerjasama dengan MARA untuk membantu

pengusaha-pengusaha bumiputera yang diiktirafkan oleh MSE, dengan modal yang diperlukan.

- (b) Pengusaha-pengusaha bumiputera yang tidak memiliki atau membeli jentera-jentera berat dibenarkan menyewa alat-alat tersebut dari MSE.
- (c) Senarai pendaftaran pengusaha-pengusaha bumiputera dengan MSE sentiasa disemak semula untuk menentukan bidang-bidang kemahiran yang diperolehi oleh pengusaha-pengusaha bumiputera tersebut supaya mereka dapat menyertai dalam kerja-kerja yang ditawarkan oleh MSE.
- (d) Pengusaha-pengusaha bumiputera yang mempunyai kemahiran dan kemampuan yang diperlukan akan diberikan keutamaan.

Puan Siti Zainabon binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, tidak berapa lama dahulu MSE telah menamatkan perkhidmatan pekerja-pekerja MSE secara beramai kerana disebabkan kemelesetan ekonomi dan MSE menyatakan belanja pengurusan terpaksa dikurangkan.

Walau bagaimana MSE telah memberi pengakuan akan membantu mereka untuk memulakan penghidupan baru jika mereka ingin menjadi pembekal, kontraktor atau lain-lain pengusaha-pengusaha. Jadi, saya ingin tahu berapa ramaikah dari mereka yang telah dibantu dan dengan apa cara.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya sebutkan beberapa kali sama ada di dalam ataupun di luar Dewan, rancangan MISC kurang mendapat sambutan daripada mereka

yang terlibat yang telah diperuntukkan kerja.

Walau bagaimanapun, kita telah menerima satu ataupun dua permohonan dan sedang dipertimbangkan dan saya menyeru kepada mereka yang terlibat untuk menyahut seruan ini dengan secepat yang mungkin.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas kecekapan beliau menggunakan bahasa Malaysia baku.

Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada beliau sejauh manakah kebenaran yang mengatakan bahawa sedikit masa dahulu MISC (Syarikat Perkapalan Malaysia) tidak menghantarkan kapal-kapalnya untuk diperbaiki di limbungan MSE di Johor yang ada sekarang dan sejauh manakah pula kebenaran yang mengatakan bahawa masih terdapat sebahagian besar kapal-kapal MISC dihantar untuk diperbaiki di luar negeri.

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk menswastakan MISC ini dan kalau tidak mengapa, kalau Kerajaan bercadang untuk menswastakan, bilakah masanya.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas tahniah daripada Ahli Yang Berhormat dari Batu Berendam dan saya juga memberikan tahniah yang sama kepada beliau.

Untuk menjawab soalan yang pertama, pada awal-awalnya kerana kita tidak dapat kemungkinan meningkatkan persahabatan dengan MISC dari segi kerana cara-cara pemasaran yang memberi tekanan kepada penglibatan MISC dan MSE, maka adalah benar pada awal-awalnya kita tidak dapat memperbaiki kapal-kapal MISC. Tetapi pada masa

kebelakangan ini banyaklah kapal-kapal MISC yang telah diperbaiki dan sedang diperbaiki oleh MSE. Saya percaya peningkatan ini akan dapat terus dilakukan kerana kita telah mendapat pensesuaian baik dengan MISC pada masa ini.

Tetapi adakalanya MSE terpaksa menolak untuk membuat pembaikan kepada kapal-kapal bukan sahaja untuk kapal MISC disebabkan kerana terlalu banyak kapal-kapal yang datang untuk diperbaiki pada satu masa dan disebabkan kerana kemampuan infrastruktur MSE adalah terhad, maka oleh sebab itu kadangkala adalah kapal-kapal yang tidak dapat diterima untuk diperbaiki.

Mengenai penswastaaan bagi MSE memang ada cadangan ataupun perhatian untuk menswastakan MSE berdasarkan kepada kerugian yang telah dicapai pada masa-masa yang lampau. Walau bagaimanapun, memandangkan peningkatan yang telah dicapai oleh MSE dengan memperbaiki keadaan-keadaan dan dijangkakan dalam tahun 1988 ini kita akan mendapat keuntungan dan kemungkinan keuntungan yang besar juga. Jadi, dalam hal penswastaaan ini pertimbangan keuntungan ini akan diambil kira dan sama ada kita akan menswastakannya, itu bergantung kepada tawaran-tawaran yang dibuat dan harga-harga yang dicadangkan dan tidak ada sebab Kerajaan tidak akan menswastakannya sekiranya harga itu berpatutan dan keadaan MSE tidak dapat menunjukkan peningkatan yang baik. Bila masanya, bergantung kepada harga dan tawaran yang akan diterima.

MUZIK DI TEPI JALAN BAGI ORANG BUTA

8. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah langkah yang sedang diambil bagi

menyekat orang-orang buta yang memainkan muzik di tepi jalan. Tidakkah ada rancangan supaya mereka ini ditempatkan di tempat-tempat yang tertentu untuk mereka ini bermain dan tidak sesuka hati mereka sahaja dan di samping itu memburukkan imej negara kita di mata pelawat-pelawat yang berkunjung ke negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat bagi menyekat orang-orang cacat penglihatan yang bermain muzik di tepi jalan adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan perjumpaan serta mendaftar mereka yang berminat untuk mengikuti latihan bermain muzik secara profesional;
- (ii) mengadakan latihan bermain alat-alat muzik dengan bantuan RTM dengan tujuan memperbaiki cara bermain muzik dan persembahan; dan
- (iii) setakat ini tiga kumpulan telah dilatih yang mengandungi 7-10 orang ahli bagi satu kumpulan. Bantuan untuk membeli alat-alat muzik dan kelengkapan yang lain telah diberi supaya tiap-tiap kumpulan tersebut mempunyai setnya sendiri. Berkenaan dengan rancangan supaya mereka ditempatkan di tempat-tempat yang tertentu sebenarnya beberapa rancangan sedang diusahakan dan di antaranya ialah menempatkan kumpulan pemuzik ini di hotel-hotel dan tempat hiburan supaya mereka dapat memperolehi pendapatan yang tetap.
- (iv) selain dari itu Kementerian Kebajikan Masyarakat dengan

kerjasama dari Persatuan Penjaja-penjaja Kecil Wilayah Persekutuan dan pihak Bandaraya sedang berusaha untuk menempatkan mereka di tempat-tempat tertentu seperti di perkarangan pasar malam serta pasar seni dan sebagainya. Di samping itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan telah juga membuat hebahan dan menyiarkan risalah kepada orang ramai untuk menyokong kumpulan ini dengan membuat tempahan bermain muzik di majlis keraian, majlis perkahwinan dan sebagainya dengan memberi bayaran yang berpatutan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya percaya orang-orang buta ini mendapat latihan dahulu sebelum mereka pandai bermain alat-alat muzik.

Soalan saya yang pertama, apakah pihak Kementerian tidak membuat kajian terlebih dahulu sama ada pasaran untuk muzik yang ada sekarang sudah mencukupi ataupun tidak mencukupi oleh kerana orang-orang buta ini apabila dilatih untuk muzik, maka muzik sahajalah jalan hidupnya. Jadi, ini saya lebih menyalahkan pihak Kementerian berkenaan daripada menyalahkan orang buta kerana mereka hanya dilatih untuk itu sahaja, tidak ada jalan lain.

Yang kedua, apakah usaha pihak Kementerian untuk mendedahkan mereka ini melalui RTM kerana saya selalu sebutkan dahulu, suara yang tak sedap pun kalau didedahkan melalui RTM ataupun melalui TV dia akan menjadi sedap. Contohnya ada seorang model dahulu yang bernama Wan Zaleha Radzi, tak terkenal tetapi apabila didedahkan menjadi pengacara TV, beliau telah menjadi begitu

popular. Demikian juga contoh penyanyi-penyanyi yang menyanyi di tepi jalan seperti dR. Sam tetapi sekarang sudah popular. Jadi adakah Kementerian bercadang untuk mendedahkan penyanyi-penyanyi buta seperti S. Jibeng dan lain-lain lagi melalui TV supaya mereka mendapat tempat dalam pasaran muzik yang ada sekarang.

Akhir sekali, tolong namakan apakah hotel-hotel dan juga tempat-tempat hiburan lain yang pernah diletakkan orang-orang buta untuk menyanyi, setakat yang saya tahu saya tak pernah berjumpa lagi.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab soalan tiga dahulu, iaitu nama-nama hotel. Memang benar tidak ada hotel sekarang yang menyertai skim ini oleh sebab setiap kali Kementerian meminta hotel-hotel menolong usaha ini, mereka enggan mengambil kumpulan ini oleh sebab alasan yang diberi kepada Kementerian ini ialah gaya persembahan tidak cukup dan lain-lain dan mereka tidak boleh bergerak dengan bebas. Oleh sebab itu, saya rasa hotel-hotel inipun tidak berapa suka hendak mengambil kumpulan seperti ini. Walau bagaimanapun, Kementerian akan cuba berunding dengan mereka supaya dapat hotel-hotel menolong kumpulan sasaran ini.

Mengenai RTV dan program-program RTV termasuk dalam kumpulan orang-orang buta ini, saya di sini hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat, Kementerian saya memang bekerja rapat dengan RTM supaya kumpulan ini dapat dimasukkan dalam satu-satu program hiburan supaya perasaan mereka pun dapat dipersembahkan kepada TV viewers, dengan izin. Saya harap kita dapat memperkembangkan usaha ini.

Mengenai kajian pasaran, di sini saya hendak menjelaskan

Kementerian baru-baru ini mengadakan satu dialog, khasnya dialog dari Pejabat Kebajikan Wilayah Persekutuan dengan seramai 43 orang cacat penglihatan di Wilayah Persekutuan, khasnya untuk mencari jalan untuk menolong mereka supaya mereka dapat terus bergerak dan dapat faedah dari segi kerja. Di sini saya hendak menjelaskan juga ada 8 tempat tertentu akan disediakan di Bandaraya Kuala Lumpur supaya mereka dapat membuat persembahan muzik di Platform-Platform yang disediakan di 8 tempat tertentu di Kuala Lumpur ini. Dengan ini kita di Kementerian berharaplah mereka tidak lagi diletakkan di tepi jalanraya apabila mereka bermain muzik.

PENYALAHGUNAAN PERATURAN OLEH KOPERASI

9. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah Persekutuan sedar tentang pelanggaran peruntukan dalam Ordinan Koperasi 1948 dan Peraturan Koperasi 1949 oleh Koperasi Serbaguna Tenaga Bersama Malaysia dan Koperasi Daya, terutamanya berkaitan dengan penglibatan mereka dalam projek perumahan yang mana ahli-ahli mereka telah menjadi mangsa kerana rumah-rumah tersebut tidak disiapkan. Jika jabatan sedar, apakah tindakan yang telah diambil terhadap koperasi berkenaan dan apakah bantuan yang akan diberikan kepada ahli-ahli koperasi untuk mendapatkan rumah-rumah mereka atau mendapatkan semula wang mereka; dan
- (b) memandangkan kelemahan dan kekurangan yang terdapat

dalam Ordinan Koperasi 1948 yang ada sekarang yang mengarah kepada penyalahgunaan tujuan dan matlamat pergerakan koperasi oleh syarikat-syarikat koperasi yang tidak bertanggungjawab, sama ada .Kementerian berkenaan akan menyemak semula ordinan dan membuat pindaan-pindaan yang perlu.

Tuan Mohamed bin Jamrah:Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan Jabatan Pembangunan Koperasi Wilayah Persekutuan, Koperasi Serbaguna Tenaga Bersama Malaysia Berhad tidak ada menjalankan sebarang projek perumahan ataupun sebarang kegiatan. Begitu juga Mesyuarat Lembaga atau Mesyuarat Agung telah lama tidak diadakan. Memandangkan kepada keadaan ini, Ketua Pendaftar telah .. membatalkan pendaftaran koperasi itu pada 11hb April, 1987. Jika ada sesiapa yang mengutip wang bagi tujuan projek perumahan yang dikatakan dijalankan oleh Koperasi Serbaguna Tenaga Bersama Malaysia Berhad ini, maka itu adalah satu penipuan dan mereka yang mengetahui hal ini dinasihatkan supaya melaporkan kepada pihak polis.

Berkenaan dengan Koperasi Daya Berhad, sememang ada menjalankan projek perumahan dan ini bukanlah satu kesalahan di bawah Akta Koperasi kerana ini sememang satu daripada tujuan atau objektif koperasi itu. Begitu juga perbuatan menerima wang pertaruhan untuk membeli rumah daripada ahli-ahli juga adalah dibolehkan. Tentang soal koperasi tidak dapat menyiapkan projek perumahannya, ini adalah satu pertikaian, dengan izin, dispute di antara ahli-ahli berkenaan dengan koperasi mereka yang harus

disampaikan kepada Pendaftar Negeri untuk diselesaikan mengikut seksyen 49 Akta Koperasi.

Sebenarnya projek perumahan koperasi ini terbengkalai adalah disebabkan oleh perbuatan yang disyaki sebagai pecah amanah atau penyelewengan oleh beberapa orang ahli Lembaga Pengarah Koperasi ini. Laporan polis telah pun di buat dan pihak polis sedang menjalankan penyiasatan. Pihak Lembaga Pengarah Koperasi Bersama dengan Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri Selangor Darul Ehsan sedang berusaha menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh koperasi ini yang berkaitan dengan projek perumahannya.

Koperasi bukan sahaja menghadapi masalah kewangan tetapi juga dari segi undang-undang atau legal, dengan izin, berkaitan dengan pembelian tanah projek perumahan di Salak South. Masalah ini adalah rumit dan jika Yang Berhormat ingin mengetahui lebih lanjut, Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan Pengarah Pembangunan Koperasi Negeri Selangor Darul Ehsan.

Berkenaan dengan bantuan yang boleh diberikan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi adalah berbentuk khidmat nasihat dan bimbingan sahaja. Jabatan berkenaan tidak ada menyediakan bantuan kewangan untuk mana-mana koperasi. Bagi pihak Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar bersama dengan Jabatan Pembangunan Koperasi, sememang sedang menyemak semula keseluruhan Akta Koperasi 1948 dan sekarang di peringkat terakhir. Jika tidak ada apa-apa halangan, ianya akan dikemukakan ke dalam Dewan yang mulia ini dalam persidangan akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan 10 hingga 38 adalah diberi di bawah ini).

BANK UAB DAN CCB— AMBILALIH BANK NEGARA

10. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan telah melakukan perubahan struktur dan susunan terhadap mana-mana bank yang telah diambilalih oleh Bank Negara Malaysia seperti UAB dan CCB dari segi kakitangan, pengurusan dan Lembaga Pengarah. Apakah perubahan dan penyusunan semula telah mengambilkira beberapa dasar Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, institusi-institusi kewangan yang telah diambilalih oleh Bank Negara Malaysia sememangnya telah dibuat perubahan struktur dan penyusunan sewajarnya dari segi ekuiti, pengurusan kanan dan ahli-ahli Lembaga Pengarahnya bagi memastikan institusi-institusi kewangan itu dapat menjalankan operasi mereka dengan lebih cekap dan berkesan. Tujuan utama perubahan dan penyusunan semula dibuat ialah untuk memulihkan kedudukan kewangan masing-masing. Semua institusi kewangan di negara ini adalah dikehendaki mematuhi dasar-dasar Kerajaan.

SEKOLAH ALIRAN AGAMA ISLAM BAGI MURID SEKOLAH KEBANGSAAN

11. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Pendidikan

menyatakan jumlah murid-murid sekolah rendah kebangsaan yang memohon belajar sekolah aliran agama Islam hujung tahun lalu, dan ramai manakah mereka yang berpeluang melanjutkan pelajaran ke sekolah itu. Sila butirkan mengikut negeri-negeri.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah murid-murid Sekolah Rendah Kebangsaan yang memohon belajar di sekolah aliran Agama Islam hujung tahun lalu dan yang berpeluang mendapat tempat adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah Permohonan</i>	<i>Jumlah yang mendapat tempat belajar</i>
Perlis	623	240
Kedah	925	130
P. Pinang	2324	420
Perak	1262	320
Selangor	945	160
W. Persekutuan	430	100
N. Sembilan	920	300
Melaka	958	327
Johor	1345	440
Pahang	1200	240
Terengganu	988	542
Kelantan	1134	314
Sabah	385	120
Sarawak	1396	712
Jumlah	14.832	4.265

KAYU KERAS TROPIKA MALAYSIA

12. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (i) sejauh manakah kejayaan kempen menentang kegunaan kayu keras tropika Malaysia oleh negara-negara Eropah;
- (ii) apakah langkah-langkah telah diambil bagi melawan kempen tersebut; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang Kerajaan telah ambil dan akan

ambil bagi mengurus sumber kayu kayan supaya tidak ketandusan hutan dan binatang-binatang.

Tuan Alias bin Md. Ali:

- (i) Kempen menentang kegunaan kayu keras tropika Malaysia di Eropah adalah dilakukan oleh golongan-golongan pencinta alam. Setakat ini kempen mereka belumlah menjejaskan jumlah eksport kayu kayan Malaysia ke Eropah. Walau bagaimanapun di Belanda sudah ada penguasa tempatan yang terpengaruh untuk mengeneipkan kayu tropika dari digunakan di dalam projek-projeknya.
- (ii) Kerajaan telah mengeluarkan buku-buku, risalah, pita video dan filem mengenai aktiviti pengurusan, pemeliharaan dan pembangunan hutan di Malaysia yang disebarkan di luar negeri untuk menerangkan situasi sebenar di Malaysia.

Pada bulan April, 1988 ini saya sendiri akan mengetuai satu misi khas ke United Kingdom, Belanda, Jerman Barat dan Belgium untuk mengatasi masalah ini.

Selanjutnya Kerajaan akan mendapatkan kerjasama FAO dan ITTO (International Tropical Timber Organisation) supaya menganjurkan seminar-seminar dan menerbitkan buku-buku, risalah-risalah ataupun filem yang boleh dijadikan saluran untuk memberi gambaran secara adil dan tepat tentang keadaan pengurusan hutan di Malaysia.

- (iii) Antara langkah-langkah yang telah Kerajaan ambil supaya

tidak ketandusan hutan dan binatang-binatang adalah:

- (a) Mengisytiharkan 12.7 juta hektar daripada kawasan hutan sekarang sebagai Hutan Simpan Kekal, di mana 3.7 juta hektar adalah untuk tujuan-tujuan perlindungan dan "amenity".
- (b) Menguruskan kira-kira 9 juta hektar Hutan Simpan Kekal produktif berdasarkan prinsip-prinsip penghasilan berkekalan seperti sistem tebangan memilih, catuan kadar tebangan hutan tahunan, rawatan silvikultur yang seimbang dengan keluasan tebangan dan tanaman pengayaan ke atas kawasan-kawasan hutan yang didapati kurang mencukupi dirian pokok-pokoknya.
- (c) Menubuhkan ladang-ladang hutan.
- (d) Menubuhkan Taman Negara dan Kawasan-kawasan Hutan Perlindungan Hidupan Liar dan Hutan Simpan Dara bagi melindungi species-species kayu dan tumbuhan hutan.
- (e) Melaksanakan undang-undang yang melindungi jenis-jenis hidupan liar yang tertentu.
- (f) Menjalankan penyelidikan bagi penggunaan kayu-kayu jenis kurang terkenal dan sisa-sisa pemprosesan kayu supaya tidak perlu kepada penebangan hutan yang meluas termasuk kegunaan bahan-bahan lain seperti kayu getah.

BUMIPUTERA DALAM PERNIAGAAN EMAS

13. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa peratuskah jumlah Bumiputera yang terlibat dalam perniagaan Kedai Emas. Apakah langkah Kementerian Perdagangan untuk meningkatkan jumlah Bumiputera dalam perniagaan Kedai Emas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Jumlah peratus Syarikat Bumiputera yang terlibat dalam perniagaan Emas ialah 8%, dari jumlah keseluruhan 597 Syarikat yang terlibat dalam perniagaan emas.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian berat kepada usaha untuk menambah penyertaan Bumiputera dalam semua bidang perniagaan termasuk perniagaan Kedai Emas. Lebih-lebih lagi dalam bidang perniagaan yang didapati jumlah penyertaan Bumiputera sangat kecil dan belum mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Bagaimanapun, oleh sebab pengalaman yang kurang, keperluan kepada modal yang sangat besar dan pasarannya yang terhad, maka bidang perniagaan kedai emas ini kurang menarik minat peniaga Bumiputera.

PELANCONG KE PULAU LANGKAWI

14. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan berapakah kenaikan bilangan pelancong yang telah melawat Pulau Langkawi sejak Pulau itu diisytiharkan sebagai Pelabuhan Perdagangan Bebas; berapakah jumlah bangunan-bangunan yang baru telah didirikan di Pulau tersebut sejak masa tersebut

dan apakah kesan di atas semua aspek ekonomi seperti perniagaan hotel, pengangkutan dan lain-lain perdagangan dengan keadaan Perdagangan Bebas di Pulau Langkawi sejak tarikh tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan (Tuan Abdul Raman bin Suliman): Sejak Pulau Langkawi diisytiharkan sebagai Pelabuhan Perdagangan Bebas, jumlah pelancong yang melawat ke pulau ini telah bertambah dengan kadar yang menggalakkan. Pertambahan ini dapat ditinjau dalam dua aspek:

(a) *Pertambahan dalam jumlah penumpang feri*

Mengikut rekod Jabatan Laut Kuala Perlis, jumlah penumpang yang menaiki feri dari Kuala Perlis ke Pulau Langkawi telah meningkat daripada 240,688 penumpang pada tahun 1986 kepada 278,080 penumpang pada tahun 1987. Jumlah tersebut yang termasuk pelancong asing dan tempatan telah menunjukkan pertambahan sebanyak 15.5%.

(b) *Pertambahan dalam jumlah penginapan hotel*

Mengikut maklumat dari hotel "Langkawi Island Resort", jumlah penginapan di hotel tersebut telah bertambah dengan kadar yang amat menggalakkan. Seramai 22,890 penginapan telah diterima oleh hotel tersebut pada tahun 1987, berbanding dengan cuma 8,077 penginap pada tahun 1986, iaitu bertambah sebanyak 183.4%.

Di antara penginap-penginap hotel tersebut, seramai 19,254 adalah pelancong dari Malaysia, yang menunjukkan pertambahan sebanyak 195% berbanding dengan tahun 1986.

Sementara itu, seramai 3,636 adalah pelancong asing yang menunjukkan pertambahan sebanyak 134.4% berbanding dengan tahun 1986.

Sejak Pulau Langkawi diisytiharkan sebagai Pelabuhan Bebas Cukai terdapat pertambahan dari segi jumlah pelancong-pelancong yang datang, pembinaan bangunan-bangunan perniagaan, hotel, kediaman dan industri. Dari segi pengangkutan pula pada masa ini terdapat 6 buah feri ke Pulau Langkawi berbanding dengan 5 buah feri sebelumnya sementara Sistem Penerbangan Malaysia pula telah mengadakan penerbangan 7 kali seminggu termasuk pesawat Boeing 737 dua kali seminggu. Berikutan dari pertambahan tersebut terdapat kesan-kesan sampingan seperti pertambahan cukai kastam, tukaran wang asing, perniagaan hotel dan penginapan kos rendah serta peluang-peluang perniagaan dan pekerjaan di Pulau tersebut.

UNIVERSITI DI SARAWAK— PENUBUHAN

15. Tuan Lainus Anak Andrew Luwak minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah Kementerianya berhasrat untuk menubuh sebuah universiti penuh bagi negeri Sarawak.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk menubuhkan sebuah universiti di Sarawak. Kerajaan berpendapat bahawa kampus Universiti Pertanian Malaysia (UPM) cawangan Sarawak, di Bintulu dan juga kampus Institut Teknologi MARA (ITM) cawangan Sarawak di Semariang, adalah memadai untuk menampung keperluan buat masa ini.

BAHASA IBAN DI RADIO MALAYSIA KUCHING

16. Tuan Jawah anak Gerang minta Menteri Penerangan menyatakan

apakah sebab-sebab Programme bagi Bahasa Iban Radio Malaysia Kuching, Sarawak tidak dapat diterima dengan jelas di Semenanjung Malaysia, dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini.

Tuan Railey bin Jaffrey: Perkhidmatan Iban disiarkan dari Studio RTM Kuching Sarawak dan disalurkan melalui gelombang sederhana dari Limbang, Miri, Sri Aman, Sibu dan Kuching. Sebagai tambahan perkhidmatan dibuat juga melalui 3 pemancar gelombang pendek dari Kuching. Kesemua pemancaran itu ialah liputan bagi Sarawak sahaja dan tidak dimaksud untuk pendengar-pendengar di Semenanjung. Kerana itulah mereka yang mengikutinya di Semenanjung tidak dapat menerima rancangan-rancangan itu dengan begitu jelas, walaupun masih dapat didengar juga.

LESEN KERETA SEWA

17. Tuan Haji Mohamed bin Yaakob minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa di antara kegagalan permohonan lesen kereta sewa disebabkan tidak ada modal sedangkan mereka sudah ada kereta sendiri.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bukti modal bukanlah satu kriteria utama bagi melayakkan seseorang pemohon untuk mendapat lesen teksi atau kereta sewa. Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan mempunyai kriteria-kriteria tertentu untuk menimbang kelayakan seseorang pemohon itu. Jika seseorang pemohon itu menepati semua kriteria Lembaga tetapi tidak mempunyai modal di dalam bentuk wang dan sebagainya, Lembaga masih menimbang modal dalam bentuk kereta sendiri.

AKTA PELAJARAN 1961— KAJIAN

18. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah tindakan dan prosedur sedang diambil untuk memperkukuhkan dan memperkemaskan Akta Pelajaran 1961 dan sama ada dalam peringkat ini, badan-badan pendidikan antara semua lapisan masyarakat dijemput untuk mengemukakan pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan mereka, jika tidak mengapa.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti yang pernah saya jelaskan di Dewan dahulu, satu jawatankuasa peringkat Kementerian telah ditubuhkan untuk mengkaji Akta Pelajaran 1961. Jawatankuasa ini terdiri daripada pegawai-pegawai tinggi dalam berbagai bidang dan mengkaji Akta secara menyeluruh. Sungguhpun kajian ini dibuat di peringkat Kementerian pada masa sekarang, Jawatankuasa telah menerima pelbagai cadangan dan memorandum daripada badan-badan pendidikan, pertubuhan politik, persatuan yang mewakili pelbagai kaum, budaya dan agama. Pandangan-pandangan ini diberi perhatian dan diambil kira untuk pertimbangan. Kementerian akan memberikan perhatian yang adil kepada semua pandangan.

PROGRAM KO-KURIKULUM MURID-MURID SEKOLAH

19. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah berkesannya rancangan kokurikulum dalam meningkatkan prestasi pelajaran murid-murid di samping mengembangkan identiti mereka di sekolah-sekolah.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Ko-Kurikulum adalah

dirancangkan untuk membantu dan melengkapi pelajaran di bilik darjah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan selama ini seperti sukan, persatuan dan pasukan beruniform memang dapat menimbulkan minat serta memperkukuhkan kemahiran-kemahiran tertentu, yang terus dapat meningkatkan prestasi murid dalam pelajaran mereka. Di samping itu, memandangkan tujuan asas ko-kurikulum adalah untuk perkembangan murid yang menyeluruh, terutama sekali dalam aspek efektif yang merangkumi nilai moral, disiplin, semangat berpasukan serta kewarganegaraan, unsur-unsur ini memang dapat menyumbang ke arah membentuk indentiti mereka di sekolah-sekolah. Kajiselidik Kementerian Pendidikan 1986 menunjukkan bahawa kegiatan ko-kurikulum telah menjadikan murid lebih berminat dan aktif dalam aktiviti bilik darjah. Pengetahuan dan pengalaman murid juga diperluaskan. Selain dari itu mereka lebih bersemangat, bekerjasama dan berdisiplin.

HOSPITAL KERAJAAN DI SABAH—BEKALAN UBAT

20. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan

Tahun	Perbelanjaan \$	Kutipan Hasil \$	% Kutipan Hasil Di Dalam Belanjaan
1985	73,178,873.00	2,364,956.00	3.23
1986	80,637,803.00	2,514,096.00	3.11

Angka-angka ini jelas menunjukkan bahawa walaupun peruntukan bertambah untuk rawatan perubatan di Negeri Sabah, namun kutipan hasil tidak turut bertambah. Sebenarnya, kutipan hasil dari pesakit merupakan hanya lebih 3% daripada jumlah wang yang dibelanjakan untuk menjalankan Hospital-hospital kita di Sabah.

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Hospital Kerajaan tidak

langkah-langkah yang diambil untuk membekal ubat dan alat-alat moden yang cukup kepada hospital-hospital di Sandakan, Tawau, Kota Kinabalu dan juga lain-lain hospital di Sabah disebabkan Kerajaan telah menaikkan fee perubatan bagi semua pesakit; sama ada beliau sedar ramai orang-orang tempatan tidak berupaya membayar fee yang dikenakan; jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menolong mereka dan apakah hospital-hospital merupakan agensi memperoleh keuntungan untuk Kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Cik Teng Gaik Kwan): Sayugia memaklumkan bahawa pembekalan ubat-ubat dan peralatan hospital-hospital Kerajaan tidak mempunyai hubungan dengan kutipan hasil. Pembekalan ubat dan peralatan adalah bergantung kepada keperluan hospital dan kemampuan Kerajaan untuk memberi peruntukan yang diperlukan. Mengikut dasar itu, bekalan alat-alat dan ubat-ubat sentiasa dibaiki. Bagi makluman Yang Berhormat, perbandingan antara perbelanjaan untuk rawatan perubatan dan kutipan hasil di Negeri Sabah adalah seperti berikut:

menjalankan operasi secara komersial untuk mencari keuntungan, yang mana kutipan hasil boleh menampung atau melebihi kos perbelanjaan. Sebaliknya, ia adalah merupakan agensi yang memberikan perkhidmatan awam untuk merawat semua pesakit. Tidak ada pesakit yang ditolak kerana apa-apa sebab.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, akta Fee (Perubatan),

1982 telah memperuntukkan kuasa kepada Ketua Hospital atau orang-orang yang dilantik olehnya, untuk mengecualikan mana-mana orang yang miskin, dari membayar kesemua atau sebahagian daripada caj bagi pesakit-pesakit luar dan pesakit di wad-wad Kelas III.

KEMATIAN AKIBAT KEJUTAN ELETRIK

21. Tuan Haji Hussein bin Haji Taib minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan jumlah kematian, kerana kejutan elektrik di seluruh negeri dari tahun 1980-1988 dan apakah langkah keselamatan dan penerangan kepada orang yang telah dan akan diambil oleh LLN atau Kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Ong Tin Kim): Jumlah kematian kerana kejutan elektrik di seluruh negara dari tahun 1980-1988, termasuk pemasangan (installation) bukan LLN adalah 412 orang, 395 daripada Semenanjung, 15 di Sabah dan 2 di Sarawak.

Kerajaan mengambil berat ke atas perkara ini dan telahpun berusaha mengurangkannya dengan mengambil, di antara lain, langkah-langkah seperti berikut:

- (a) Menentukan pengendalian sesuatu pemasangan elektrik termasuk yang bukan keupayaan LLN dijalankan oleh mereka yang berkomputer di bawah Peraturan-peraturan Jemaah Pemeriksa Elektrik 1984.
- (b) Mengawal pengimportan dan pengilangan barang-barang elektrik, khususnya yang digunakan di rumah-rumah.

- (c) Memberi kesedaran kepada orang-orang ramai tentang kemalangan disebabkan oleh kejutan elektrik melalui ceramah-ceramah dan kempen-kempen keselamatan.

Setakat ini usaha-usaha tersebut telah memberi kesan yang menggalakkan. Kementerian ini akan terus menguruskan program tersebut dengan kerjasama LLN.

DOKTOR PELATIH KERAJAAN—LANTIKAN

22. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) mengapa lebih kurang 100 orang doktor di bawah seksyen 13 (3) tidak diberikan surat perkhidmatan semula setelah mereka berkhidmat 3 tahun sebagai doktor pelatih di Hospital Kerajaan, apabila ada kekurangan sekarang di perkhidmatan Kerajaan;
- (b) apa langkah telah diambil untuk mengisi jawatan-jawatan kosong bagi doktor di perkhidmatan Kerajaan.

Cik Teng Gaik Kwan:

- (a) Doktor-doktor yang dilantik di bawah Seksyen 13 (3) Akta Perubatan 1971 adalah kalangan mereka yang memperolehi ijazah perubatan dari Universiti yang tidak diiktiraf penuh kelulusannya oleh Kerajaan Malaysia. Mereka telah dilantik sebagai Doktor Pelatih selama 3 tahun.

Pada masa-masa yang lalu, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (atau SPA) telah memberikan perwakilan kuasa kepada Kementerian Kesihatan untuk membuat lantikan Pegawai Perubatan secara sementara. Oleh itu, sebaik

sahaja mereka ini tamat melaksanakan tugas sebagai Doktor Pelatih, pihak Kementerian telah melantik mereka sebagai Pegawai Perubatan Sementara. Mulai dari 1.4.87 kuasa ini telah diambil semula oleh SPA. Oleh itu apabila mereka yang terlibat telah tamat menjalani tempoh latihan 3 tahun itu, mereka diperlukan menanti sehinggalah mereka dilantik secara rasmi oleh pihak SPA.

Dalam pada itu, Kementerian amat menyedari masalah yang berbangkit dari keadaan ini. Oleh itu Kementerian telah bersetuju mengambil beberapa langkah pentadbiran dengan melantik pegawai-pegawai ini secara kontrak sehinggalah menerima lantikan rasmi dari SPA (apabila sahaja tempoh perkhidmatan mereka selama 3 tahun sebagai Doktor Pelatih itu tamat).

- (b) Pengambilan Pegawai-pegawai Perubatan diadakan sepanjang masa. Satu persefahaman telah wujud di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan SPA. Pada masa ini SPA mengadakan 4 kali temuduga dalam setahun untuk tujuan pengambilan Pegawai-pegawai Perubatan dalam usaha hendak mengisi jawatan-jawatan kosong di dalam perkhidmatan Kerajaan.

PETRONAS—LATIHAN DAN BIASISWA PETROLEUM

23. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan iaitu sejak penubuhannya PETRONAS telah mengambil berbagai-bagai langkah untuk mewujudkan kemungkinan ini dengan menggalakkan rakyat

Malaysia mengambil kursus dalam teknologi petroleum atau teknologi yang berkaitan dengannya dan dengan menyediakan mereka peluang untuk mengamalkan kemahiran yang diperolehi. Nyatakan biasiswa yang telah ditawarkan kepada rakyat Malaysia dalam bidang-bidang tertentu, rancangan-rancangan latihan yang disediakan dan lain-lain yang memberi manfaat kepada rakyat negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed Nor): Bagi memastikan negara mempunyai sumber tenaga manusia terlatih yang diperlukan dalam bidang petroleum, PETRONAS telah menjalankan berbagai-bagai usaha khususnya di dalam aspek latihan, di antaranya:

(i) *Melalui Tawaran Biasiswa*

Di bawah skim ini seramai 2,800 pelajar ditawarkan biasiswa dalam tempoh 1975-1987 untuk melanjutkan pengajian di pusat pengajian tinggi dalam dan luar negeri dalam bidang-bidang seperti Kejuruteraan, Kajibumi, Geofizik, Teknologi Gas, Sains Komputer, Pengajian Pengurusan Perniagaan, Undang-undang, Senibina, Ukur Bahan dan lain-lain.

(ii) *Latihan Dalam Penyelenggaraan/Pengendalian Kelengkapan Dan Peralatan Yang Terdapat Dalam Industri Petroleum/Gas*

Dua pusat latihan dibina bagi maksud ini iaitu di Batu Rakit, Terengganu dan Pusat Latihan PETRONAS berdekatan Lapangan Terbang Subang.

(iii) *Latihan Dalam Pengurusan Untuk Industri Petroleum*

Lebih banyak lagi latihan dalam aspek ini dapat

dijalankan apabila pusat latihan di Bangi beroperasi sepenuhnya.

(iv) *Skim Latihan Khas Untuk Menolong Siswazah Yang Masih Menganggur*

Seramai 658 orang siswazah menjalani latihan di bawah skim ini.

TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

24. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah persetujuan dicapai di antara Filipina dan Malaysia berhubung dengan cadangan Filipina hendak menggugurkan tuntutan mereka terhadap Sabah. Apakah pendirian Malaysia berhubung dengan cadangan hendak mendapatkan kuasa otonomi di Selatan Filipina dan menjadikannya sebuah Kerajaan Islam.

Menteri Luar Negeri (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Walaupun terdapat usaha-usaha oleh Pentadbiran Aquino untuk menggugurkan tuntutan kedaulatan ke atas Sabah dan berazam untuk menyelesaikannya sebelum sidang kemuncak ASEAN ke 3 di Manila, namun azamnya telah menemui jalan buntu, dan sehingga kini usaha-usaha ke arah menggugurkan tuntutan kedaulatan ke atas Sabah masih menghadapi beberapa masalah dan kerumitan, terutamanya yang berpunca dari Bill Senate yang telah mengenakan beberapa syarat sebelum tuntutan kedaulatan ke atas Sabah digugurkan.

Malaysia berpendirian bahawa terserahlah kepada Filipina untuk menggugurkan tuntutan ke atas Sabah secara "definitive" dan tanpa syarat, apabila ia telah bersedia untuk berbuat demikian.

Mengenai pendirian Malaysia berhubung dengan isu otonomi di

Selatan Filipina, Malaysia menyifatkannya sebagai isu politik dalam negeri Filipina.

Malaysia walau bagaimanapun berharap Kerajaan Filipina dan MNLF dapat mencapai persefahaman demi untuk mencari penyelesaian yang kekal terhadap isu otonomi ini.

MALAYSIA—MEMPERKENALKAN KEPADA PELANCONG

25. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan dengan beberapa galakan dan promosi di dalam dan luar negeri untuk memperkenalkan Malaysia pada tahun 1987, adakah terdapat pertambahan jumlah pelancong yang datang ke negara ini dan sila huraikan mengikut statistik dan tempat negara asal mereka. Apakah jangkaan pertumbuhan pelancong yang akan datang ke negara ini pada tahun 1988.

Tuan Abdul Raman bin Suliman: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah menjalankan beberapa aktiviti-aktiviti galakan dan promosi bagi memperkenalkan tarikan pelancongan pada tahun 1987 sama ada di dalam atau di luar negeri menerusi pengiklanan, penggalakan, perhubungan awam dan penyebaran maklumat pelancongan terutamanya di semua pasaran pelancongan yang utama di seluruh dunia. Walau bagaimanapun hasil dari apa-apa promosi tidak akan dapat dilihat dalam jangka masa yang singkat.

Sehubungan dengan ini Kementerian masih belum lagi mendapat angka-angka sebenar mengenai jumlah ketibaan pelancong ke Malaysia bagi tahun 1987. Walau bagaimanapun, adalah dianggarkan bahawa seramai 3.146 juta pelancong telah mengunjungi Malaysia pada tahun 1987. Bilangan ini

memperlihatkan pertambahan sebanyak 4.0% berbanding dengan tahun 1986.

Negara ASEAN merupakan sumber utama ketibaan pelancong ke negara Malaysia dan telah menyumbangkan seramai 2.465 juta pelancong atau 78.3% dari jumlah ketibaan pelancong dalam tahun 1987. Anggaran ketibaan dari negara ASEAN ini menunjukkan pertumbuhan sebanyak 3.1% berbanding dengan tahun 1986 yang telah menyumbangkan seramai 2.390 juta pelancong.

Negara Jepun, iaitu negara kedua selepas ASEAN, dianggarkan menyumbangkan seramai 134,240 pelancong atau 4.3% dari jumlah ketibaan pelancong dalam tahun 1987, iaitu menunjukkan pertumbuhan sebanyak 7.0% berbanding dengan tahun 1986. Jumlah ketibaan pelancong dari lain-lain negara dianggarkan seperti berikut: Australia (85,800), United Kingdom (72,260) dan Amerika Syarikat (44,660).

Sebagai maklumat tambahan, adalah juga dianggarkan bahawa Malaysia telah menerima sebanyak \$1,647.4 juta hasil dari pelancong-pelancong asing pada tahun 1987. Bagi tahun 1988, adalah diramalkan bahawa jumlah pelancong ke Malaysia akan bertambah sebanyak 7% berbanding dengan tahun 1987. Angka ini akan dikaji semula dari masa ke semasa.

KEBUDAYAAN NASIONAL

26. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah terbaru Kementerian untuk membina Kebudayaan Nasional yang benar-benar dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat;

(b) sebab-sebab Majlis Penasihat Kebangsaan berkenaan kebudayaan tidak bergerak beberapa tahun kebelakangan ini; dan

(c) sama ada pihak Kementerian bercadang memperluaskan keanggotaan Majlis tersebut untuk menjamin keseimbangan perwakilan umum.

Tuan Abdul Raman bin Suliman:

- (a) Kementerian telah mengambil langkah-langkah positif dalam usaha meningkatkan kefahaman setiap lapisan masyarakat di dalam membina Kebudayaan Nasional agar ia benar-benar dapat diterima sejak dulu hingga kini dengan mengadakan siri-siri seminar, dialog, persidangan, konvensyen, penyebaran bahan-bahan penyelidikan penerbitan dan lain-lain di peringkat pusat dan negeri.

Selain dari langkah-langkah tersebut, Kementerian juga telah mempertingkatkan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta seperti institusi-institusi pengajian tinggi, muzium dan lain-lain di semua peringkat pusat dan negeri dalam usaha pemeliharaan kesenian dan seluruh aspek cara hidup.

Kementerian juga menitikberatkan perhubungan antara kaum dalam bidang seni muzik dan seni tari. Namun begitu selain dari aktiviti kesenian nilai-nilai budaya seperti kerajinan bekerja, hormat menghormati, berbudi bahasa, budaya membaca dan persamaan nilai-nilai kehidupan masyarakat juga dititikberatkan kerana matlamat kebudayaan kebangsaan adalah bagi mencapai perpaduan negara.

- (b) Majlis Penasihat Kebangsaan Berkenaan Kebudayaan Penggal Keempat akan bersidang kali pertama pada bulan April, 1988. Sepanjang tahun 1984 hingga 1987, Kementerian menjalankan tugas mengambil langkah-langkah melaksanakan keputusan majlis.
- (c) Pada peringkat ini majlis dianggotai oleh seramai 25 orang yang mana terdiri dari wakil-wakil dari berbagai kaum, pakar-pakar kebudayaan dan wakil-wakil dari Sabah dan Sarawak. Keanggotaan majlis ini akan dikekalkan bilangannya dan Kementerian tidak bercadang untuk menambah bilangan keanggotaan majlis kerana keanggotaan yang sedia ada sudah cukup menjamin keseimbangan perwakilan kaum. Persidangan majlis akan diadakan sebanyak dua kali setahun iaitu dalam bulan April dan November.

GURU BAHASA CINA/ TAMIL—KEKURANGAN

27. Tuan Ting Chek Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa ramai guru-guru berbahasa Cina dan Tamil yang masih berkurangan di sekolah-sekolah Cina dan Tamil dan apakah langkah-langkah atau tindakan yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah ini.

Tuan Anwar bin Ibrahim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekurangan guru pengantar Bahasa Cina dan Tamil adalah seperti berikut:

Bahasa Pengantar	Kekurangan
Bahasa Cina	4,689 orang
Pengantar Bahasa Tamil	1,388 orang

Langkah-langkah yang sedang dan telah diambil untuk mengurangkan masalah ini ialah:

1. Menambah bilangan calon untuk mengikuti kursus perguruan sejak 1985.
2. Mengisi kekosongan di sekolah-sekolah dengan guru-guru sandaran tanpa latihan.
3. Memendek dan mengubahsuai tempoh kursus perguruan dari 6 semester kepada 5 semester, supaya mengeluarkan guru-guru terlatih dipercepatkan tanpa menjejaskan kualiti.
4. Mengadakan program Pendidikan Perguruan Asas untuk guru-guru sandaran semasa cuti sekolah.

EKSPORT GAS ASLI CECAIR

28. Tuan Gerard Math Lee Min minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sama ada langkah-langkah telah diambil dalam mencari pasaran-pasaran untuk gas asli cair (LNG); dan
- (ii) sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Sejak awal tahun 1983 Malaysia telah mengeksport gas asli cecair keluaran kilang Gas Asli Cecair Malaysia Sdn. Bhd. (MLNG), sebuah syarikat usahasama PETRONAS, kepada dua pelanggan negara Jepun bagi tempoh 20 tahun. Syarikat itu juga sedang mengadakan rundingan dengan beberapa bakal pembeli dari negara Jepun, Korea Selatan dan Taiwan untuk membeli tambahan pengeluaran gas asli cecair yang dicadangkan oleh syarikat tersebut.

Oleh kerana jualan gas asli cecair melibatkan kontrak jangka masa panjang dan pembeli-pembeli perlu mengeluarkan belanja yang menelan

berjuta-juta ringgit untuk membina atau membesarkan kemudahan-kemudahan penerimaan dan penggunaan gas, sudah tentu rundingan-rundingan ini akan mengambil masa yang panjang. Namun demikian, kita yakin dalam tempoh setahun dua ini, beberapa perkembangan yang positif ke arah pencapaian persetujuan jualan tambahan gas asli cecair ke negara Jepun dan juga Korea Selatan dan Taiwan akan berhasil.

PELANCONG KE MALAYSIA

29. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (i) bilangan pelancong yang melawat negara kita pada tahun 1987 dan jika boleh, memberitahu kedudukannya berbanding dengan bilangan-bilangan pelancong yang melawat negara-negara ASEAN yang lain pada tahun 1987; dan
- (ii) tempat-tempat yang telah dikenalpasti sebagai tempat-tempat pelancongan di negeri Pulau Pinang dan apakah bantuan telah diberi oleh Kerajaan Pusat untuk mencantikkannya.

Tuan Abdul Raman bin Suliman:

- (i) Bilangan pelancong yang melawat negara kita pada tahun 1987 masih belum diperolehi lagi. Walau bagaimanapun seramai 3,027,781 pelancong asing telah dianggarkan mengunjungi Malaysia pada tahun 1986. Ini memperlihatkan pertambahan sebanyak 3.2% berbanding dengan tahun 1985.

Ketibaan pelancong-pelancong ke negara-negara anggota ASEAN yang lain pada tahun 1986 adalah seperti berikut: Indonesia telah mencatatkan

seramai 821,000 pelancong asing pada tahun 1986, iaitu bertambah sebanyak 9.6% berbanding dengan tahun 1985.

Singapura telah menerima sejumlah 3,191,058 pelancong asing pada tahun 1986 dan ini berupa pertumbuhan sebanyak 5.3% berbanding dengan tahun 1985. Ketibaan pelancong asing ke negara Thailand juga menunjukkan pertambahan sebanyak 15.6% pada tahun 1986 di mana seramai 2,318,092 pelancong telah dicatatkan berbanding dengan tahun 1985. Bagi negara Filipina, seramai 781,517 pelancong asing telah dicatatkan pada tahun 1986. Kadar pertambahan adalah sebanyak 1.1% berbanding dengan tahun 1985. Untuk makluman Yang di-Pertua, maklumat mengenai jumlah ketibaan pelancong-pelancong ke negara Brunei Darulssalam pada tahun 1986 masih belum dapat diperolehi. Walau bagaimanapun, negara Brunei Darulssalam telah menerima seramai 586,599 pelancongan pada tahun 1985 iaitu memperlihatkan pertambahan sebanyak 7.2% berbanding dengan tahun 1984.

- (ii) Tempat-tempat pelancongan utama yang telah dikenalpasti di negeri Pulau Pinang adalah meliputi:

- (i) Pantai Batu Feringgi dan Tanjung Bunga
- (ii) Bukit Bendera (Penang Hill)
- (iii) Taman Tumbuh-Tumbuhan (Botanical Garden)
- (iv) Taman Rama-rama di Teluk Bahang
- (v) Tokong Ular di Bayan Lepas

- (vi) Tokong Kek Lok Si di Air Hitam
- (vii) Ampangan Air Hitam
- (viii) Kuil Natukkotai Chettiar di Jalan Waterfall
- (ix) Wat Chaya Mangkalaran di Lorong Burmah
- (x) Taman Belia di Quarry Drive
- (xi) Jambatan Pulau Pinang
- (xii) Bangunan Kompleks Tun Abdul Razak
- (xiii) Kota Cornwallis

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu tarikan di Pulau Pinang ialah pantai-pantainya yang indah dan masyhor. Di sini sukalah saya maklumkan bahawa Kerajaan Pusat telah memperuntukkan sebanyak \$10.2 juta bagi projek pembetulan, sebagai satu sumbangan yang penting dan berkesan bagi memastikan kebersihan dan keindahan pantai-pantai di Pulau Pinang terpelihara. Di dalam hal ini, peranan semua pihak seperti Kerajaan Negeri, Penguasa-penguasa Tempatan dan orang ramai adalah penting dalam usaha memelihara tempat-tempat pelancongan tersebut.

TENTERA LARI DARIPADA TUGAS

30. Tuan Mohamad bin Abdullah minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (i) sehingga sekarang berapa ramaikah tentera-tentera yang lari daripada perkhidmatan. Apakah sebab-sebabnya mereka lari; dan
- (ii) adakah di antara mereka yang lari itu melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan jahat seperti Komunis dan lain-lain kegiatan jahat.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Soalan ini

telah pun dijawab bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas pada 18 Mac 1988 dan saya tidak lagi bercadang untuk menambah apa-apa kepada jawapan tersebut.

KERETAPI TANAH MELAYU— MENSWASTAKAN

31. Tuan Hu Sepang minta Menteri Pengangkutan menyatakan apa telah jadi kepada rancangan untuk menswastakan Keretapi Tanah Melayu (KTM), apakah rancangan tersebut telah ditangguhkan, jika ya, mengapa, dan nyatakan jumlah syarikat-syarikat baik tempatan atau asing yang telah menerima tawaran token \$1/- untuk mengambil alih KTM dan sama ada tawaran token \$1/- itu masih wujud.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Kerajaan telah melantik Bumiputera Merchant Bankers Berhad untuk membuat Kajian Kemungkinan Penswastakan KTM dan Laporan akhir dijangka akan siap pada bulan April 1988.

Dalam pada itu, Kerajaan telah menerima berbagai pertanyaan dari beberapa organisasi keretapi di luar negeri dan juga dari usahawan tempatan yang berminat untuk menswastakan KTM.

Kerajaan sedang merumuskan syarat-syarat dan cara penswastakan yang wajar. Tawaran pengambilan alih KTM oleh mana-mana pihak swasta atas syarat-syarat tertentu akan hanya dibuat setelah Kerajaan membuat keputusan muktamad ke atas laporan yang disediakan oleh Bumiputra Merchant Bankers Bhd. itu.

PENGUSAHA BOT PENUMPANG DAN FERİ

32. Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) bilangan pengusaha bot penumpang dan feri di seluruh

negara. Apakah kelas dan jenisnya;

- (ii) sejauh manakah langkah-langkah dan tindakan yang dikuatkuasakan terhadap tuan punya/pengusaha bot-bot dan feri-feri tersebut, bagi memastikan keselamatan penumpang dan juga mereka; dan
- (iii) apakah bentuk dan langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian ini atau bersama Kementerian-kementerian yang lain bagi memastikan bot-bot penumpang dan feri tidak digunakan untuk penyeludupan dan membawa pendatang-pendatang haram.

Dato' Dr Ling Liong Sik:

- (i) Bilangan pengusaha bot penumpang dan feri di seluruh Semenanjung Malaysia sehingga bulan Februari 1988 adalah sebanyak 1,240. Daripada jumlah tersebut bilangan feri-feri besar adalah sebanyak 88. Feri-feri tersebut mengangkut lebih dari 12 orang penumpang. Sejumlah besar dari pengusaha bot penumpang adalah bot-bot kecil yang mengangkut bilangan penumpang yang tidak melebihi 12 orang. Jenis-jenis bot penumpang adalah terdiri daripada bot-bot terbuka yang kecil yang digunakan di sungai-sungai dan bot-bot penumpang besar yang digunakan di laut. Feri-feri besar seperti yang digunakan di Pulau Langkawi adalah didaftarkan sebagai kapal dan peraturan-peraturan yang dikenakan terhadap feri-feri tersebut adalah lebih ketat.

- (ii) Kementerian Pengangkutan sentiasa mementingkan keselamatan bot-bot penumpang dan langkah-langkah yang dikuatkuasakan terhadap pengusaha-pengusaha bot dan feri bolehlah dibahagikan kepada lima bahagian seperti berikut:

- (a) Dari segi keselamatan sesuatu bot yang digunakan bagi mengangkut penumpang, pemeriksaan yang rapi sentiasa dijalankan. Sebelum bot tersebut dilesenkan satu pemeriksaan dijalankan bagi menentukan kekukuhan dan keselamatan bot tersebut termasuk juga kesesuaiannya bagi laluan yang dicadang digunakan. Alat-alat keselamatan untuk penumpang adakah ditentukan, diuji dan diluluskan. Bot-bot berkenaan juga dikehendaki diperiksa tiap-tiap tahun dengan menaiki atas limbung untuk memeriksa keseluruhan bot tersebut. Peraturan-peraturan secara "detail" adalah disediakan bagi menentukan bahawa bot-bot berkenaan digunakan secara selamat.

- (b) Dari segi menjaga keselamatan penumpang, bilangan penumpang, yang dibenarkan ke atas sesuatu bot adalah ditetapkan mengikut prinsip-prinsip teknikal yang ditentukan oleh Jabatan Laut. Muatan sesuatu bot dari segi bilangan penumpang dan

kargonya adalah juga ditentukan. Penumpang-penumpang pula adalah dinasihatkan supaya mementingkan keselamatan diri sendiri dengan hanya menggunakan bot-bot yang dilesenkan dan tidak menaiki bot-bot dengan melebihi had bilangan penumpang yang diperuntukkan.

- (c) Pembawa bot-bot penumpang perlulah juga mempunyai sijil kecemasan yang dikeluarkan oleh Jabatan Laut. Anak-anak kapal ini diberi latihan dan diperiksa sebelum disijilkan.
- (d) Keselamatan bot-bot penumpang adalah juga dipertingkatkan dengan menentukan secara khusus laluan sesuatu bot tersebut. Semua bot-bot yang dilesenkan mempunyai laluan-laluan seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Laut. Ini adalah bagi memastikan bahawa bot-bot penumpang tersebut hanya mengambil penumpang-penumpang dari tempat-tempat pendaratan yang selamat. Dengan itu juga kawalan terhadap keselamatan bot-bot tersebut boleh dijalankan secara lebih rapi. Dalam hal ini perhatian terhadap keselamatan tempat-tempat pendaratan adalah juga diberi oleh Jabatan Laut. Sekiranya sesuatu tempat pendaratan didapati

kurang selamat, Jabatan Laut akan mengambil tindakan-tindakan bagi menentukan bahawa tempat-tempat tersebut diperbaiki.

- (e) Selain daripada peraturan-peraturan dan pemeriksaan yang diadakan seperti tersebut di atas, usaha-usaha penguatkuasaan adalah juga penting bagi menentukan bahawa peraturan-peraturan tersebut dipatuhi. Dalam hal ini Jabatan Laut bersama-sama dengan Polis Marin sentiasa menjalankan rondaan untuk memastikan bahawa syarat-syarat keselamatan dipatuhi oleh pengusaha-pengusaha tersebut. Adalah didapati bahawa tindakan-tindakan penguatkuasaan ini telah menghasilkan peningkatan keselamatan pengangkutan melalui air di seluruh negara.
- (iii) Kementerian ini melalui Jabatan Laut mengenakan syarat supaya bot-bot yang dilesenkan untuk penumpang dan kargo tidak dibenarkan keluar dari had kawasan yang dilesenkan. Misalnya sekiranya sebuah bot itu dilesenkan untuk kawasan Johor Bahru, maka ianya tidak dibenarkan keluar dari had kawasan Pelabuhan Johor Bahru. Jika bot tersebut keluar maka ini menjadi satu kesalahan di bawah peraturan dan boleh didakwa. Bot yang berlesen juga tidak dibenarkan pergi ke negara asing. Bot-bot yang digunakan untuk penyeludupan dan

membawa pendatang haram adalah bot-bot yang haram dan tidak dilesenkan. Setakat ini Kementerian saya belum mendapatkan kes penyeludupan atau pendatang haram bersabit dengan bot penumpang atau feri.

LEBUHRAYA IPOH—KUALA LUMPUR

33. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah Kementerian Kerjaraya akan membina Lebuhraya Ipoh-Kuala Lumpur kerana buat masa ini terdapat kesesakan lalulintas yang amat sangat dan banyak mendatangkan kemalangan jalan raya dan beribu-ribu buah lori menggunakan jalan tersebut di waktu malam.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Osu bin Haji Sukam): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Kuala Lumpur-Ipoh adalah termasuk di dalam rancangan penswastaaan Kerajaan yang telah ditandatangani baru-baru ini dengan Syarikat United Engineers. Mengikut perancangan, bahagian tersebut dijangka akan mula dilaksanakan dalam tempoh 12 bulan selepas tarikh berkuatkuasanya perjanjian.

TOL YANG DIKUTIP— PENDAPATAN

34. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan minta Menteri Kerjaraya memberitahu berapakah anggaran pendapatan tol yang dikutip pada tiap-tiap hari bagi:

- (a) Sungai Besi-Air Keroh,
- (b) Ipoh-Changkat Jering,
- (c) Jambatan Pulau Pinang, dan
- (d) Jalan Kuching.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Purata pendapatan tol yang dikutip pada tiap-tiap hari bagi:

- (a) Lebuhraya Kuala Lumpur-Air Keroh ialah sebanyak lebihkurang \$93,000.00 sehari.
- (b) Lebuhraya Ipoh-Changkat Jering sebanyak lebihkurang \$19,000.00 sehari,
- (c) Jambatan Pulau Pinang sebanyak lebihkurang \$60,000.00 sehari; dan
- (d) Jalan Kuching sebanyak lebihkurang \$40,600.00 sehari.

PECAH AMANAH JENAYAH— PENALTI

35. Dato' Haji Kamaruzaman bin Haji Ahmad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang untuk mengemukakan undang-undang dengan tujuan mengenakan penalti lebih berat bagi kesalahan pecah amanah memandangkan bahawa kes-kes pecah amanah berleluasa kini kerana hukuman atau penalti yang dikenakan tidak setimpal dengan jumlah wang yang diselewengkan jika ya bila, dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk meminda peruntukan Kanun Keseksaan bagi mengenakan penalti lebih berat bagi kesalahan pecah amanah jenayah yang sedia diperuntukkan adalah mencukupi. Bagi kesalahan-kesalahan pecah amanah jenayah biasa, yang bersalah akan dikenakan hukuman penjara setinggi-tingginya 3 tahun atau dengan denda atau kedua-duanya. Bagi pecah amanah jenayah yang dilakukan oleh pembawa (carrier dalam bahasa Inggeris, dengan izin), ketua pengkalan, penyelenggara gudang, kerani atau orang gaji, hukumannya boleh meningkat hingga 7 tahun

penjara dan boleh juga dikenakan denda sebagai tambahan. Bagi pecah amanah jenayah yang dilakukan oleh penjawat awam, banker, saudagar, wakil perniagaan, broker, peguam atau agen pula hukumannya boleh meningkat hingga 20 tahun penjara dan boleh juga dikenakan denda sebagai tambahan.

Dengan peruntukan hukuman sedemikian oleh undang-undang yang sedia ada itu maka terletak di atas budi bicara mahkamah di dalam sesuatu kes tertentu, berasaskan kepada fakta-fakta yang ada di hadapannya, untuk mengenakan jumlah dan jenis hukuman yang setimpal dengan kesalahan yang lakukan.

BELIA-BELIA NEGARA ISLAM— PERTUKARAN

36. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Belia dan Sukan menjelaskan sama ada Kerajaan bercadang hendak menganjur program pertukaran belia-belia dengan negara-negara Islam sepertimana yang dilakukan dengan Jepun dan Korea.

Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Kementerian Belia dan Sukan memang ada bercadang untuk menganjurkan program pertukaran belia-belia dengan negara-negara Islam, tetapi oleh kerana keadaan peruntukan kewangan tidak mengizinkan maka projek ini terpaksa ditangguhkan sehingga keadaan kewangan mengizinkan.

PELABUHAN PULAU PINANG—MENSWASTAKAN

37. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada terdapat sebarang rancangan untuk menswastakan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang. Jika ya,

adakah terdapat sebarang kajian yang telah dijalankan dan beri butir-butir.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk menswastakan Pelabuhan Pulau Pinang. Sebelum apa-apa rancangan penswastakan boleh dilaksanakan, kajian kemungkinan menswastakan Pelabuhan Pulau Pinang hendaklah dijalankan dahulu.

Kini, sebuah bank saudagar iaitu Amanah Chase Merchant Bank telah pun ditugaskan menjalankan kajian kemungkinan ini. Kajian tersebut telah bermula pada bulan November 1987 dan akan berakhir pada bulan Mei 1988. Pihak Kerajaan akan mempelawa pihak swasta mengemukakan tawaran untuk perkhidmatan-perkhidmatan yang akan dikenalpasti kelak oleh kajian tersebut.

TUKUN TIRUAN DARI TAYAR BURUK

38. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Pertanian menyatakan sejauh manakah hasil yang didapati dari tukun-tukun tiruan dari tayar-tayar buruk kepada nelayan-nelayan menangkap ikan sekarang ini.

Menteri Pertanian (Datuk Seri Sanusi bin Junid): Pembinaan tukun-tukun tayar bermula dengan pesat hanya daripada awal tahun 1987 dan tujuan tukun-tukun tayar ini adalah untuk mewujudkan satu sanctuari kepada ikan-ikan. Kesan tukun-tukun ini kepada tangkapan nelayan bukanlah secara langsung tetapi hanya akan berkesan secara tidak langsung dalam masa jangka panjang. Dengan adanya tukun-tukun ini, sumber-sumber ikan di sekitarnya akan bertambah dan ini akan menambahkan tangkapan nelayan secara tidak langsung dalam jangka masa panjang.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

Setiausaha: Aturan Urusan Mesyuarat dan Usul-usul.

Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba—Menyambung semula perbahasan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.

Tuan Gooi Hock Seng: (*Bangun*)

Dr Goh Cheng Teik: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya bangun atas Peraturan Mesyuarat 80.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal, duduk dahulu.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan satu usul atas Peraturan Mesyuarat 80.

PENGUMUMAN TIMBALAN YANG DI-PERTUA

PELANGGARAN HAK DAN KEBEBASAN AHLI PARLIMEN

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat nanti sekejap—Yang Berhormat duduk!

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 80 daripada Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera. Tetapi mengikut tajuk adalah usul mengenai Pelanggaran Hak-hak dan Kebebasan salah seorang Ahli Parlimen dan peraturan mengenai

perkara ini telahpun dibawa pada 27hb November, 1986, perkara yang lebih kurang sama mengenai dengan Hak dan Kebebasan Ahli-ahli, dan mengikut keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertua pada masa itu, dan masih lagi berkuatkuasa, bahawa Dewan ini tidak ada kuasa diberi kepada Speaker untuk memutuskan perkara ini, tetapi hendaklah berpandukan kepada Peraturan Mesyuarat 14 di mana diterangkan Aturan dan Peraturan Mesyuarat di mana salah satu daripadanya ialah perkara-perkara mengenai Kerajaan diutamakan dan oleh kerana Ahli Yang Berhormat tidak membawa usul ini di bawah Peraturan 18, maka saya dengan ini menolak usul yang dibawa oleh Yang Berhormat itu.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, atas Peraturan 80, seorang Ahli ada hak untuk mengemukakan perkara ini pada Dewan ini bagi memutuskan adakah Dewan menerima usul itu pada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ini satu usul yang patut diputuskan oleh Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk Yang Berhormat! Usul ini kita terima. Tetapi, kita akan bawa dalam Peraturan Mesyuarat 14 bukan untuk dibentangkan pada petang ini.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, minta bacakan Usul itu sebelum kita putuskan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak boleh bacakan. Keputusan saya muktamad.

Dr Eng Seng Chai: Kalau macam itu, semua Ahli Yang Berhormat tidak tahu apa Usul itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (24hb Mac, 1988)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Nibong Tebal teruskan.

4.11 ptg.

Dr Goh Cheng Teik (Nibong Tebal): Tuan Yang di-Pertua, seperti saya bercakap kelamari pasukan Bomba di Malaysia telah berkhidmat dengan cemerlang. Ketika melawan kebakaran mereka terpaksa menyabung badan dan nyawa mereka. Jarang sekali mereka dipuji oleh orang ramai.

Saya sendiri pernah melihat kakitangan Bomba melawan kebakaran dua tiga kali di Butterworth. Mereka bertugas dengan giat dan dedikasinya. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kekesan pasukan Bomba terhad oleh dua faktor.

Pertama, kekurangan kenderaan. Ini berlaku bukan sahaja di kawasan-kawasan luar bandar seperti Nibong Tebal tetapi juga di bandar-banadar besar seperti Butterworth. Oleh yang demikian, sekiranya dua tiga kebakaran berlaku di saat yang sama pasukan Bomba tidak dapat mengawal dengan baiknya.

Kedua ialah kekurangan kekuatan alat. Alat-alat yang ada tidak cukup kuat untuk mengepamkan air ke bangunan yang terlalu tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menyokong Rang Undang-undang ini saya menyeru kepada Kerajaan

khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memperolehi peruntukan-peruntukan yang diperlukan bagi melengkapkan pasukan Bomba di negara kita dengan kenderaan dan alat-alat yang mencukupi dan dengan ini membolehkan mereka bertugas dengan lebih berkesan untuk menyelamatkan lebih banyak mangsa dan harta dari kebakaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.14 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba 1988 bertujuan membuat peruntukan-peruntukan yang perlu bagi Jabatan Perkhidmatan Bomba berfungsi dengan berkesan dan cekap bagi melindungi orang-orang dan harta dari risiko kebakaran dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

Rang Undang-undang ini juga memberi kuasa yang luas kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba bagi memastikan bahawa langkah-langkah penghapusan bahaya kebakaran yang mencukupi diambil dalam bangunan-bangunan dan premis-premis yang berkenaan. Ia juga memerlukan semua bangunan perniagaan dan premis ditetapkan mempunyai perakuan Bomba.

Kami mengalu-alukan usaha-usaha yang telah diambil untuk memperkenalkan satu Akta tertentu untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Bomba bertindak dengan lebih berkesan bagi melindungi orang-orang dan harta-harta dari risiko kebakaran.

Saya bersetuju bahawa betapa perlunya negara kita mempunyai undang-undang yang lebih berkesan bagi mengendalikan risiko kebakaran memandangkan banyaknya kejadian kebakaran. Sejak tiga tahun lalu lebih kurang 113 orang telah terkorban dan harta bernilai lebih kurang \$617 juta telah musnah.

Kita juga menghadapi bahaya kebakaran yang melibatkan bangunan-bangunan berbilang tingkat. Kebakaran terbesar yang berlaku di kompleks membeli-belah Campbell dalam tahun 1976 dan kebakaran yang berlaku di bangunan lama Bank Bumiputera di Jalan Melaka dalam tahun 1980 masih lagi segar dalam ingatan kita. Kehilangan nyawa dan harta benda boleh dikurangkan jika langkah-langkah pencegahan kebakaran yang mencukupi telah dititik-beratkan dan diambil pada masa lalu.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-
pergerusikan Mesyuarat*)

Memandangkan tujuan utama Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba 1988 ialah untuk melindungi orang-orang dan harta-benda daripada risiko kebakaran maka saya sanggup memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Akan tetapi saya suka mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Kerajaan terhadap beberapa perkara yang berkaitan peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini yang perlu dijelaskan.

Saya ingin merujuk kepada BAHAGIAN IV Rang Undang-undang ini berkaitan dengan "Bekalan Air dan Pili Bomba". Saya merujuk khusus kepada Fasal 22 (1) Rang Undang-undang yang berkaitan dengan penyimpanan air dalam premis-premis bagi maksud menentang kebakaran.

Izinkan saya membaca Fasal 22 (1) di bawah BAHAGIAN IV yang berkaitan dengan Air Pili Bomba yang berbunyi:

"22 (1) Ketua Pengarah boleh, bagi maksud memastikan adanya penstoran air yang cukup di tempat-tempat yang sesuai di sesuatu premis, mengeluarkan apa-apa arahan kepada mana-mana orang yang mengawal, atau pemunya, premis tersebut supaya menyediakan kemudahan dan bekalan air untuk tujuan menentang kebakaran;

Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai bagi pihak berkuasa air".

Tuan Yang di-Pertua, kepastian tentang cukupnya bekalan air dalam semua premis bagi maksud menentang kebakaran adalah penting dan amat perlu. Akan tetapi apa yang saya kurang faham di sini ialah mengapa pihak berkuasa bekalan air tidak dipertanggungjawabkan bagi menyediakan bekalan air yang mencukupi bagi maksud menentang kebakaran sepertimana yang saya telah membaca Fasal 22 (1) yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini.

Soalan yang saya suka bangkitkan ialah apakah akan terjadi jika semasa pembangunan sesuatu projek tertentu berjalan, pihak berkuasa bekalan air boleh membekalkan air dengan cukup, tetapi selepas beberapa tahun, akibat pembangunan pesat di kawasan sekitar, bekalan air menjadi berkurangan. Dalam kejadian seperti ini bagaimana boleh tuan punya premis dibekalkan tanggungjawab, sedangkan ia menjadi tanggungjawab pihak berkuasa bekalan air untuk memastikan bekalan yang cukup. Dalam semua negara lain seperti negara United Kingdom, Australia dan lain-lain, pihak berkuasa bekalan air terpaksa memberi jaminan bekalan air yang mencukupi bagi berbagai

kegunaan termasuk untuk maksud-maksud menentang kebakaran. Memandangkan hal tersebut, saya rasa bahawa pihak berkuasa bekalan air tidak sepatutnya dibebaskan daripada tanggungjawabnya, sebaliknya ia patut mengambil semua tindakan yang munasabah untuk memastikan peruntukan bekalan air yang mencukupi dan bagi menjamin ianya mudah didapati untuk digunakan tatkala berlaku kebakaran. Saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dapat memberi penjelasan tentang perkara yang saya telah bangkitkan tadi.

Saya menyokong Fasal-fasal 23, 24, 25 dan 26, berkaitan dengan pili bomba. Pili bomba begitu penting untuk digunakan dalam menentang kebakaran dan semua langkah mestilah diambil untuk memastikan bahawa pili bomba adalah berfungsi setiap masa. Terdapat banyak contoh pada masa lalu yang telah dilaporkan mengenai pili-pili bomba yang tidak berfungsi untuk memadam kebakaran semasa berlaku kebakaran dan banyak pili bomba tidak boleh dijumpai kerana ianya tersorok atau tertutup oleh pasir atau bahan-bahan buangan atau sampah sarap. Jabatan Perkhidmatan Bomba mestilah memastikan bahawa semua pili-pili bomba mestilah sentiasa diperiksa untuk menjadikannya berfungsi semasa berlaku kebakaran, tetapi apa yang lebih penting lagi ialah masalah tekanan air ataupun, dengan izin, water pressure. Satu masalah yang sering berlaku yang biasa didapati oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba dalam memadam kebakaran ialah menghadapi tekanan air atau water pressure yang amat rendah dari pili bomba-pili bomba yang mesti diperhatikan oleh pihak berkuasa air.

Sebenarnya, saya ingin mencadangkan di sini bahawa pihak berkuasa air hendaklah mengkaji kemungkinan untuk membekalkan air

yang belum diproses untuk digunakan oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba dalam mencegah kebakaran kerana cara ini lebih murah untuk menentang kebakaran. Memandangkan kuasa-kuasa luas yang diberikan kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba di bawah berbagai-bagai cadangan dalam Rang Undang-undang ini maka pada anggapan saya tugas-tugas Jabatan berkenaan di bawah Seksyen 5, Rang Undang-undang ini hendaklah di antaranya meliputi, yang pertama, merumus dan melaksanakan satu pelan induk untuk membuka lebih banyak balai bomba di seluruh negara bagi menampung secara cekap semua kehendak dalam kawasan-kawasan tertentu.

Kedua, untuk mengambil semua langkah yang wajar bagi memastikan penyediaan bekalan air yang mencukupi dan bagi menjamin ia akan mudah diperolehi tatkala hendak digunakan sewaktu berlaku kebakaran.

Ketiga, latihan kecekapan untuk semua anggota-anggota bomba bagi menampung pencegahan kebakaran ataupun dalam perkara menentang kebakaran, terutama dalam bangunan yang berbilang tingkat.

Keempat, bagi memastikan bahawa semua balai-balai bomba cukup dibekalkan dengan kereta bomba dan peralatan untuk mencegah kebakaran yang moden.

Kelima, bagi memastikan kecekapan peraturan untuk mengurus panggilan-panggilan untuk mendapatkan bantuan balai bomba sekiranya berlaku kebakaran dan untuk menugaskan anggota-anggota bomba.

Keenam, bagi memastikan bahawa langkah-langkah yang wajar diambil oleh anggota-anggota bomba bagi mengurangkan kerosakan kepada harta-harta berikutan langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan kebakaran.

Pada akhirnya, satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh ialah berkaitan dengan penubuhan Kumpulan Wang Kebajikan untuk anggota-anggota bomba. Berkaitan dengan Kumpulan Wang Kebajikan yang akan dikendalikan sebagai akaun amanah bagi menyediakan bantuan kewangan kepada anggota-anggota bomba yang mengalami kecederaan dan memberi pampasan kepada keluarga-keluarga bagi anggota-anggota yang meninggal dunia semasa menjalankan tugas. Saya mengalu-alukan peruntukan ini kerana seperti mana Jabatan Polis dan Angkatan Bersenjata yang mempunyai tabung mereka masing-masing, maka Jabatan Perkhidmatan Bomba yang tidak kurang penting dalam menjalankan tugas harus juga mempunyai Kumpulan Wang Kebajikan bagi anggota-anggotanya. Dengan ini, **sekian.**

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

4.29 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, iaitu 4 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perkhidmatan Bomba semalam dan hari ini.

Pada keseluruhannya saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran-teguran dan pandangan yang membina dan Kementerian akan mengambil perhatian dan juga akan meneliti perkara-perkara yang dibangkitkan semasa perbahasan.

Berhubung dengan ulasan-ulasan wakil dari Gopeng bahawa perakuan bagi bangunan-bangunan yang

dimaksudkan di Bahagian VI, Akta tersebut ialah bagi bangunan-bangunan yang telah ditetapkan sahaja atau dengan izin, designated premises. Saya suka menjelaskan bahawa bukan semua bangunan-bangunan akan di "designate" sebagai designated premises, maka bangunan-bangunan yang ditetapkan ini ialah bangunan-bangunan yang sedia ada dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang akan disediakan oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab kepada Perkhidmatan Bomba.

Sebagai contoh, bangunan-bangunan tinggi, bangunan-bangunan hotel dan tempat-tempat perhimpunan orangramai mungkin perlu digolongkan sebagai premis yang ditetapkan atau, dengan izin, designated premises kerana premis-premis ini melibatkan keselamatan nyawa orang ramai. Pihak-pihak bagi bangunan yang ditetapkan itu perlu menentukan pintu-pintu dan tangga-tangga tidak berkunci atau dihalang atau dijadikan tempat menyimpan barang-barang yang merbahaya atau tempat-tempat memproses bahan-bahan merbahaya yang boleh mendatangkan ancaman-ancaman kepada nyawa. Kita lebih maklum bahawa banyak kebakaran hotel yang besar-besar berlaku di negara-negara asing dan telahpun meragut nyawa penumpang-penumpangnya.

Maka sukalah saya jelaskan sekali lagi bahawa proses meluluskan bangunan-bangunan industri dan bangunan-bangunan baru tidaklah terlibat di dalam Akta ini seperti dianggap oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng. Kelulusan bangunan-bangunan baru ataupun tambahan kepada bangunan-bangunan lama itu adalah dikawal di bawah Undang-undang Kecil (Bangunan Seragam) di bawah kuasa Majlis-majlis Tempatan. Dengan penjelasan ini saya fikir soal menyusahkan pihak pemaju atau

pertumbuhan industri-industri tidak berkaitan dengan Akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah, tersebut semasa perbahasan bahawa kuasa-kuasa yang diberi adalah terlalu luas. Ini adalah dibangkitkan oleh satu atau dua orang Ahli Yang Berhormat. Pasa amnya, kuasa-kuasa yang terkandung di dalam Rang Undang-undang ini adalah kuasa-kuasa yang perlu untuk menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Bomba dengan berkesan dan cekap. Kuasa-kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah di bawah Fasal 40 (1) perlu diterangkan di sini ialah berkaitan dengan Seksyen 28 Kanun Prosedur Jenayah atau, dengan izin, Criminal Procedure Code. Di dalam Fasal ini ia mengesahkan kesalahan-kesalahan bagi orang-orang yang mengambil atau memasuki bangunan-bangunan yang telah terlibat di dalam kebakaran dan telah diambilalih oleh Ketua Pengarah bagi tujuan penyiasatan. Kebakaran perlu disiasat dengan teliti untuk menentukan punca-punca kebakaran bagi kemudahan kawalan dan pencegahan kebakaran di masa hadapan dan juga bagi menentukan sama ada kebakaran itu berlaku dengan niat jahat atau disengajakan. Kemasukan orang-orang luar atau mengambil barang-barang di dalam premis yang terbakar itu boleh melenyapkan kenyataan-kenyataan atau bukti-bukti mengenai sebab-sebab kebakaran.

Perlu dinyatakan di sini iaitu bukan semua bangunan yang terbakar akan diambilalih walaupun buat sementara oleh Ketua Pengarah melainkan atas sebab-sebab yang munasabah. Saya harap Ahli Yang Berhormat akan berpuas hati dengan penjelasan ini bahawa kuasa di bawah Fasal 40 (1) adalah amat penting untuk menjalankan penyiasatan apabila kebakaran berlaku.

Berhubung dengan kuasa mengenai bekalan air pula yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Gopeng dan Bukit Bintang, peruntukan ini ialah semata-mata untuk membolehkan Jabatan Perkhidmatan Bomba mengambil air daripada mana-mana premis yang ada bekalan air seperti kolam, telaga atau tangki semasa kebakaran di bangunan-bangunan yang berkenaan atau di bangunan jiran. Di mana pili-pili bomba tidak diperolehi atau di mana kuantiti air daripada saluran paip tidak baik, berkemungkinan Jabatan Bomba akan meminta mengadakan bekalan air berupa tangki air atau memperkukuhkan tebing-tebing sungai di mana sesuai untuk bekalan air bagi melawan kebakaran.

Apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang ialah bahawa mengadakan bekalan air yang mencukupi untuk melawan kebakaran adalah satu tanggungjawab bagi pihak berkuasa bekalan air. Ini adalah benar dan pihak Perkhidmatan Bomba telahpun bekerjasama dengan pihak berkuasa air untuk mencadangkan keperluan air untuk memadam, melawan kebakaran. Masalahnya ialah air yang mencukupi bagi manusia merupakan perkara yang utama dan air bagi melawan kebakaran akan juga diberi keutamaan yang kedua oleh kerana ini adalah satu bahan yang begitu penting untuk melindungi harta dan nyawa.

Maka Fasal 22 (1) yang memberi kuasa kepada Ketua Pengarah untuk mengeluarkan arahan-arahan kepada mana-mana orang yang mengawal atau pemunya premis tersebut supaya menyediakan kemudahan dan bekalan air bagi tujuan menentang kebakaran tidak bererti bahawa pihak berkuasa air tidak akan membekalkan air. Seperti yang dibuat sekarang, cuma di mana tidak ada punca air yang disediakan oleh pihak berkuasa air dan jika ada bekalan air seperti kolam, telaga dan tangki semasa kebakaran di

bangunan-bangunan, pihak Ketua Pengarah ada hak untuk mengeluarkan arahan supaya air itu digunakan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Apa yang saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah sebab tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada merujuk kepada Fasal 22 (1), yang sebenarnya ada ditimbulkan oleh saya dalam perbahasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa pihak berkuasa air yang berkenaan juga hendaklah memikul tanggungjawab untuk memastikan bekalan air yang cukup, akan tetapi di sini apa yang saya kurang faham ialah apa yang terkandung di dalam Fasal 22 (1) dimana ada satu ayat yang mengatkan bahawa:

“Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai bagi pihak berkuasa air”.

Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan boleh memberi penjelasan lanjut oleh sebab mungkin ini adalah bertentangan dengan jaminan telah diberikan oleh Yang Berhormat tadi.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, itulah maksud saya, saya fikir Ahli Yang Berhormat itu salah faham. Provisio “Dengan syarat bahawa subseksyen ini tidaklah terpakai bagi pihak berkuasa air” adalah bermakna bahawa Ketua Pengarah Bomba tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan kepada pihak berkuasa air oleh kerana pihak berkuasa air adalah di bawah bidangkuasa Kementerian lain. Jabatan Bomba dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak berkuasa untuk mengarahkan Kementerian itu. Oleh yang demikian peruntukan sedemikian patut diadakan dalam Akta yang mengarah Jabatan Bekalan Air atau pihak berkuasa air. Jadi, jaminan ini bahawa pihak berkuasa air akan terus membekalkan

air, tetapi di mana-mana tidak ada punca air daripada yang disediakan oleh pihak berkuasa air, dan kalau ada bekalan air seperti kolam, telaga atau tangki di mana kebakaran berlaku di bangunan-bangunan yang berkenaan, Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk mengarahkan pihak tersebut supaya membenarkan air itu digunakan. Itulah maksud penjelasan saya dan saya harap Yang Berhormat puas hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sukalah memberi jaminan bahawa Ketua Pengarah atau pegawai-pegawai Kementerian saya yang diberi kuasa akan tidak menyalahgunakan kuasa-kuasa itu kerana mereka juga tertakluk kepada peraturan-peraturan yang ditentukan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Selain daripada itu orang-orang atau Badan-badan yang terlibat boleh membuat rayuan-rayuan kepada Yang Berhormat Menteri atau Mahkamah di beberapa fasal-fasal.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan syor daripada Yang Berhormat Wakil dari Gopeng mengenai pertambahan Balai-balai Bomba, cadangan ini juga telah dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang dan Ahli Yang Berhormat dari Nibong Tebal untuk mengadakan satu pelan induk supaya Balai Bomba yang mencukupi dicadangkan bagi seluruh negara.

Saya sukalah menjelaskan bahawa ini sedia ada dan sebenarnya Jabatan Perkhidmatan Bomba telapun menjalankan satu kajian yang keseluruhannya bagi tiap-tiap negeri, tentang keperluan perkhidmatan Balai-balai Bomba dalam jangka masa pendek dan jangka masa panjang. Selain daripada itu Jabatan Perkhidmatan Bomba juga telah memperolehi tapak-tapak tanah bagi Balai-balai Bomba di beberapa tempat di merata-rata tempat di seluruh negara kita, tetapi masalahnya ialah

peruntukan. Walau bagaimanapun Kementerian akan terus membuat cadangan-cadangan kepada pihak Kerja supaya lebih banyak peruntukan diberi untuk kita membina Balai-balai Bomba dan juga membeli alat-alat moden dan sebagainya seperti dicadangkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Gopeng terhadap pemeriksaan pili-pili bomba. Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang juga telah menyokong segala fasal-fasal tentang pili-pili bomba oleh kerana pili bomba begitu penting untuk melawan kebakaran-kebakaran. Adalah benar dari masa ke semasa kita dapat banyak masalah-masalah berkaitan dengan pili bomba:

- (i) tekanan air yang tidak mencukupi di beberapa tempat;
- (ii) pili-pili bomba itu dihalang, ditutup atau ditimbus oleh pihak-pihak yang tidak begitu bertanggungjawab.

Kita telahpun mengadakan satu Skim Menganakangkat Pili-pili Bomba dan kita berharap cadangan ini akan dapat sokongan daripada semua pihak, orang ramai dan juga Wakil-wakil Rakyat untuk menanam kesedaran tentang skim ini.

Jabatan Perkhidmatan Bomba selain daripada meminta kerjasama daripada pihak orang ramai, kita juga sedang menjalankan pemeriksaan terhadap pili-pili bomba dan kita ada Jabatan Perkhidmatan Bomba yang mempunyai satu routine roster untuk memeriksa pili-pili bomba.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat berkenaan dengan jawapan yang diberikan tadi atas tajuk "Pili Bomba".

Di sini saya ingin mendapat pendapat dari Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau itu sedar dan saya yakin bahawa beliau sedar iaitu mengenai masalah tekanan air ataupun water pressure yang merupakan salah satu masalah yang sentiasa berlaku, oleh sebab misalannya dalam kawasan saya Kuala Lumpur, setiap kali apabila berlaku kebakaran, anggota-anggota bomba berkejar ke tempat itu untuk memasang hose hendak memadamkan kebakaran, akan tetapi tekanan air sangat rendah dan akibatnya anggota-anggota bomba tidak dapat menentang kebakaran dengan berkesan.

Saya hendak mendapat tahu sama ada Kementerian ataupun Jabatan Perkhidmatan Bomba dapat mencari satu jalan di mana di tiap-tiap pili bomba, Jabatan Bekalan Air dapat memastikan bahawa apabila sesuatu kebakaran berlaku, maka anggota-anggota Bomba boleh menggunakan pili bomba yang dilengkapi dengan tekanan air yang cukup untuk menentang kebakaran.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jelaskan tadi air adalah di bawah bidangkuasa Kementerian yang berlainan—Bagi pihak Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Kementerian saya, kita telahpun memberi maklumat yang mencukupi tentang keperluan-keperluan tekanan air bagi seluruh negara untuk melawan kebakaran. Misalnya seperti saya terangkan tadi ialah tentang keutamaan air yang diperlukan oleh manusia dan juga air yang diperlukan untuk melawan kebakaran, yang akan melindungi harta dan nyawa. Buat masa sekarang dalam negara kita seperti dimaklum oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, bekalan air bagi manusia, khasnya rakyat jelata belum lagi dibekalkan dengan 100%, masih terdapat beberapa kawasan khususnya di luar bandar yang belum lagi

dibekalkan dengan air bagi kegunaan manusia. Maka keutamaan yang pertama adalah untuk memenuhi matlamat itu, sementara membantu Jabatan Perkhidmatan Bomba menyediakan air yang mencukupi bagi melawan kebakaran.

Saya sedar bahawa buat masa sekarang di beberapa tempat, tekanan air tidak mencukupi buat masa sekarang kita ada satu working arrangement dengan pihak Jabatan Bekalan Air dan juga Lembaga Letrik Negara supaya kalau satu-satu kebakaran berlaku di satu-satu tempat, Jabatan Bekalan Air dengan serta-merta menutupkan saluran air ke kawasan-kawasan yang sekitar dan ditumpukan air itu ke tempat kebakaran supaya tekanan itu dibaiki. Ini adalah sebagai satu langkah sementara waktu dan adalah harapan kita juga bahawa tekanan air dalam jangka masa panjang akan dibaiki. Saya fikir cukuplah penjelasan tentang masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan terima kasih kepada sokongan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Pantai, yang telah menyokong peruntukan Tabung Kebajikan Bomba yang juga telah disokong oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Nibong Tebal dan Gopeng. Memanglah Tabung ini akan menjaga kebajikan kakitangan serta anak-anak anggota-anggota yang terkorban.

Pada masa yang lampau ramai anggota Bomba yang gugur dan tercedera dan adalah perkara yang menyedihkan bahawa mereka tidak mendapat pandangan dan bantuan sewajarnya, sungguhpun kita semua lebih maklum akan corak tugas-tugas mereka yang merbahaya iaitu mereka sentiasa terdedah kepada asap beracun, kena kejutan elektrik, letupan terperangkap di dalam kebakaran, dihempap batu atau tiang semasa kebakaran atau terjatuh

semasa menjalankan tugas operasi melawan kebakaran. Oleh itu, peruntukan bagi tabung Kebajikan di dalam Akta ini sangat-sangat diperlukan.

Satu lagi perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai ialah berkenaan dengan tapak Balai Bomba di Taman Tun Dr Ismail. Sebenarnya baru sahaja tapak itu diluluskan. Adalah tidak berkemungkinan Balai Bomba dapat didirikan dengan serta-merta di tapak ini berpandukan kepada kedudukan ekonomi negara pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kelab West Point telah memohon untuk menggunakan sebahagian kecil tapak bagi Balai Bomba itu untuk tempat letak kereta kelab yang berkenaan. Sebagai membalas jasa terhadap penggunaan ini, Kelab West Point bersetuju untuk membina sebuah Balai Bomba sementara yang boleh digunakan oleh Perkhidmatan Bomba dan apabila Kerajaan hendak membina Balai Bomba kekal, Kelab tersebut akan menyerahkan segala kemudahan yang telah mereka bina kepada Bomba. Keputusan penggunaan tanah dan pembinaan Balai Bomba sementara bagi Kelab West Point ini belum dicapai lagi.

Berhubung dengan lampu warna-warni yang dipasang di bangunan-bangunan seperti Snooker Centre dan sebagainya, sama ada di dalam atau di luar bangunan, tidaklah di dalam bidangkuasa Jabatan Bomba, tetapi dengan adanya Akta ini, Jabatan Bomba akan bekerjasama dengan Ketua Pemeriksa Elektrik dan juga Lembaga Letrik Negara.

Tuan Yang di-Pertua tentang masalah fee yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, bahawa fee-fee yang dikenakan oleh Ketua Pengarah tidak ditetapkan dalam Akta ini, sukalah saya menjelaskan bahawa fee, walaupun tidak ditetapkan dalam Akta ini, tetapi mengikut Fasal 31 dan Fasal 50 ia

bermakna, fee itu akan ditetapkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini. Saya berharap fasal kedua tafsiran di muka 7 menerangkan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja penjelasan dan jawapan-jawapan tentang perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semasa perbahasan. Pada keseluruhannya Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan telah memberi sokongan penuh terhadap Akta ini oleh kerana Ahli-ahli Yang Berhormat sedar tentang keperluan Rang Undang-undang ini supaya Jabatan Perkhidmatan Bomba berfungsi dengan lebih berkesan dan cekap untuk melindungi manusia dan harta daripada risiko kebakaran dan untuk tujuan-tujuan berkaitan dengannya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya bangun atas Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Gooi Hock Seng: Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p), untuk mencadangkan satu usul tentang perkara hak dan kebebasan di mana notis tidak perlu iaitu tanpa notis di bawah Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p). Tuan Yang di-Pertua, usul saya adalah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Apa usul itu?

Tuan Gooi Hock Seng: Tentang perkara privilege, dengan izin. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Beri teks itu di sini.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya ada satu naskah teks sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Keputusan telah dibuat, Yang Berhormat. Yang Berhormat tidak boleh bangkitkan perkara ini beberapa kali.

Tuan Gooi Hock Seng: Saya tahu Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu hak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Gooi Hock Seng: Saya ada satu hak di bawah Peraturan 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Duduk!

Tuan Gooi Hock Seng: Apa-apa masalah saya boleh bangkitkan berkenaan perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, keputusan telah dibuat di atas perkara ini—sudah. (*Disampuk*) Ahli-ahli Yang Berhormat lain jangan kata apa-apa dari sana. Duduk Yang Berhormat! Saya telah buat keputusan, Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Atas Peraturan Mesyuarat 26, Tuan Yang di-Pertua, tanpa notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya telah buat keputusan. Kita telah buat satu keputusan dahulu dan itu tetap. Tidak boleh bangkit lagi.

Tuan Gooi Hock Seng: Apakah keputusan itu, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang dibuat oleh.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Leo Moggie anak Irok): Tuan

Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat, apabila Tuan Yang di-Pertua telah membuat keputusan, keputusan itu telah kekal dan patut dikekalkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Terima kasih, Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Keputusan patut dibuat oleh Dewan yang mulia ini, bukan

Tuan Gooi Hock Seng: Sebab keputusan adalah salah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat.

Tuan Gooi Hock Seng:sebab keputusan tadi dibuat atas Peraturan Mesyuarat 60, bukan Peraturan Mesyuarat 21 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat duduk. Kalau Yang Berhormat tidak duduk, saya akan minta Bentara Mesyuarat keluarkan Yang Berhormat. Duduk! Yang Berhormat, saya kata.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, mesti ada undi di dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, saya telah buat keputusan.

Dr Eng Seng Chai: Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua. (*Disampuk*)

Tuan Gooi Hock Seng: Saya bangun untuk.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bentara, sila keluarkan Yang Berhormat dari Dewan ini. Bentara! Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak keluar sekarang, saya ingin ambil.

Dr Eng Seng Chai: Keputusan patut dibuat oleh Dewan ini, bukan oleh Tuan Yang di-Pertua, fasal.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya telah buat keputusan. Yang Berhormat, sila keluar! Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sila duduk dahulu.

Dr Eng Seng Chai: Kita berhak atas.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, duduk dahulu.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang penting.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bentara.

Dr Eng Seng Chai: Ini patut diputuskan oleh Dewan ini, bukan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bentara, sila keluarkan Yang Berhormat dari Bukit Bendera.

Dr Eng Seng Chai: Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera ada hak atas Peraturan Mesyuarat 26.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat tidak mengikuti arahan ini, saya ingin—Yang Berhormat.

Beberapa Orang Ahli: (*Bangun*) (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya tangguhkan mesyuarat selama lima minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 5.00 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya meminta kerjasama dari Ahli Yang Berhormat. Kalau tidak, saya akan mengambil tindakan yang berat. Saya harap tak perlu saya mengambil tindakan itu. Tadi saya telah meminta Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera keluar dari Dewan. Sila, keluar.

Tuan Lee Lam Thye: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, sila duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya minta penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tak boleh, Yang Berhormat.

Tuan Lee Lam Thye: Saya berpendapat bahawa arahan ataupun keputusan Tuan Yang di-Pertua untuk mengarahkan dia keluar adalah tidak adil, oleh sebab Ahli dari Bukit Bendera bercakap di bawah Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p) untuk mengemukakan usul tanpa notis.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 42 yang berbunyi:

“Bila-bila ahli-ahli ditegur oleh Pengerusi berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat atau bila-bila Pengerusi menyampuk masa dijalankan perbahasan, maka siapa-siapa ahli yang sedang bercakap atau yang hendak bercakap, hendaklah

duduk dan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa hendaklah diam supaya cakap Pengerusi boleh didengar dengan tidak terganggu.”

Oleh itu, apabila saya bercakap, sila duduk. Jangan debatekan. Yang Berhormat, sila duduk!

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya baru baca Peraturan Mesyuarat ini, tak dengarkah?

Tuan Lee Lam Thye: Saya memang sedar, tetapi beri saya peluang untuk menerangkan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, sila patuhi arahan saya. Yang pertama sekarang, kita minta Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera keluar dari Dewan.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, kita ada hak mengikut Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Bentara, sila keluarkan Ahli dari Bukit Bendera dan selepas itu sila keluarkan juga Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, kita pun ada hak di bawah Peraturan Mesyuarat 26 (1) (p).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Pertama, keluarkan Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

Seorang Ahli: Bukit Bendera!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta maaf, Bukit Bendera, dan selepas itu keluarkan Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, janganlah salahgunakan hak itu. Kita pun ada hak di bawah Peraturan 26 (1) (p). (*Disampuk*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau semua hendak keluar pun boleh. Sila. (*Disampuk*) Terima kasih. Tak apa, ini kita boleh terima.

(*Semua Ahli-ahli DAP keluar Dewan*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat, harap tenang sedikit.

RANG UNDANG-UNDANG PERKHIDMATAN BOMBA

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(*Timbalan Yang di-Pertua mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 63 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA, INSURANS DAN TAKAFUL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.15 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia, 1958, Akta Insurans, 1963 dan Akta Takaful, 1984, dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui Rang Undang-undang ini adalah bertujuan memberi kuasa kepada Bank Negara Malaysia untuk mengawal dan mengawasi industri insurans di Malaysia. Industri insurans merupakan salah satu daripada komponen penting dalam sistem kewangan negara. Di samping memberi perlindungan insuran kepada orang ramai, ia juga memainkan peranan penting dalam menggembeling simpanan jangka panjang dan menyediakan sumber pembiayaan untuk tujuan pembangunan negara. Dengan itu, industri insurans adalah sama kedudukannya dengan institusi-institusi kewangan yang lain seperti bank perdagangan dan syarikat kewangan iaitu dari segi peranan dan aktivitinya dalam pasaran modal tempatan.

Pada masa ini kegiatan syarikat-syarikat insurans adalah dikawal dan diawasi oleh Bahagian Insurans, Perbendaharaan Malaysia dengan berpandukan kepada Akta Insurans, 1963 dan Akta Takaful, 1984 di mana Akta Takaful, 1984 adalah dikhaskan kepada syarikat-syarikat insurans yang beroperasi mengikut lunas-lunas Islam.

Sungguhpun industri insurans di Malaysia telah mengalami perkembangan pesat dalam beberapa tahun yang lepas dan memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan modal jangka panjang, namun kedudukannya pada masa ini adalah tergugat ekoran daripada beberapa faktor khususnya kemerosotan ekonomi dunia, pertambahan bilangan tuntutan termasuk tuntutan palsu dan kekurangan kakitangan yang berkemahiran. Faktor-faktor ini telah menjejaskan industri insurans dan menimbulkan keraguan khususnya bagi sektor insurans am mengenai keupayaan mereka untuk memenuhi tanggungjawab dalam menyelesaikan tuntutan-tuntutan kerana ada sebilangan syarikat insurans didapati mengalami kerugian penanggungan atau, dengan izin, underwriting losses.

Masalah yang dihadapi oleh industri insurans lebih membimbangkan lagi kerana pemegang ekuiti secara bersilang ataupun cross-holding di kalangan industri bank dan industri insurans. Sekiranya sesebuah syarikat insurans menemui kegagalan ia akan memberi kesan kaitan atau, dengan izin, contagious effect, ke atas bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan yang terlibat dalam pemegangan bersilang dan seterusnya menjejaskan sistem kewangan negara. Dengan demikian langkah-langkah pembaikan perlu diwujudkan bagi mendorong industri insurans berkembang dengan lebih kukuh dan sihat demi menjaga kestabilan sistem kewangan negara.

Oleh kerana industri insurans adalah merupakan salah satu daripada komponen penting dalam sistem kewangan negara dan memainkan peranan yang sama dengan industri bank dalam pasaran modal tempatan, Kerajaan berpendapat bahawa rancangan pembaikan itu perlu dirangka mengikut haluan yang sejajar dengan perkembangan industri bank supaya peranan dan aktiviti mereka

dalam pasaran modal tempatan dapat diperkemas dan dipertingkatkan lagi. Dalam hubungan ini, Kerajaan juga berpendapat bahawa adalah wajar dan tepat sekiranya industri insurans ini dikawal dan diawasi oleh badan pentadbiran yang mengawal industri bank supaya penyelarasan yang lebih berkesan dapat dirancang dan dilaksanakan ke arah memaju dan mengembangkan pasaran modal tempatan. Dengan sebab itu, Kerajaan mencadangkan supaya tanggungjawab mengawal dan mengawasi industri insurans itu dipindahkan dari Perbendaharaan Malaysia ke Bank Negara Malaysia. Tambahan pula Bank Negara Malaysia telah sedia mempunyai ramai pegawai dan kakitangan yang berkemahiran dan berpengalaman dalam urusan mengawas dan memeriksa aktiviti-aktiviti institusi kewangan. Dengan itu pegawai-pegawai berkenaan dapat digunakan untuk membantu rancangan memaju dan memperbaiki industri insurans. Bank Negara juga mempunyai keupayaan, pengalaman dan kemahiran untuk menjalankan langkah-langkah menyelamat sekiranya ada di antara syarikat-syarikat insurans yang didapati menghadapi masalah yang serius.

Bagi melaksanakan pemindahan tugas ini, pindaan-pindaan sewajarnya perlu dibuat ke atas Ordinan Bank Negara Malaysia 1958; Akta Insuran 1963 dan Akta Takaful 1984 seperti yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan ini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 bertujuan meminda sub-seksyen 1 seksyen 30 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 bagi membolehkan Bank Negara Malaysia bertindak sebagai ejen Kerajaan di bawah Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

Fasal 4 bertujuan memasukkan takrif Central Bank, dengan izin, ke dalam Akta Insurans 1963. Takrif yang

sama juga akan dimasukkan dalam Akta Takaful 1984 melalui pindaan di bawah Fasal 9.

Fasal 5 bertujuan meminda seksyen 18 Akta Insurans 1963 bagi membolehkan Ketua Pengarah memeriksa secara rahsia buku-buku, akaun-akaun dan transeksi-transeksi bagi sesuatu penanggung insurans atau mana-mana cawangannya dari masa ke semasa tanpa dikehendaki memberikan notis terlebih dahulu kepada penanggung insurans yang berkenaan. Pemeriksaan tanpa notis ini terlebih dahulu adalah sebagai langkah mengurangkan peluang syarikat-syarikat insurans untuk menyembunyi, mengubah atau menghapuskan dokumen-dokumen yang tertakluk kepada pemeriksaan oleh Ketua Pengarah.

Seksyen 18 juga disusun semula untuk memberi penekanan yang lebih ke atas kuasa ini. Di samping itu Fasal ini juga bertujuan untuk mengenakan penalti yang lebih berat bagi sesuatu kesalahan di bawah seksyen itu. Peruntukan yang sama akan dimasukkan juga dalam seksyen 33 Akta Takaful 1984 melalui pindaan di bawah Fasal 10.

Fasal 6 bertujuan meminda seksyen 35 Akta Insurans 1963 untuk melantik Gabenor Bank Negara Malaysia menjadi Ketua Pengarah Insurans di bawah Akta itu dan untuk membolehkan Ketua Pengarah melantik dan memberi kuasa ataupun delegate, dengan izin, kepada mana-mana pegawai Bank Negara Malaysia atau mana-mana orang lain untuk membantunya menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab dan fungsi-fungsinya di bawah Akta itu sama ada secara am ataupun dalam sesuatu kes tertentu. Peruntukan-peruntukan yang sama juga akan dimasukkan dalam seksyen 54 Akta Takaful 1984 melalui pindaan di bawah Fasal 11.

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 35A Akta Insurans 1963 dengan mengganti, dengan izin, "any public officer", dengan "any officer of the Central Bank appointed under section 35 sub-section (5)". Pindaan ini adalah perlu memandangkan bahawa Akta Insurans 1963 akan ditadbirkan oleh Gabenor Bank Negara Malaysia dan pegawai-pegawainya nanti. Peruntukan-peruntukan yang sama akan dimasukkan dalam seksyen 55 Akta Takaful 1984 melalui pindaan di bawah Fasal 12.

Fasal 8 bertujuan memasukkan seksyen baru 35B ke dalam Akta Insurans 1963 bagi memberi taraf perkhidmatan awam mengikut pengertian Kanun Keseksan kepada Ketua Pengarah. Mana-mana pegawai Bank Negara yang dilantik di bawah subseksyen (5), seksyen 35 dan mana-mana orang yang dilantik di bawah subseksyen (3) seksyen 27 atau yang diberi kuasa atau yang dilantik di bawah subseksyen (6) seksyen 35 Akta itu. Peruntukan-peruntukan yang sama akan diwujudkan juga dalam Akta Takaful 1984 dengan memasukkan seksyen baru 55A kepada Akta tersebut melalui pindaan di bawah Fasal 13.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemahiran dan keupayaan yang sedia ada pada Bank Negara Malaysia, Kerajaan yakin bahawa rancangan pembaikan ke atas industri insurans tempatan akan dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Di samping itu adalah diharapkan juga bahawa peraturan-peraturan dan panduan-panduan yang lebih kemas dapat dirangka dan dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia bagi mendorong dan meningkatkan lagi peranan industri insurans dalam pasaran modal tempatan dan seterusnya memberi sumbangan ke arah memaju dan mengukuhkan lagi sistem kewangan negara. Bagi mencapai hasrat ini, pindaan-pindaan

sebagaimana yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang berkenaan adalah wajar dan perlu bagi memberi kuasa kepada pihak Bank Negara Malaysia untuk mentadbir industri insurans.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.29 ptg.

Puan Ling Chooi Sieng (Kluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini. Hakikat bahawa pindaan ini perlu menunjukkan bahawa industri insurans Malaysia kini berada dalam keadaan yang kurang memuaskan. Saya percaya banyak syarikat insurans telah melakukan perbuatan salah (malpractices), dengan izin, oleh pengurus-pengurus yang kurang etika.

Saya percaya pengurus-pengurus ini menandatangani surat-surat jaminan, dengan izin, financial guarantees, untuk kawan-kawan atau sahabat-sahabat pertalian, dengan izin, associate mereka dan ini mengakibatkan kerugian yang besar kepada syarikat-syarikat insurans yang berkenaan. Paras kerugian kepada syarikat-syarikat insurans tidak diketahui, tetapi saya percaya kerugian yang dialami adalah sangat besar. Kalau tidak silap saya banyak syarikat insurans di negara ini telah mengalami kerugian kebelakangan ini. Fenomena

ini diakibatkan oleh perbuatan-perbuatan salah oleh setengah-setengah pengurus dan kekurangan penguatkuasaan oleh Pihak pengurusan atau pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menggesa Kerajaan untuk mengambil tindakan yang tegas ke atas sesiapa yang telah menikmati faedah daripada perbuatan-perbuatan salah ini seperti tindakan-tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan wang koperasi. Masanya sudah tiba untuk Kerajaan menghapuskan eksekutif-eksekutif yang kurang etiket ini dari mencemar nama baik industri insurans, dengan izin, "it is about time we get rid of the bad hats in the insurance industry".

(Tuan Yang di-Pertua *memperkeruskannya Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Dan saya berharap Bank Negara akan menjalankan tugasnya dalam membersihkan nama baik industri insurans. Dan saya juga berharap Bank Negara, dengan izin, "will do a good house cleaning job." Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Sungai Petani.

5.32 ptg.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai Petani): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil bahagian secara ringkas untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1984, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

Sebagai seorang pendakwah ingin saya merakamkan di sini penghargaan yang tinggi kepada Kerajaan Malaysia, kepada Kerajaan kita yang tercinta yang telah mengambil berat bukan sahaja di dalam urusan ibadat, di dalam

urusan mendirikan rumah-rumah ibadat seperti masjid, surau dan lain-lain tetapi juga mengambil berat dan mempertingkatkan usaha-usaha untuk menjalankan atau mentadbirkan ekonomi secara Islam.

Kita telah melihat adanya Bank Islam. Kita telah melihat pada hari ini dan masa yang lalu adanya insurans yang bernama Takaful. Jadi, nampaknya Kerajaan pada masa sekarang ini secara sungguh-sungguh untuk menegakkan ajaran-ajaran Islam di negara ini sedangkan ada beberapa orang yang menjerit-jerit hendak meninggikan Islam tetapi tidak menunjukkan apa pun cara dan jalan bagaimana hendak meninggikan Islam itu. Untuk meninggikan Islam bukan sahaja mengenai ibadat tetapi juga kita perlu meninggikan tentang ekonomi orang-orang Islam juga.

Satu di antara cara-cara untuk meninggi dan memperbetulkan cara ekonomi yang ada sekarang ini ialah insurans Takaful ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Rang Undang-undang ini jelas menunjukkan bahawa pihak Kerajaan mengambil berat untuk melindungi rakyat jelata yang mengambil bahagian di dalam aktiviti perniagaan insurans ini. Jadi, saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada pihak Kementerian Kewangan.

Kita sedar bahawa di dalam dunia ini ada ramai orang bernama Islam atau ramai orang bernama muslim. Bagi hakikat Islam itu sendiri apabila seseorang itu bernama muslim, berpegang dengan agama Islam maka seharusnya ia menjadi seorang manusia yang lurus. Begitu juga manusia-manusia yang bukan muslim pun ada yang lurus, ada yang baik tetapi kadang-kadang manusia yang muslim yang sepatutnya lurus ataupun manusia-manusia lain yang bukan

muslim pun lurus tetapi apabila ada sebab-sebab tertentu, ada cacing yang bermain di matanya, ada benda yang mengharu perasaan dan jiwanya, ada yang menggoda hati dan jiwanya dengan berbagai-bagai cara maka ianya telah kelam mata.

Maka dengan adanya Akta ini maka industri insuran itu akan terjamin, akan memperlindungi daripada keadaan-keadaan yang saya sebutkan itu.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Ordinan Bank Negara 1985, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah.

5.37 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut berucap dan seterusnya menyokong Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara 1968, Akta Insurans 1963 dan Akta Takaful 1984.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pindaan ini amat tepat dan bersesuaian dengan keadaan kerana sedikit sebanyak kesan-kesan daripada perbuatan agen-agen insurans atau pegawai-pegawai Pengurus atau brokernya boleh menjejaskan keyakinan pihak-pihak tertentu.

Berdasarkan apa yang dikatakan oleh pihak pembentang iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi bahawa pindaan ini akan memberi perlindungan kepada orang awam dan tindakan ini akan menepati keadaan dan juga di samping itu setelah insurans ini subur tentunya dia akan memberi manfaat kepada sumber kewangan negara, kepada pembangunan negara yang akhirnya kembali kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menceritakan pengalaman peribadi

sendiri mengenai insurans ini di mana ada pihak Pengurus yang cuba sama ada peribadi atau kewangan telah pun berdasarkan perhubungan tertentu dengan mengeluarkan jaminan kewangan atau financial guarantee, dengan izin, yang akhirnya terbongkar dan tidak boleh diterima oleh pihak yang menerima jaminan tersebut. Sehingga sekarang ataupun barangkali sehingga setakat ini sebelum pindaan ini dibuat ada pihak-pihak sama ada pihak Kerajaan, badan-badan Kerajaan, Jabatan-jabatan kerajaan yang kurang yakin untuk menerima jaminan kewangan atau financial guarantee tadi disebabkan oleh perbuatan agen-agen insurans yang tidak bertanggungjawab dan ini tentunya, Tuan Yang di-Pertua, merumitkan pihak yang terlibat.

Misalnya pihak kontraktor. Kontraktor-kontraktor bumiputera pernah menceritakan kepada saya bahawa mereka perlu memasuki tender sama ada di Jabatan Kerajaan ataupun badan-badan berkanun. Ada Jabatan Kerajaan dan Badan Berkanun sendiri menurut mereka meminta mengeluarkan jaminan bank dan tentunya mereka membayar berpuluh-puluh ribu ringgit ataupun sekurang-kurangnya 70% sebagai cagaran di bank barulah mendapat pinjaman bank. Tetapi sebelum daripadanya barangkali mereka hanya mampu mendapat peluang untuk mendapat tawaran dengan tender di projek Kerajaan dengan mengeluarkan jaminan kewangan ataupun financial guarantee tadi.

Jadi, dengan pindaan ini tentunya pihak-pihak yang selama ini ataupun sebelum daripada perkara ini dimainkan oleh pihak-pihak tertentu akan kembali boleh menerima jaminan kewangan ini dan akan meminta pihak-pihak yang terlibat khususnya pihak kontraktor-kontraktor akan memasuki tender-tender di Jabatan-jabatan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, setelah keyakinan dapat dipulihkan, pihak-pihak yang terlibat memberi keyakinan semula setelah pindaan ini dibuat maka kita mengharapkan ianya berkembang subur dan saya mengambil kesempatan untuk meminta pihak-pihak yang berkenaan supaya membuat penerangan yang luas kepada rakyat, kepada pihak-pihak yang terlibat bahawa keyakinan perlu diberi kepada Kerajaan dan kepada pihak insurans setelah pemindahan ini dibuat dan kita yakin kewangan dapat dikumpul dan dapat digunakan untuk membangunkan negara seterusnya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itulah sekadar pengalaman yang saya alami berdasarkan perkara yang telah berlaku sebelum pindaan dibuat dan insya Allah setelah pindaan dibuat, nampaknya ada peruntukan fasal-fasal yang menjamin untuk tindakan yang boleh dibuat dengan sewajarnya sehingga pihak Ketua Pengarah Insurans boleh membuat spot check, dengan izin, pemeriksaan mengejut kepada ejen-ejen ataupun syarikat-syarikat insurans dan ini boleh menjamin agar penyelewengan-penyelewengan yang telah dibuat selama ini tidak boleh dilakukan lagi dan perbuatan menyembunyikan rekod-rekod yang boleh dimainkan oleh Pegawai-pegawai atau ejen-ejen insurans itu dapat diketepikan. Jadi, saya dengan besar hati bagi pihak rakyat dan bagi pihak yang terlibat dengan urusan insurans ini menyokong pindaan ini untuk menjamin manfaat kepada rakyat dan khususnya bila perkembangan subur kepada insurans ini dapat menjamin kewangan negara, seolah-olah sebuah bank yang boleh memberi peruntukan kepada projek-projek pembangunan nanti, insya-Alah. Saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Padang Terap.

5.42 ptg.

Dato' Dr Affifuddin bin Haji Omar (Padang Terap): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia, Insurans dan Takaful (Pindaan) yang telah dibentangkan tadi.

Selepas melihat segala peruntukan yang dimasukkan, saya pasti Rang Undang-undang ini akan mengukuhkan lagi perjalanan industri insurans kita dan pemindahan unit insurans dari Perbendaharaan ke Bank Negara adalah satu langkah pembaikan yang akan memberi pengawasan dan pengawalan seperti yang didapati oleh Bank-bank yang ada di Malaysia. Cuma, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi sedikit komen mengenai dengan faktor-faktor yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai 3 faktor yang menyebabkan tergugatnya industri insurans kita akhir-akhir ini. Faktor yang diberi ialah, satu, kemelesetan ekonomi, kedua, tuntutan palsu dan ketiga, kekurangan profesionalisme di dalam industri insurans.

Pada pendapat saya faktor kedua dan faktor ketiga adakah dua faktor yang lebih penting, kerana ekonomi kita tidak boleh salahkan sangat, oleh sebab perkara ini kebanyakannya kita tidak dapat mengawal rentak ekonomi khususnya ekonomi negara kita yang bergantung kepada pasaran dunia. Jikalau dibuat penyelidikan di atas apa yang berlaku kepada industri bank kita tidak berapa lama dahulu, dua faktor tadi, iaitu faktor kedua dan faktor ketiga, tuntutan palsu ataupun penipuan dan faktor kurang profesionalismelah yang paling menggugat sekali.

Di sini saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pada masa dahulu faktor penipuan di kalangan cliental-cliental bank, dengan izin, berlaku dengan

banyaknya disebabkan oleh faktor ketiga, iaitu kurang profesionalisme pegawai-pegawai bank. Ini juga boleh berlaku di dalam industri insurans. Jadi, misalannya, di masa tergugatnya bank-bank dahulu, misalannya, collateral yang diberi oleh cliental-cliental bank adalah collateral yang bukan palsu, tetapi yang tidak mempunyai nilai sebenarnya dan ini tidak dapat dijejak oleh pegawai-pegawai bank disebabkan kekurangan profesionalisme. Misalannya, kertas-kertas kerja yang dibentangkan kepada bank berdasarkan collateral yang menunjukkan geran-geran tanah. Yang sebenarnya on the ground, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, adalah geran-geran tanah paya yang tidak ada nilai ekonomiknya dan ini tidak dapat dijejak oleh pegawai-pegawai bank, termasuklah bank-bank yang dipunyai oleh Kerajaan yang seharusnya mempunyai pegawai-pegawai yang berprofesionalisme tinggi.

Jadi, di sinilah saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah dengan pemindahan dari Perbendaharaan ke Bank Negara betul-betul Kerajaan memastikan peningkatan profesionalisme di dalam pengawasan dan pengawalan industri insurans kita. Walau pun Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan tadi wujud di kalangan pegawai-pegawai Bank Negara profesionalisme ini, tetapi saya agak sceptic kerana di dalam industri insurans profesionalisma bukan didapati melalui degree atau ijazah yang dapat ditunjuk, tetapi didapati dari pengalaman, kerana di dalam industri insurans kebanyakan ilmu yang didapati adalah dari pengalaman, pengalaman menjalankan ataupun mengendali dan menguruskan insurans itu sendiri. Adakah Pegawai-pegawai Bank Negara mempunyai pengalaman ini? Kalau dengan pengalaman teori sahaja, saya fikir tidak cukup dan kalau inilah yang berlaku, saya

mencadangkan supaya pegawai-pegawai yang telah berpengalaman di dalam unit insurans di dalam Perbendaharaan dipindahkan terus ke Bank Negara, tidak perlu diambil pegawai-pegawai lain dan diberi latihan lebih di dalam pengalaman dan juga di dalam bidang teori.

Jadi, inilah sahaja komen saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk kebaikan dan saya menyokong sepenuhnya kerana Rang Undang-undang ini adalah satu movement ke arah satu sistem pengawasan dan pengawalan satu industri yang penting di dalam negara kita yang sedang menuju ke arah taraf ekonomi industri ini.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lembah Pantai dan selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.46 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil sedikit perbincangan di atas suatu Akta untuk meminda Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Akta Insurans 1963 dan Akta takaful 1984.

Saya juga mengucapkan terima kasih di atas kesedaran Kerajaan berhubung dengan insurans ini yang mana sebagai diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi, banyak insurans-insurans yang ada sekarang ini menyeleweng penggunaannya, penipuan dan sebagainya yang melibatkan berjuta-juta ringgit, dan di samping itu juga mengorbankan orang-orang yang berpendapatan kecil yang juga menjadi mangsa. Kadangkala dengan adanya usaha-usaha yang dijalankan oleh broker-broker insurans, yang memberikan penerangan-penerangan yang begitu lemak manis—1001 macam janji yang diterima, tetapi akhirnya,

setelah duit ataupun bayaran permulaan diambil perkara-perkara ini hilang begitu sahaja. Keadaan ini ada berlaku.

Di samping itu dalam masalah ini juga pihak Bank Negara yang mana dikatakan di dalam ini akan mengambil-alih oleh Gabenor Bank Negara dan pegawai-pegawainya untuk menyelesaikan masalah di Fasal 6 dan Fasal 7 yang bertujuan meminda Seksyen 35A yang dikatakan ini sebarang pegawai tadbir oleh Bank Negara, Fasal 12 juga dimasukkan peruntukan yang sama ke dalam Akta Takaful 1984.

Kita mengharapkan supaya dalam perkara ini juga, kita meminta Bank Negara dan mengawasi syarikat syarikat insurans yang telahpun beroperasi di dalam negara kita ini yang kebanyakan mereka ini mencari keuntungan di dalam negara ini tetapi wangnya dibawa ke luar negeri iaitu ke Ibu-ibu Pejabatnya. Kadangkala ada perkara-perkara ini ahli-ahli yang hendak menuntut, sukar untuk mendapat kerana banyak helah yang diberi oleh wakil-wakil insurans di sini, dengan mengatakan wang tidak ada, wangnya ada di luar negeri dan sebagainya. Oleh itu berbulan-bulan masanya claim ini hendak didapati terlalu sukar.

Dalam masalah ini juga, saya rasa pihak Bank Negara dan juga pihak insurans kerana kita hendak menjaga kedua belah pihak, pihak insurans dan juga pihak yang mengambil insurans, kerana ini juga selalu berlaku, umpamanya pelanggaran kenderaan-kenderaan yang mana sering berlaku di mana pelanggaran itu hanya sedikit sahaja tetapi pihak workshops ataupun bengkel-bengkel berunding dengan pegawai-pegawai yang ada di syarikat-syarikat insurans ini untuk menaikkan atau meninggikan bayaran sehinggakan benda itu tidak berpatutan, dari \$200-\$300 dikenakan

sehingga sampai \$1,000. Oleh itu, dalam keadaan ini, rasa saya perjalanan insurans-insurans yang ada kadangkala menempuh kesulitan kerana ada penipuan-penipuan yang dilakukan oleh pihak-pihak di luar dan juga pihak di dalam syarikat itu sendiri.

Oleh itu dalam masalah ini kita mengharapkan pihak Bank Negara untuk menjaga imej khasnya insurans-insurans yang ada di dalam negara kita ini supaya berjalan dengan maju dan baik, tidak menjadikan masalah kepada orang ramai supaya dapat dijalankan.

Itu sahajalah pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan dengan ini saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.51 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Kementerian Kewangan mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kluang, Sungai Petani, Tanah Merah, Padang Terap dan akhir sekali Lembah Pantai dalam membahaskan Rang Undang-undang ini.

Pada pokoknya kebanyakannya daripada Yang Berhormat menimbulkan tiga isu yang besar, iaitu pertama ialah isu berkenaan dengan pengawasan industri insurans pada keseluruhannya; yang kedua ialah berkenaan dengan financial guarantees yang diberi oleh insurance companies, dengan izin; dan yang ketiga ialah tuntutan lambat.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyatakan di sini bahawa pada amnya industri insurans adalah dalam kawalan dan prestasi mereka masih tinggi, tetapi Rang Undang-undang ini adalah

bertujuan untuk mempertingkatkan lagi prestasi profesionalisme dan juga kewibawaan kepimpinan di dalam industri insurans tersebut. Oleh kerana itulah, maka dengan berpindahnya beberapa kuasa daripada DGI yang sekarang ini berada di bawah Perbendaharaan kepada Bank Negara sebagai Director General of Insurance (DGI), dengan izin, maka kita mengharapkan supaya industri insurans akan mencapai tahap kecemerlangan yang lebih tinggi.

Sebenarnya pada ketika ini kita telah pun menyarankan kepada semua syarikat-syarikat insurans walaupun yang terdiri daripada syarikat insurans nyawa ataupun syarikat insurans am supaya isu-isu berkaitan dengan profesionalism, tuntutan lambat dan juga prestasi mereka mesti dipertingkatkan. Malahan Jabatan DGI yang sekarang ini masih berada di dalam pengawasan Perbendaharaan sentiasa memperingatkan insurance companies ini supaya hal-hal yang tersebut diberi keutamaan. Malahan dengan kerjasama beberapa syarikat insurans dan juga Malaysian Institute of Insurance (MII), kita telahpun menjalankan beberapa kursus-kursus tertentu mempertingkatkan taraf profesionalisme ejen-ejen dan juga syarikat-syarikat yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, memang betul terdapat beberapa insurance companies yang telahpun memberi financial guarantees kepada beberapa syarikat yang telahpun meminta mereka mengeluarkan financial guarantees tersebut. Pada hakikatnya, pada masa ini tidak banyak syarikat-syarikat insurans yang mengeluarkan financial guarantees. Walaupun pada hemat kami pada ketika ini, mengikut perangkaan yang ada, hanya lebih kurang 107 juta sahaja yang dikeluarkan oleh 3 syarikat-syarikat insurans yang mengeluarkan financial guarantees, tetapi dasar yang ada pada Kementerian pada hari ini ialah mulai

Jun 1986 arahan telahpun dikeluarkan kepada industri insurans untuk memberhentikan pengeluaran financial guarantees. Guarantees yang lain seperti "performance bonds" bagi kontrak-kontrak yang ada kaitan dengan badan-badan berkanun ataupun dengan Kerajaan masih boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Padang Terap menimbulkan adakah Bank Negara mempunyai pengalaman dalam bidang pengawalan dan pengawasan industri insurans ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini Bank Negara sudahpun mulai mengambil pegawai-pegawai yang diharapkan mempunyai profesionalism yang tinggi di dalam usaha mereka untuk memper-tingkatkan lagi pengawasan dan pengawalan di bidang insurans. Walaupun demikian, pegawai-pegawai insurans di Perbendaharaan akan dipindahkan ke Bank Negara. Ini tentu sekali dapat menentukan kepakaran yang wujud dalam Bank Negara dan membersihkan manamana bahagian yang kurang bersih dan menentukan juga kesinambungan ataupun continuity di dalam pentadbiran industri insurans pada ketika ini.

Mengenai "bad hats", dengan izin, yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kluang, memang kita sentiasa mengawasi mereka dan tentu sekali mengambil tindakan-tindakan tertentu yang terdapat di dalam undang-undang. Tetapi melalui Rang Undang-undang ini maka kuasa yang terdapat pada Bank Negara terutama jawatan DGI yang akan dipindahkan kepada Gabenor Bank Negara akan menentukan bahawa kuasa-kuasa yang lebih dapat digunakan untuk menentukan bahawa "bad hats" yang terdapat dalam industri insurans dapat dibersihkan. insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan tuntutan palsu, memang kita dapat banyak laporan-laporan daripada insurance companies mengenai tuntutan-tuntutan palsu. Ini adalah, dengan izin, collusion ataupun connivance di antara pihak-pihak yang tertentu di mana kadang-kadang terdapat satu tuntutan itu dilipatgandakan, sampai kadang-kadang hampir menyebabkan syarikat-syarikat yang telahpun mengeluarkan polisi insurans itu hampir-hampir tergugat. Walau bagaimanapun, kita selalu monitor, dengan izin, solvency rate syarikat-syarikat insurans ini untuk menentukan bahawa mereka sentiasa di dalam keadaan yang baik supaya tuntutan-tuntutan yang bersih, yang elok, yang tidak palsu dapat dikemukakan dan diselesaikan secepat mungkin.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telahpun menyentuh perkara-perkara yang hampir serupa walaupun Yang Berhormat dari Lembah Pantai mengatakan ada wang yang dalam syarikat insurans yang dikeluarkan daripada luar negeri. Tentu sekali di dalam sistem kewangan negara ini yang mempunyai sistem yang liberal di mana terdapat syarikat-syarikat luar negeri yang menanam modal dalam industri insurans di negara ini, kita membenarkan remittance wang-wang ke luar negeri. Tetapi, walau bagaimanapun, pada keseluruhannya kita sentiasa memerhati bahawa sekurang-kurangnya mereka mempunyai satu tahap yang agak memuaskan supaya mereka sentiasa dapat menentukan tuntutan-tuntutan itu dapat dipenuhi. Walau bagaimanapun, syarikat-syarikat yang besar yang menanam modal dalam negeri ini terutama daripada luar negeri sebenarnya tidak mempunyai banyak masalah. Yang banyak mempunyai masalah ialah syarikat-syarikat yang kecil yang terdapat dalam negara ini yang mempunyai

modal berbayar yang rendah. Oleh kerana itulah maka kita berharap dengan Rang Undang-undang yang mungkin dapat diluluskan hari ini, dapat menentukan semua perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang-kan dalam Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatan-kuasa

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PEMAJU PERUMAHAN
(KAWALAN DAN PELESENAN)
(PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.02 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua,

saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, di Dewan yang mulia ini kita selalu mendengar keluhan rakyat melalui Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai ketidakpuasan hati mereka terhadap pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggung-jawab, umpamanya isu-isu seperti projek terbengkalai sering dibangkitkan.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun dan sedang mengambil tindakan-tindakan secara pentadbiran dan tindakan-tindakan melalui mahkamah mengikut peruntukan undang-undang yang sedia ada di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Tetapi malangnya peruntukan undang-undang yang sedia ada tidak mencukupi bagi mengatasi masalah-masalah yang sedang dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 diwujudkan ialah untuk mengawal dan melesen urusan pemajuan perumahan di Malaysia Barat, supaya pemajuan perumahan dapat dijalankan dengan teratur dan sempurna. Demi untuk menentukan supaya tujuan tersebut dicapai dengan sepenuhnya adalah difikirkan perlu dan sudah sampai masanya untuk Akta ini dipinda dan dikemaskinikan.

Pindaan-pindaan yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini telah dikaji dengan teliti dan mendalam setelah Akta ini dilaksanakan hampir 10 tahun tanpa apa-apa pindaan. Pindaan-pindaan ini juga mengambilkira masalah-masalah semasa yang timbul di dalam industri perumahan dan juga untuk mengatasi beberapa kelemahan undang-undang yang telah dikenalpasti selepas ianya dikuatkuasakan.

Dalam proses penyediaan pindaan Akta, pertimbangan sepenuhnya telah diberikan kepada segala aspek perkembangan semasa industri perumahan serta kepentingan semua pihak yang terlibat. Dengan adanya pindaan-pindaan yang dikemukakan di dalam Rang Undang-undang ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan percaya berkeyakinan terhadap industri perumahan akan ditingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan utama iaitu Fasal 4 ialah bertujuan untuk mewajibkan pemaju perumahan yang berlesen mengadakan satu akaun khas dikenali sebagai "Akaun Pemajuan Perumahan" (APP) di sebuah bank atau syarikat kewangan.

Akaun Pemajuan Perumahan hendaklah dibuka oleh setiap pemaju perumahan berlesen bagi tiap-tiap satu pemajuan perumahan yang hendak dilaksanakan. Segala bayaran pemajuan yang diterima daripada penjualan rumah-rumah tempat tinggal di dalam pemajuan perumahan tersebut dikehendaki dibayar masuk ke dalam akaun tersebut. Begitu juga wang daripada Akaun Pemajuan Perumahan akan hanya dibenar dikeluarkan untuk maksud-maksud yang berkaitan dengan pemajuan perumahan yang sama. Dengan adanya akaun ini ia akan dapat memastikan supaya segala pembayaran yang dibuat oleh pembeli-pembeli rumah akan digunakan untuk menyempurnakan projek perumahan yang berkenaan. Peruntukan juga dibuat untuk menjadikannya satu kesalahan jika pemaju perumahan tidak mematuhi semua keperluan mengikut peraturan-peraturan yang akan dibuat di bawah Akta ini. Dengan ini adalah diharapkan supaya rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan akan disediakan dan diserahkan kepada pembeli-pembeli rumah mengikut segala syarat yang ditetapkan dalam Perjanjian Jual Beli.

Tuan Yang di-Pertua, pemakaian Akta Pemaju Perumahan yang ada sekarang akan diperluaskan lagi untuk meliputi semua pemaju perumahan, sama ada mereka mempunyai lesen atau tidak seperti Fasal 5. Oleh itu Seksyen 10 Akta Pemaju Perumahan dipinda bagi memberi kuasa Pengawal Perumahan atau Inspektor Perumahan untuk menyiasat hal ehwal semua pemaju perumahan. Akta yang ada sekarang hanya memberi kuasa untuk siasatan dilakukan terhadap pemaju-pemaju perumahan yang berlesen sahaja. Oleh itu tujuan asal wujudnya Akta ini telah tidak dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Demi menyahut seruan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang selalu menekankan supaya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil tindakan-tindakan yang tegas untuk membela rakyat, iaitu pembeli-pembeli rumah, maka penguatkuasaan Akta Pemaju Perumahan diperkemaskan lagi supaya lebih berkesan dengan meminda Seksyen 18 seperti Fasal 6, Seksyen 19 seperti di Fasal 7 dan Seksyen 21 seperti di Fasal 8.

Sebagai langkah untuk mencegah pemajuan perumahan berlaku dan dijalankan tanpa lesen, hukuman yang dikemukakan di bawah Seksyen 18 Akta telahpun dinaikkan. Sesiapa yang menjalankan pemajuan perumahan tanpa mempunyai lesen adalah melakukan kesalahan di bawah Akta ini dan boleh didenda sebanyak tidak kurang daripada \$10,000 dan tidak lebih daripada \$100,000 atau dipenjarakan selama tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Dengan cara ini adalah diharapkan supaya semua pemaju perumahan akan memandang berat terhadap Akta ini. Ianya juga bertujuan bagi memastikan pematuhan kepada peruntukan Akta yang digubal bagi mengawal aktiviti-aktiviti mereka dan bagi menjamin kepentingan pembeli-pembeli rumah yang berurusan

dengan mereka. Pindaan kepada Seksyen 19 Akta dibuat untuk membolehkan kesalahan di bawah Seksyen 19 Akta ditambah untuk meliputi kesemua kegagalan mematuhi arahan-arahan Menteri yang dibuat di bawah Seksyen 11 Akta. Pindaan kepada Seksyen 21 Akta dibuat dengan tujuan membuat peruntukan berhubung dengan penalti am terpakai terhadap mana-mana pemaju perumahan bagi maksud pendakwaan. Selain daripada pindaan-pindaan yang diuraikan sebentar tadi, adalah beberapa pindaan lain berbangkit hasil daripada pindaan-pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa pindaan-pindaan yang dikemukakan di dalam Rang Undang-undang ini akan dapat menjamin hak pembeli rumah di samping menentukan supaya industri perumahan akan berkembang dengan lebih sihat dan stabil. Dengan adanya pindaan-pindaan tersebut, kepercayaan terhadap pemaju-pemaju perumahan akan ditingkatkan lagi dan ini akan memastikan pertumbuhan industri perumahan pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Gopeng.

6.14 ptg.

Dr Ting Chew Peh (Gopeng): Tuan Yang di-Pertua, di samping menyatakan sokongan saya, saya ingin melahirkan rasa gembira saya kerana

akhirnya suatu Rang Undang-undang untuk meminda Akta Pemaju Perumahan yang bertujuan memberi perlindungan yang lebih besar kepada para pembeli rumah telah dibentangkan untuk pertimbangan Dewan ini. Amat kena pada waktunya pihak Kerajaan mengemukakan pindaan kepada Seksyen 3 Akta ibu dengan memasukkan takrif baru di Fasal 2 (a), kerana inilah cara yang paling berkesan untuk melindungi kepentingan para pembeli rumah. Pada pandangan saya, pindaan ini amat adil bukan sahaja kepada para pembeli-pembeli rumah tetapi juga kepada para pemaju.

Saya amat bersetuju dan saya rasa amat logik juga sesuatu akaun pemajuan diwajibkan kerana apa yang dikehendaki ialah wang yang dikutip oleh pemaju dari pembeli rumah itu disimpan dalam akaun yang berasingan dan wang itu hanya digunakan untuk tujuan memajukan ataupun menjayakan projek perumahan sahaja, tidak untuk tujuan yang lain.

Sepanjang pengetahuan saya, undang-undang sedemikian bentuk bukanlah sesuatu yang baru. Undang-undang itu juga didapati di negara-negara yang lain seperti Singapura dan Hongkong dan didapati amat berkesan. Oleh sebab itu, bagi saya, pihak pemaju yang jujur dan ikhlas haruslah mengalu-alukan pindaan ini. Barangkali pada mulanya setengah-setengah pemaju khususnya yang mempunyai modal yang kecil akan menghadapi masalah kewangan kerana peraturan yang baru itu. Tetapi masalah ini saya yakin dapat diselesaikan dengan adanya kerjasama dan simpati daripada pihak Bank dan syarikat kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan terlaksananya pindaan ini, orang ramai khususnya pembeli-pembeli rumah akan mempunyai lebih banyak

lagi keyakinan dan kepercayaan terhadap industri perumahan. Perasaan takut orang ramai bahawa mereka mungkin tertipu oleh pemaju akan hilang dan akhirnya keyakinan orang ramai akan membawa manfaat kepada industri perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak rungutan sering kita kedengaran mengenai industri perumahan, selain daripada projek perumahan terbengkalai kerana sesuatu sebab atau sebab-sebab yang tertentu yang menjejaskan kepentingan para pembeli rumah. Satu lagi rungutan yang sering kita dengar ialah mutu rumah yang dibina itu kurang memuaskan. Ini termasuk bumbung yang bocor, cat yang bermutu rendah, dinding yang retak dan berbagai-bagai masalah lagi. Yang lebih mendukacitakan ialah apabila sesuatu rungutan diberitahu kepada pihak pemaju perumahan, pemaju itu mungkin menyalahkan kontraktor dan kemudian kontraktor menyalahkan sub-kontraktor pula. Jarang sekali pemaju mengambil tindakan sertamerta untuk menyiasat rungutan yang dibuat itu, apatah lagi untuk mengatasinya. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, demi kepentingan para pembeli rumah, saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan memperketatkan lagi peraturan dalam hal ini. Yang pertama sekali mengadakan kawalan mutu yang lebih ketat dan yang kedua, mengambil tindakan yang keras ke atas pemaju yang enggan melayan atau sengaja melengah-lengah melayan pembeli rumah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kelulusan pindaan ini seperti saya katakan tadi, para pemaju perumahan yang bermodal kecil mungkin menghadapi masalah khususnya dari segi kewangan. Saya berharap pihak Kerajaan dapat bersimpati dan berusaha membantu golongan ini

seperti menyediakan kemudahan-kemudahan dan memberikan nasihat yang diperlukan oleh mereka.

Berhubung dengan penalti ataupun denda, di katakan bahawa sebanyak tidak kurang daripada \$10,000 dan tidak melebihi \$100,000 akan dikenakan atau dipenjarakan selama tidak melebihi tiga tahun ataupun keduanya. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mengapakah tidak dikenakan penjara secara mandatory untuk memastikan peruntukan baru itu dipatuhi.

Satu lagi perkara, Tuan Yang di-Pertua, saya terdengar ura-ura baru-baru ini bahawa Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan tidak begitu puas dengan Rang Undang-undang ini dan salah satu alasan yang mereka beri ialah Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan itu tidak diberikan masa yang cukup untuk memberi pandangan mereka mengenai Rang Undang-undang ini. Barangkali Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dapat memberi sedikit penjelasan tentang hal ini.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menegaskan sekali lagi bahawa pindaan ini amat perlu kerana inilah satu-satunya langkah untuk memastikan kepentingan para pembeli rumah diperlindungi. Dengan memulih serta menguatkan keyakinan orang ramai terhadap pemaju perumahan, pindaan ini akan mempercepatkan pertumbuhan industri perumahan, bukan membantunya seperti yang didakwa oleh golongan-golongan yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan komen-komen ini, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

6.20 ptg.

Tuan Hashim bin Safin (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya turut membahaskan Akta untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966. Saya menyokong pindaan ini kerana tentunya ia akan memberi kebaikan dan manfaat khusus kepada pembeli-pembeli rumah selepas pindaan ini diluluskan.

Saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada ucapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam membentangkan pindaan ini sekejap tadi di mana memang sebelum ini memang terdapat keluhan daripada rakyat yang telah membeli rumah kerana mereka tidak dapat memiliki rumah itu sehingga bila tarikh dijanjikan untuk mereka memiliki rumah.

Sebenarnya bukan setakat keluhan yang berlaku, apa yang berlaku merupakan satu penderitaan dan perkara ini barangkali saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah dapat dilaksanakan atau dilakukan untuk mengatasi penderitaan yang diambil hasil daripada keadaan atau undang-undang sebelum daripada ini yang tidak boleh diambil ataupun tidak mencukupi untuk diambil tindakan undang-undang kepada pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya kita dapati ada pembeli-pembeli rumah yang telah mendapat kemudahan pinjaman daripada pinjaman perumahan Kerajaan dan telah menyerahkan kepada pemaju tertentu dan sehingga sekarang ataupun sehingga tarikh dijanjikan mereka tidak dapat memiliki rumah yang telah dibuat sedangkan potongan telah dibuat dan di masa yang sama mereka

juga terpaksa menyewa rumah. Di sini merupakan satu penderitaan kepada mereka.

Begitu juga kepada mereka yang telah mendapat kemudahan pinjaman bank untuk diberi kebenaran kepada pemaju perumahan menggunakan kelulusan pinjaman bank kepada mereka dan pihak bank juga telah membuat potongan ataupun mereka terpaksa membayar pinjaman seperti yang ditetapkan dalam perjanjian pinjaman dengan bank, sedangkan di masa yang sama mereka masih menginap di rumah-rumah sewa.

Ketiga, ada juga pihak yang selama ini ataupun sebelum daripada ini menggunakan ruang ataupun keadaan yang tidak kemas ini dengan memperdayakan pihak-pihak tertentu di kawasan-kawasan tertentu khususnya tuan-tuan tanah dengan menjanjikan dalam sistem perjanjian di mana mereka cuba meyakinkan tuan-tuan tanah untuk menyerahkan sejumlah tertentu tanah dengan janji 10:2 ataupun dengan kadar 80% dan 20% diberi kepada tuan tanah, mereka cuba mendapat kebenaran tuan tanah ataupun ringkasnya P.A. daripada tuan tanah dan tanah itu diserahkan kepada pemaju dan pemaju yang tidak bertanggungjawab ini telah menggunakan geran tanah untuk dicagarkan kepada bank.

Dan setelah proses kelulusan bank diberi untuk pinjaman, pemaju ini membina rumah yang telah diluluskan oleh pihak bank tadi akhirnya wang itu tidak digunakan untuk membina rumah. Projeknya terbengkalai dan wang itu dibawa lari ke tempat lain, keadaan tanah sekarang tinggal dengan bank dan pihak tuan tanah tidak dapat sama ada rumah bahkan tanahnya tergadai dengan bank. Ini merupakan satu penderitaan.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah cara untuk

meringankan beban yang telah dialami oleh mereka yang saya sebutkan tadi kerana saya ditemui oleh ramai mereka yang menceritakan masalah hasil daripada pihak yang tidak bertanggungjawab daripada pemaju-pemaju rumah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga walaupun telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sebelum ini tindakan hanya boleh dibuat kepada pihak yang mempunyai lesen pemaju tetapi masih ada pihak-pihak yang menggunakan kesempatan untuk memajukan ataupun membina rumah-rumah yang dijual kepada pembeli-pembeli dengan secara berdikit-dikit di mana mereka membuat ataupun membina rumah dalam bentuk dua buah sekali bina dan tidak sampai empat kerana di sini tertakluk barangkali dalam bentuk pemajuan diistilahkan pemaju itu lebih daripada empat buah rumah setempat sekali.

Ada pihak yang menggunakan kesempatan ini untuk menipu orang kampung ataupun pembeli-pembeli dan pengguna-pengguna dengan cuba meyakinkan bahawa mereka adalah pemaju perumahan dan mereka bersedia menyiapkan rumah itu, akhirnya pihak yang telah bersedia membenarkan rumah dibina oleh pihak pemaju yang tidak bertanggungjawab tadi secara berdikit-dikit dalam bentuk dua buah, dua buah sekali bina dan mereka juga tertipu dengan pihak ini dan saya harap pihak Timbalan Menteri mengambil tindakan tegas kerana perkara ini kadang-kadang dilakukan oleh pihak pegawai-pegawai Kerajaan sendiri yang sudah berjawatan Kerajaan tetapi mengambil kesempatan untuk mendapat untung yang lebih atau pendapatan yang lebih (side income) dengan izin, yang merana ialah pembeli rumah kerana mereka juga barangkali dengan kerja mereka sebagai kakitangan Kerajaan

tidak mampu untuk menyiapkan projek rumah sedangkan wang telah diberi kepada mereka oleh pembeli rumah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga ingin mengingatkan pihak Kementerian apa pun pindaan yang kita buat memang ada pihak-pihak yang pandai sahaja membuat penipuan biar apa pun fasal-fasal ataupun peruntukan-peruntukan yang kita cipta tetapi masih ada pihak yang sentiasa menipu maka perkara ini saya harap pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang tegas untuk mengelakkan penganiayaan kepada pembeli-pembeli rumah yang selama ini berlaku dan merupakan satu masalah yang kurang meyakinkan kepada pembeli-pembeli kepada masalah penipuan yang dibuat oleh pihak pemaju perumahan.

Dengan itu saya turut menyokong pindaan ini semoga ianya akan memberi manfaat dan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh pembeli-pembeli rumah selama ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Perusahaan Awam (Dato Nafsiah binti Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik

sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul yang berbunyi bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Usul dikemuka bagi diputusan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini telah selesai dipertimbangkan dan sebaik sahaja selepas itu Dewan hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

6.29 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini untuk meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 (DR 7/88) ini.

Saya juga berasa lega di atas penerangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi berhubung dengan Akta

ini yang selama ini kita dengar rungutan-rungutan daripada orang ramai sama ada melalui berjumpa dengan Wakil-wakil Rakyat dan pihak yang berkenaan. Begitu juga di akhbar-akhbar tempatan memaparkan masalah-masalah yang berlaku oleh pemaju-pemaju perumahan di seluruh negara dengan penipuan dan sebagainya yang berlaku pada hari ini. Dengan adanya Akta-akta ini, saya harap mudah-mudahan kegelisahan ini dapat diatasi dan bagi mengatasi juga rakyat yang miskin yang selalu terpedaya oleh kerana mereka ini golongan kecil yang miskin ini memang benar-benar mereka ini berkehendakkan rumah yang selesa bagi keadaan kedudukan keluarga-keluarga mereka. Lebih-lebih lagi keadaan sesak terutama di Kuala Lumpur ataupun di bandar-bandar besar di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, umpamanya di Kuala Lumpur ini soal setinggan. Setinggan inilah yang selalu menjadi mangsa di Kuala Lumpur ini oleh pemaju-pemaju perumahan kerana mereka ini telah mendapat peruntukan-peruntukan tanah-tanah Kerajaan yang ada di Kuala Lumpur ini yang mana dahulunya diduduki oleh setinggan-setinggan telah berpuluh-puluh tahun, ada yang telah beranak cucu duduk di kawasan itu meneroka tanah itu. Tetapi oleh kerana pihak pamaju, pihak Kerajaan hendak memajukan kawasan perumahan itu, penduduk-penduduk di situ bersedia memberikan kerjasama dengan pemaju-pemaju perumahan.

Oleh yang demikian, ada juga pihak penduduk yang enggan disebabkan perkara tertentu yang telah terjadi kepada rakan-rakan yang lain. Umpamanya, di kawasan-kawasan yang ada di Kuala Lumpur. Pihak pemaju perumahan itu berjanji kepada mereka yang berkenaan bahawa mereka itu akan diberi ganjaran

sekiranya mereka mahu berpindah daripada kawasan itu dan tanah kawasan itu akan dimajukan.

Janji-janji yang diberikan adalah umpamanya mereka itu akan dipindahkan ke satu tempat, mengadakan rumah panjang, disediakan bekalan air, api dan seterusnya dan di samping itu dijanjikan selama 18 bulan rumah kawasan itu akan disediakan dan di samping itu juga dijanjikan bila tuan-tuan akan berpindah pihak pemaju akan memberi subsidi untuk memberi tambang bas daripada rumah panjang itu ke tempat mereka bekerja dan juga memberikan kemudahan kepada anak-anak sekolah supaya anak-anak sekolah dapat bas percuma selama 18 bulan ataupun sehingga projek itu siap. Di samping itu pihak pemaju juga berjanji akan mencarikan sumber kewangan daripada bank-bank untuk mendapatkan pinjaman dan juga pihak pemaju akan bersedia tidak akan mengenakan apa-apa bayaran upah peguam dan bermacam-macam lagi janji yang telah dibuat. Dengan keadaan inilah pihak penduduk-penduduk kampung terpedaya.

Dengan keadaan janji itu mereka dengan senang hati memberikan tanah-tanah itu tanpa pihak pemaju memberikan apa-apa gantirugi kepada pemindahan itu dan rumah-rumah mereka yang bertahun-tahun itu dipecahkan dengan begitu sahaja dan mereka itu dipindahkan ke rumah-rumah panjang.

Apa yang dimuskilkan, Tuan Yang di-Pertua, setelah perpindahan itu berlaku, perjanjian itu berlaku, mereka ini terkena tipu kebanyakannya. Mereka dapati janji-janji yang disebutkan tadi semua janji tinggal janji. Masalahnya orang yang tertipu itu datang kepada Wakil-wakil Rakyat dan pihak yang berkenaan untuk bertanyakan masalah-masalah

ini tetapi pihak pemaju itu membisu seribu bahasa, tidak mendengar, tidak mahu menerima apa-apa tanggungjawab, sedangkan projek itu sudah pun bertahun-tahun tidak dijayakan.

Di samping itu, sebagaimana rakan saya tadi Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah mengatakan mereka ini telahpun meminjam wang bank dan telahpun membayar faedah (interest), di samping membayar pinjaman pokok berbulan-bulan atau bertahun-tahun. Di samping itu mereka juga terpaksa menyewa rumah, kena dua kali pembayaran. Oleh itu, dalam keadaan inilah selalu terjadi kepada orang ramai, projek yang dijalankan oleh pemaju perumahan itu yang tidak cekap dan tidak jujur dan selalu hendak menipu.

Di kawasan saya sendiri pun ada dua tiga projek yang seumpama itu telah berlaku. Oleh itu, dalam masalah ini saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan bertindak mengikut Fasal 5 yang bertujuan meminda subseksyen 1 seksyen 10 untuk memberi kuasa kepada Pengawal dan Inspektor menyiasat hal-hal pemaju perumahan yang tidak dilesenkan di bawah Akta juga Fasal 5 (b) dan (c) adalah bagi tujuan yang sama.

Dalam soal ini, saya mengharapkan apa yang saya sebutkan tadi supaya pihak pemaju perumahan dan pihak Kementerian yang bertanggungjawab dalam soal ini, tiap-tiap lesen yang hendak diberikan kepada pemaju perumahan itu, mereka itu mestilah dipanggil dan diminta menyatakan syarat-syarat atau apa yang telah diberikan kepada orang-orang kampung dan syarat-syarat itu hendaklah salinan itu disimpan oleh pihak Kementerian sendiri. Jika sekiranya ada berlaku perkara seperti ini, pihak Kementerian mengehatahainya.

Sekarang ini pihak Kementerian tidak tahu, pemaju perumahan itu membuat janji dengan cara mereka sendiri. Apabila orang ramai pergi ke Kementerian, pihak Kementerian tidak dapat menjawab atau membuat apa-apa tindakan kerana mereka tidak tahu, kerana nasi telah menjadi bubur. Orang-ramai telah menghadapi keadaan serba salah dan keadaan ini menyusahkan rakyat dan di samping itu juga orang-orang yang tidak bertanggungjawab akan mengambil kesempatan memburuk-burukkan pentadbiran Kerajaan, pentadbiran itu dan ini dan juga Parti Barisan Nasional dikatakan terlibat akibat perbuatan pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab itu. Oleh itu, sekali lagi dalam masalah ini saya mengharapkan pihak Kerajaan, mengikut Fasal 5 boleh digunakan kepada pemaju perumahan supaya mereka itu lebih awal memberikan syarat-syarat yang tertentu, jika tidak masalah ini akan berlarutan berlaku dengan janji-janji yang diberi oleh pemaju-pemaju perumahan kerana mereka hendak senang menjadi kaya dan tidak memikirkan keadaan penduduk-penduduk yang ada di situ berkeadaan miskin dan sebagainya.

Dan di samping itu juga dengan adanya agen-agen mereka itu bekerjasama dengan pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), mereka itu mendapatkan borang-borang tertentu daripada KWSP yang mana diketahui mereka itu bekerja dan telah mendapat gaji dan boleh mengeluarkan wang separuh daripada simpanannya dalam KWSP itu. Mereka meminta pihak pembeli-pembeli menandatangani borang itu supaya wang itu dapat dikeluarkan. Apabila wang itu sudah dikeluarkan dengan adanya tandatangan dan sebagainya, wang itu akan disimpan oleh pemaju perumahan sedangkan rumah belum juga siap lagi, malah ada kalanya wang itu lesap begitu sahaja. Inilah masalah yang selalu berlaku.

Dengan adanya Akta ini, saya mengharapkan dan berdoa kepada Allah s.w.t. mudah-mudahan kesulitan yang dihadapi oleh orang ramai selama ini dapat diatasi dan kepada mereka yang berkehendakkan menjadi kaya dengan cara menipu itu supaya dapat dibanteras. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan sukacitanya menyokong di atas Rang Undang-undang ini supaya diluluskan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Maran.

6.38 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Abdullah (Maran): Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin mengambil kesempatan secara ringkas bagi membahaskan Rang Undang-undang ini. Jadi, sebelum saya masuk kepada masalah Rang Undang-undang ini, inginlah saya memberikan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen yang sanggup menunggu sehingga Dewan ini tamat pada hari ini yang menunjukkan mereka itu adalah orang yang sanggup menunggu bagi menutup sidang Dewan, bukan sahaja mereka hadir semasa pembukaan, tetapi juga mereka sanggup tunggu sehingga penutup. Saya ucapkan syabas (*Tepuk*) dan saya mengharapkan sekurang-kurangnya Kerajaan mengeluarkan sijil penghargaan kepada mereka. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masing-masing sudah cepat hendak balik, jadi saya minta izin bercakap hanya dua minit. Pertama, Rang Undang-undang ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan lewat pindaan ini dibuat sehingga memakan masa 10 tahun dan dalam jangka 10 tahun itu beberapa perkara penipuan telahpun berlaku ke atas pembeli-pembeli rumah.

Sepatutnya Rang Undang-undang ini telah lama dibuat pindaan. Walau bagaimanapun, saya mengucapkan syabas kepada Kementerian yang berkenaan yang telah dapat juga mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Yang kedua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan, adakah beliau boleh memberikan jaminan kepada pembeli-pembeli rumah bahawa dengan adanya pindaan Rang Undang-undang ini, masalah penipuan tidak akan berlaku lagi ataupun berkurangan.

Kedua, adakah Kementerian ini mencukupi atau cukup Pengawal-pengawal atau Inspektor-inspektor yang berkenaan bagi memeriksa pemaju-pemaju perumahan? Kalau sekiranya tidak mencukupi, adakah Kementerian yang berkenaan akan menambah lagi bilangan Pengawal yang berkenaan kerana saya percaya kalau ini tidak mencukupi sudah barang tentu kemungkinan penyelewengan dan penipuan akan berlaku lagi.

Sekian, terima kasih.

6.40 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' S. Subramaniam): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada keempat-empat Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang ini. Sukalah saya menjawab perkara-perkara penting dan perkara-perkara lain akan diambil perhatian dan juga tindakan selanjutnya oleh Kementerian.

Semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas telah memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini. Oleh kerana mereka juga telah mengeluarkan perasaan bahawa

Rang Undang-undang ini akan mengatasi beberapa masalah yang wujud di dalam bidang industri perumahan.

Memang benar bahawa akaun kemajuan perumahan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini adalah benar didapati wujud di negara Singapura dan di Hong Kong dan bagi negara kita, inilah pertama kali kita cadangkan. Keadaan-keadaan yang wujud di negara Singapura dan di Hong Kong berlainan dan oleh kerana itu kita telah melakukan beberapa pindaan-pindaan atau ubahan-ubahan supaya pindaan-pindaan yang terdapat dalam Rang Undang-undang ini lebih sesuai bagi keadaan yang terdapat dalam negara kita. Walau bagaimanapun, dari segi Housing Developers Association iaitu Persatuan Pemaju-pemaju Perumahan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun berbincang tentang cadangan-cadangan ini dan tidaklah benar bahawa masanya tidak cukup. Yang paling penting di dalam Akta ini ialah tentang kewujudan akaun kemajuan perumahan. Itulah yang paling penting. Ada beberapa pemaju-pemaju yang tidak puas hati oleh kerana pengwujudan akaun ini akan menyekat penggunaan wang-wang yang dikutip daripada pembeli-pembeli ataupun yang dipinjam daripada bank-bank dan institusi-institusi kewangan tetapi dari segi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, penyekatan penggunaan wang itu adalah penting supaya kutipan yang dilakukan daripada pembeli, pinjaman yang dibuat daripada bank-bank bagi tujuan pembinaan rumah perlu digunakan untuk tujuan itu dan keuntungan diambil oleh pemaju selepas tanggungjawab utama mereka diselesaikan.

Kita telah membincangkan cadangan-cadangan ataupun peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam Rang

Undang-undang ini dengan pihak Housing Developers Association (HDA).

Tuan Yang di-Pertua, Ahli dari Gopeng telahpun menyebut tentang mutu rumah yang patut dikawal atau kurang memuaskan. Sebenarnya, di bawah Jadual (E) Peraturan-peraturan Pemaju Perumahan 1982 iaitu perjanjian jualbeli yang seragam yang dipakai sekarang sudah sedia ada dan saya fikir itu mencukupi jika semua pihak yang terlibat khususnya profesional-profesional seperti Arkitek, Jurutera dan lain-lain profesional yang terlibat dalam pembinaan bidang perumahan menunaikan tanggungjawab mereka dengan sempurna. Tidak dapatlah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melawat tiap-tiap rumah di seluruh negara untuk memeriksa keadaan bumbung, pintu dan lain-lain perkara seperti longkang dan sebagainya dari segi mutu. Ini adalah satu tanggungjawab yang perlu dipikul oleh pemaju dan juga perlu ditunaikan oleh profesional yang terlibat dalam projek-projek perumahan.

Tentang pertanyaan Ahli Yang Berhormat dari Gopeng mengapa denda yang digunakan itu tidak mandatory iaitu denda tentang penjara selama tempoh tidak lebih daripada 3 tahun tidak dijadikan satu mandatory punishment, ini terpulang kepada mahkamah untuk diputuskan. Apa yang dicadangkan di dalam Rang Undang-undang ini ialah denda, kalau mana-mana pemaju yang didapati melanggar atau gagal atas Rang Undang-undang ini atau seksyen ini boleh dikenakan denda tidak kurang daripada \$10,000 tetapi tidak melebihi \$100,000 atau boleh juga dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya. Ini adalah minimum dan maksimum punishment yang

dicadangkan melalui Rang Undang-undang dan terpulanglah kepada pihak mahkamah untuk membicarakan dan mengenakan hukuman terhadap pemaju-pemaju yang didapati melanggar atau gagal mematuhi undang-undang yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli daripada Tanah Merah telahpun membangkitkan tentang masalah-masalah yang sedang dihadapi selama ini oleh pembeli-pembeli rumah. Memang benar, dan inilah tujuan untuk melakukan pindaan kepada Akta yang sedia ada supaya masalah yang terdapat diatasi dan walaupun tidak dapat dihapuskan 100%, dapat dikurangkan sebahagian besar.

Akibat daripada perkara-perkara yang tidak bertanggungjawab oleh pemaju-pemaju perumahan, banyak projek-projek dalam negara kita terbengkalai. Tetapi suka saya menjelaskan bahawa bilangan atau peratusan pemaju-pemaju yang terbengkalai dari jumlah pemaju-pemaju yang terdapat dalam negara kita yang kurang bertanggungjawab, peratusannya adalah satu peratusan yang kecil. Begitu juga daripada jumlah rumah yang telah dibina dalam negara kita, daripada jumlah rancangan dan jumlah unit rumah yang telah dibina jika dibandingkan dengan jumlah rumah dan rancangan yang telah terbengkalai, peratusannya adalah satu peratusan yang kecil. Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memang mengucapkan tahniah kepada pemaju-pemaju yang bertanggungjawab dan yang telah bekerjasama dengan Kerajaan untuk memenuhi matlamat Kerajaan tentang pembinaan rumah-rumah kos rendah, kos sederhana dan kos tinggi, tetapi masalahnya yang kita hadapi ialah pemaju-pemaju yang tidak bertanggungjawab dan akibat itu kita dapat banyak projek-projek

terbengkalai dan kita fikir dengan cadangan akaun pemaju rumah, kita dapatlah

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Tanah Merah minta penjelasan.

Tuan Hashim bin Safin: Maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apa yang saya maksudkan tadi kepada mereka yang telah menderita hasil daripada pemaju-pemaju yang dikatakan kecil. Memang kita tahu. Misalnya terpaksa menerima potongan gaji daripada lembaran gaji, daripada bank sedangkan masih menyewa. Bagaimanakah pembelaan yang boleh dibuat ataupun apakah jaminan yang kita boleh buat di atas penderitaan mereka yang dikatakan kecil tadi dan apakah daripada pindaan ini boleh dilakukan semacam satu pembelaan kepada mereka hasil daripada perkara yang berlaku kepada mereka selama ini? Kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jaminan atau penjelasan. Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Belum habis jawapan saya dan saya akan jawab perkara itu, Yang Berhormat.

Kita berharap dengan pengwujudan akaun yang dicadangkan kebanyakan masalah dapat diatasi.

Tentang keadaan yang telah berlaku, sehingga sekarang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mewujudkan satu Bahagian Khas untuk mengkaji projek-projek terbengkalai dan memulihkan projek-projek yang dianggap viable. Saya tidak boleh memberi jaminan oleh kerana perkara-perkara seumpama ini telah berlaku di mana projek-projek melanggar Akta yang terdapat sekarang. Kita dapatlah menggunakan Akta yang terdapat sekarang untuk membawa mereka ke mahkamah dan

dikenakan denda melalui mahkamah, atau kita dapat mengeluarkan arahan Menteri mengikut Akta yang terdapat sekarang untuk menyiapkan projek. Tetapi kalau projek dari segi peringkat yang terbengkalai hendak sambung sehingga siap tetapi kalau projek ini tidak dianggap viable, kita kenalah runding dengan Jawatankuasa Pembeli untuk mengetahui adakah mereka sanggup memberi bayaran tambahan daripada harga asal dan sebagainya. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengkaji dengan teliti projek-projek dan sehingga sekarang telahpun berjaya ataupun ada dalam proses memulihkan lebih kurang 50 projek yang telah terbengkalai di seluruh negara dan ini kita akan terus dijalankan. Bagi projek-projek yang telah terbengkalai sebelum Rang Undang-undang ini di kemukakan, kita akan teruskan lagi usaha kita untuk mengkaji dan memulihkan projek-projek yang dianggap viable.

Tentang perjanjian pemaju dengan tuan tanah untuk mereka memajukan satu-satu rancangan, ini adalah satu perkara yang dianggap tidak boleh dicampur tangan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, oleh kerana kalau tuan tanah dan pemaju bincang dan mereka mendapat satu persetujuan mengikut perundangan yang terdapat di dalam negara kita, an agreement untuk membangunkan satu-satu rancangan perumahan mengikut undang-undang, kita tidak ada halangan.

Pada masa-masa yang lalu masalah itu bukan oleh kerana perkara itu berlaku, masalah itu ialah oleh kerana satu akaun perumahan tidak wujud. Kalau jumlah wang yang dikutip dimasukkan ke dalam akaun itu dan digunakan untuk kemajuan rancangan itu saya fikir masalah ini tidak akan dihadapi.

Tuan Yang di-Pertua, tentang perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai, satu tentang agen-agen pemaju yang cuba mengeluarkan simpanan pembeli-pembeli dari KWSP, memang benar banyak penyelewengan telah berlaku. Dari segi KWSP atau EPF, mereka fikir lebih sesuai mereka memberi duit yang dimohon oleh pembeli kepada pembeli terus dan pembeli juga selepas mendapat duit kalau mereka berbuat sedemikian iaitu pembeli menggunakan duit itu bukan untuk tujuan membeli rumah tetapi untuk tujuan lain, maka berdasarkan itu KWSP terus membayar wang pinjaman daripada KWSP itu kepada pemaju perumahan dan ada kemungkinan juga pemaju perumahan salah gunakan pinjaman itu. Kita sedar bahawa beberapa penyelewengan telah berlaku dan saya fikir dengan pengwujudan akaun yang dicadangkan masalah ini tidak akan berlaku oleh kerana segala pinjaman-pinjaman yang dimohon dan dikeluarkan oleh pembeli-pembeli rumah akan terus dimasukkan ke dalam akaun yang dicadangkan dan duit itu hanya boleh digunakan untuk tujuan perumahan semata-mata ataupun kerja-kerja yang dijalankan di rancangan perumahan.

Tentang masalah setingan dan juga mereka-mereka yang menduduki di atas tanah yang dikurniakan kepada pemaju oleh pihak-pihak berkuasa, suka saya menjelaskan bahawa masalah ini tidak boleh diselesaikan oleh Kementerian saya oleh kerana seperti dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat masalah tanah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri dan apabila Kerajaan-kerajaan Negeri mengurniakan tanah masa itu pihak-pihak yang mengurniakan tanah berhak untuk mengenakan syarat-syarat supaya masalah tentang mereka yang menduduki di tanah itu diselesaikan.

Kalau syarat-syarat itu tidak dikenakan oleh pihak-pihak berkuasa yang mengurniakan tanah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak mempunyai hak untuk mengenakan syarat-syarat terhadap tanah itu.

Walau bagaimanapun daripada pengalaman Kementerian banyak Kerajaan-kerajaan Negeri dan termasuk juga di Wilayah Persekutuan beberapa syarat telahpun dikenakan terhadap pemaju-pemaju untuk menyelesaikan masalah setingan ataupun penduduk-penduduk yang terdapat di tanah yang dikurniakan oleh Kerajaan untuk dimajukan. Pada amnya saya fikir beberapa cadangan ataupun beberapa alternatif dilakukan, satu, orang-orang yang terdapat di tanah itu diberi satu rumah kos rendah untuk dibeli atau rumah kos rendah untuk disewa ataupun rumah panjang buat sementara waktu sehingga pihak pemaju dan pihak berkuasa memutuskan apa akan terjadi.

Saya bersetuju bahawa memang ada masalah-masalah di mana pemaju tidak mematuhi persetujuan ataupun perjanjian yang telah dicapai pada peringkat awal. Ini adalah satu perkara yang sulit diatasi oleh Kementerian saya oleh kerana kalau syarat itu tidak dikenakan apabila tanah dikurniakan kita tidak berkuasa untuk mengenakan syarat-syarat itu terhadap pemaju.

Tuan Yang di-Pertua, bagi akhirnya Ahli Yang Berhormat dari Maran telah membangkitkan tentang pegawai-pegawai di Kementerian, adakah Pengawal dan Inspektor dan sebagainya mencukupi untuk menguatkuasakan pindaan ini dan juga untuk menjalankan penguatkuasaan Akta Pemaju Perumahan yang sedia ada. Buat masa sekarang kita anggap pegawai-pegawai yang sedia ada mencukupi tetapi dengan pindaan yang telah dibuat kita akan mengkaji keadaannya semula dan kalau tidak mencukupi kita akan mencadangkan

supaya lebih ramai lagi pegawai-pegawai diluluskan, tetapi itu terpulanglah kepada Kerajaan untuk memberi kelulusan.

Saya suka juga menjelaskan tentang satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah dan juga Ahli Yang Berhormat dari Marang. Saya bukan sebutkan bahawa bilangannya kecil ataupun masalah ini kecil, jangan salah faham. Sebenarnya, masalah projek yang terbengkalai dari segi pandangan kita adalah besar—walaupun 185 projek sahaja, masalahnya besar. Tetapi saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat memahami bahawa jika dibanding dengan jumlah rancangan perumahan dan jumlah ratusan ribuan unit rumah yang telah dibina dengan yang terbengkalai peratusannya adalah kecil—bilangan yang terbengkalainya kecil. Masalahnya besar, itu perkara yang berbeza. Saya harap ini tidak disalah anggap.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tentang teguran Ahli Yang Berhormat dari Marang sama ada dengan pindaan ini bolehkah saya menjelaskan bahawa penipuan akan berkurangan, saya fikir saya boleh dengan berani berkata kalau Rang Undang-undang ini dilaksanakan, khususnya, dengan adanya akaun kemajuan perumahan, kita akan mengatasi masalah projek-projek daripada terbengkalai dalam negara kita. Masalah yang tidak berlaku sehingga sekarang dari pengalaman kita adalah di mana duit yang dikutip dari pembeli atau pinjaman-pinjaman bukan sahaja digunakan oleh pemaju-pemaju yang bertanggungjawab untuk semata-mata rancangan perumahan tetapi juga digunakan untuk maksud-maksud lain yang menyeleweng daripada tujuan asal. Jadi, Kementerian saya percaya bahawa dengan pindaan ini, masalah perumahan akan berkurangan dan

masalah projek-projek terbengkalai juga dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penjelasan-penjelasan ini, lagi sekali saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan dan terhadap cadangan-cadangan serta juga syor-syor yang membina yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan mesyuarat*)

Fasal 1 hingga 10 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

AKTA KASTAM 1967

7.02 *mlm.*

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah yang berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1987;

- (ii) Perintah Duti Kastam (Perintah Duti Kastam 1988) (Pindaan) 1987;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Perintah Duti Kastam 1988) (Pindaan) (No. 2) 1987;
- (iv) Perintah Duti Kastam 1988;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan), 1988;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1988;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bilangan 20, 21, 22, 23, 24, dan 25 tahun 1988 disahkan.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Pindaan No. 34) 1987 adalah bertujuan untuk mewujudkan kod tarif khusus iaitu 84.61 221 dan 84.61 229 untuk barangan water taps, dengan izin, yang sebelum ini terjatuh di bawah kod tarif yang umum. Langkah ini diambil untuk membolehkan data-data perangkaan mengenai import/eksport barangan tersebut senang dikesan di masa-masa akan datang bagi maksud kajian.

Perintah Duti Kastam 1988 adalah bertujuan untuk melaksanakan sistem penyelesaian baru bagi barang-barang dan tarif kastam iaitu mengikut sistem penjenisan Konvensyen Pengharmonian Sistem Pemerihal dan Pengkodan Komoditi. Sistem ini menggantikan sistem penjenisan lama iaitu Customs Cooperation Council Nomenclature, dengan izin. Penukaran ini dibuat kerana sistem baru ini adalah lebih baik kerana skop pemakaiannya adalah lebih luas dan penjenisannya adalah lebih terperinci. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tidak ada perubahan kadar-kadar cukai dibuat melalui Perintah ini. Tindakan yang dibuat hanyalah untuk menukar kod tarif yang dipakai bagi memperjeniskan

barang-barang daripada sistem lama iaitu Customs Cooperation Council Nomenclature, dengan izin, kepada sistem baru iaitu Konvensyen Pengharmonian Sistem Pemerihal dan Pengkodan Komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, Perintah Duti Kastam (Perintah Duti Kastam 1988) (Pindaan) 1987 dan Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1988 pula mempunyai tujuan yang sama iaitu meminda kadar duti import di dalam Perintah Duti Kastam 1988 bagi barangan petroleum yang terjatuh di bawah kod tarif 2710.00 710; 2710.00 790; 2710.00 211 dan 2710.00 219. Pindaan ini dilakukan untuk tujuan penyelarasan kadar duti berikutan dengan pengenalan sistem harmonisasi Jabatan Kastam yang baru.

Perintah Duti Kastam (Perintah Duti Kastam 1988) (Pindaan) (No. 2) 1987 dan Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1988 adalah bertujuan untuk meminda kadar duti import ke atas beberapa barangan petroleum berikutan daripada kajian harga barang-barang petroleum yang dibuat pada setiap awal bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 11, Akta Kastam 1967, Perintah-perintah yang berikut:

- (i) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 34) 1987;
- (ii) Perintah Duti Kastam (Perintah Duti Kastam 1988) (Pindaan) 1987;
- (iii) Perintah Duti Kastam (Perintah Duti Kastam 1988) (Pindaan) (No. 2) 1987;
- (iv) Perintah Duti Kastam 1988;
- (v) Perintah Duti Kastam (Pindaan) 1988;
- (vi) Perintah Duti Kastam (Pindaan) (No. 2) 1988;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bilangan 20, 21, 22, 23, 24 dan 25 tahun 1988 disahkan.

AKTA EKSAIS 1976

7.10 m/m.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 11) 1987;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1988;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 26 dan 27 tahun 1988 disahkan.

Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 11) 1987 dan Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1988 adalah bertujuan untuk meminda kadar-kadar duti eksais ke atas beberapa barangan petroleum berikutan daripada kajian harga barang-barang petroleum yang dibuat pada setiap awal bulan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Menteri Kewangan disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan iaitu menurut kuasa-kuasa yang diletakkan kepadanya oleh subseksyen (2) seksyen 6, Akta Eksais 1976, Perintah-perintah berikut:

- (i) Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No. 11) 1987;
- (ii) Perintah Duti Eksais (Pindaan) 1988;

yang telah dibentangkan di hadapan Majlis ini sebagai Kertas-kertas Statut Bil. 26 dan 27 tahun 1988 disahkan.

AKTA CUKAI JUALAN 1972

7.12 *mlm.*

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:
Tuan Yang di-Pertua, saya
mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini mengambil
ketetapan iaitu menurut kuasa-
kuasa yang diletakkan kepadanya
oleh subseksyen (2) Seksyen 15,
Akta Cukai Jualan 1972, Perintah
berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan
(Kadar-kadar Cukai) 1988;

yang telah dibentangkan di
hadapan Majlis ini sebagai Kertas
Statut Bil. 28 tahun 1988 disahkan.

Perintah Cukai Jualan (Kadar-kadar
Cukai) 1988 adalah bertujuan untuk
melaksanakan sistem perjenisan yang
baru barang-barang dan tarif kastam
iaitu mengikut sistem perjenisan
Konvensyen Pengharmonian Sistem
Pemeliharaan dan Pengekodaan
Komoditi. Sistem ini menggantikan
sistem perjenisan lama iaitu Customs
Cooperation Council Nomenclature,
dengan izin. Tidak ada perubahan
kadar-kadar cukai jualan dibuat
melalui Perintah ini. Tindakan yang
dibuat hanyalah untuk menukar kod
tarif yang dipakai bagi
memperjeniskan barang-barang
daripada sistem lama iaitu Customs
Cooperation Council Nomenclature,
dengan izin, kepada sistem baru iaitu
Konvensyen Pengharmonian Sistem
Pemerihalan dan Pengekodaan
Komoditi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon
mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang
di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan
D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang
Berhormat, masalah sekarang ini
terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat,
sekarang saya kemukakan masalah
bagi diputuskan. Masalahnya ialah
bahawa usul atas nama Yang
Berhormat Menteri Kewangan
disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan,
dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil
ketetapan iaitu menurut kuasa-
kuasa yang diletakkan kepadanya
oleh subseksyen (2) Seksyen 15,
Akta Cukai Jualan 1972, Perintah
berikut:

- (i) Perintah Cukai Jualan
(Kadar-kadar Cukai) 1988;

yang telah dibentangkan di hadapan
Majlis ini sebagai Kertas Statut Bil.
28 tahun 1988 disahkan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan
D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang
Berhormat, Dewan ditangguhkan
kepada suatu tarikh yang tidak
ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
7.14 malam.*